



# Manual Islam & HIV/AIDS




Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Dengan Kerjasama  
Kementerian Kesihatan Malaysia





# Manual Islam & HIV/AIDS

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Dengan Kerjasama  
Kementerian Kesihatan Malaysia



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**  
[www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Cetakan Pertama.....2009  
© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikal, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**Manual Islam & HIV/AIDS**

ISBN 978-983-042-431-6

1. AIDS (Disease)--Malaysia. 2. HIV infections--Malaysia. 3. AIDS (Disease)--Patients--Malaysia. 4. AIDS (Disease)--Malaysia--Prevention.

616.979200297

**Aturhuruf & Rekabentuk**

OMR Press Sdn Bhd  
No. 18, Jln Industri USJ 1/12,  
Tmn. Perindustrian USJ 1,  
47600 Subang Jaya, Selangor  
Tel : 03-8024 6396  
Fax : 03-8024 6936

# KANDUNGAN

<b>Kata-Kata Aluan Ketua Pengarah Panduan Menggunakan Manual Islam dan HIV/AIDS</b>	i 1
<hr/>	
<b>Modul 1: HIV/AIDS: Pengenalan Asas</b>	13
Tajuk 1: HIV/AIDS & Cara Jangkitan	13
Tajuk 2: Ujian Antibodi HIV	21
Tajuk 3: Soalan Yang Sering Ditanya Berhubung HIV/AIDS	26
<hr/>	
<b>Modul 2: Fakta &amp; Perangkaan HIV/AIDS</b>	32
Tajuk 1: HIV/AIDS – Fakta & Perangkaan	33
Tajuk 2: Kesan Gejala HIV/AIDS	44
<hr/>	
<b>Modul 3: Pencegahan</b>	48
Tajuk 1: Pencegahan – Kenapa & Bagaimana ?	48
Tajuk 2: Pengubahan Kelakuan	54
<hr/>	
<b>Modul 4: Sokong Bantu &amp; Rawatan</b>	59
Tajuk 1: Keperluan Sokong Bantu	59
Tajuk 2: Keperluan Rawatan	64
Tajuk 3: Tanggungjawab Sokong Bantu Dalam Pendekatan Islam	65
<hr/>	
<b>Modul 5: Stigma (Prasangka buruk) dan Diskriminasi</b>	74
Tajuk 1: Bahasa HIV/AIDS	75
Tajuk 2: Tanggapan Risiko Jangkitan HIV	76
Tajuk 3: Menilai Tanggapan Peribadi Terhadap HIV/AIDS	77
Tajuk 4: Pandangan Islam Berhubung Stigma (Prasangka Buruk) & Diskriminasi	78
Tajuk 5: Kes Kajian Stigma (Prasangka Buruk) & Diskriminasi	84
Tajuk 6: Menyelesaikan Masalah	88
<hr/>	
<b>Modul 6: Tugas &amp; Tanggungjawab Umat Islam Di Dalam Memerangi HIV/AIDS</b>	90
Tajuk 1:Tindakbalas Dunia Islam terhadap HIV/AIDS	90
Tajuk 2: Peranan Masjid Dan Pemimpin Islam	99
Tajuk 3: Aktiviti Bengkel	105
Tajuk 4: Soalan Yang Sering Ditanya Berhubung Islam & HIV/AIDS	107
Tajuk 5: Doa-Doa Daripada al-Quran dan as-Sunnah	112
<hr/>	
<b>Modul 7: Pengurusan Jenazah</b>	119
Tajuk 1: Prosedur Bagi Pengurusan Jenazah Pesakit AIDS	119
Tajuk 2: Perspektif Islam Berhubung Pengurusan Jenazah AIDS	120
Tajuk 3: Kajian Kes	122
<hr/>	
<b>Modul 8: Pelan Tindakan</b>	124
Lampiran 1 (Senarai Pertubuhan NGO di Malaysia Yang Menyediakan Perkhidmatan Berkait HIV AIDS)	131
Lampiran 2 (Borang Penilaian Manual Latihan Islam & HIV/AIDS)	134
Lampiran 3 (Glosari Bagi HIV/AIDS)	135
Penghargaan	138
<hr/>	
<b>Rujukan</b>	139

## **KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH**

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin, rahmat serta inayahNya jua, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berjaya menerbitkan Manual Islam & HIV/AIDS sebagai wadah ilmu yang sangat bermanfaat kepada umat Islam. Semoga ianya dapat dijadikan rujukan serta panduan kepada kepimpinan Islam menangani HIV/AIDS. Penerbitan Manual ini secara tidak langsung mengikis pandangan stigma dan diskriminasi kepada kumpulan terpinggir yang dahagakan bimbingan kerohanian serta bantuan kebaikan.

Penerbitan manual ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab kepimpinan agama dalam menangani permasalahan HIV/AIDS dalam masyarakat. Maka dengan terbitnya manual ini di persada ilmu, diharapkan agar umat Islam akan memanfaatkannya dengan sebaik mungkin, bukannya hanya sekadar dianggap bahan bacaan biasa. Tambahan pula, pengetahuan kita sebagai umat Islam mengenai HIV/AIDS masih lagi tidak begitu koprehensif.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Pengurus dan seluruh Kumpulan Kerja Teknikal Manual Islam HIV/AIDS yang telah bekerjasama dan bergabung idea, tenaga, usaha serta komitmen dalam memastikan kelancaran penerbitan manual ini. Semoga jalinan perkongsian kepakaran antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan dapat di pertingkat dari masa ke semasa.

Adalah diharapkan niat dan usaha murni ini akan mendapat ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah S.W.T jua, serta memberi manfaat yang berterusan kepada seluruh umat Islam.

Sekian, terima kasih.



DATO' HJ. WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH HJ.ABDUL AZIZ  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## **KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH**

### **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Assalamualaikum w.b.t

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan saya ucapan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana berjaya menghasilkan Manual Islam dan HIV/AIDS serta keprihatinan yang diberikan di dalam melaksanakan tanggungjawab membantu negara membanteras HIV/AIDS, khususnya bagi kalangan yang ‘beragama Islam’.

Sebagaimana sedia maklum, HIV/AIDS merupakan ancaman besar terhadap kesejahteraan manusia. Adalah perlu bagi kita untuk bersama-sama mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menanganinya. Peranan pelbagai pihak adalah amat penting samada di peringkat kerajaan, badan bukan kerajaan, para ilmuan, pendakwah, masyarakat, keluarga dan individu.

Manual yang akan digunakan oleh pemimpin Islam seperti Imam, pegawai agama, guru agama, pendakwah dan lain-lain ini turut merangkumi aspek keperluan dan rawatan bagi mereka yang telah dijangkiti HIV/AIDS. Ia juga boleh dijadikan sebagai sumber informasi dan panduan untuk kebaikan semua pihak dalam menangani HIV/AIDS khususnya bagi mengelakkan jangkitan kepada mereka yang belum dijangkiti. Diharap manual ini akan dapat meningkatkan kefahaman pemimpin Islam mengenai HIV/AIDS dan seterusnya meningkatkan keberkesanan usaha dakwah, bagi mencegah wabak ini serta memantapkan khidmat sokongan bagi mereka yang telah dijangkiti.



TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD ISMAIL MERICAN  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.



# PANDUAN BAGI MENGUNAKAN MANUAL ISLAM DAN HIV/AIDS

## TUJUAN MANUAL ISLAM dan HIV AIDS

Manual Islam dan HIV/AIDS telah digubal khusus untuk penggunaan Pegawai Hal Ehwal Islam di Jabatan Agama Islam Negeri, Daerah, Imam, Guru Takmir, Pemegang Tauliah Mengajar (Masjid, Surau dan Madrasah) dan pemimpin masyarakat Islam bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih berkesan dan proaktif dalam menangani HIV/AIDS di Malaysia.

Manual ini mengandungi maklumat untuk pemimpin Islam mengenai aspek-aspek HIV/AIDS yang relevan kepada masyarakat umum Malaysia dan masyarakat Islam khususnya. Maklumat ini merangkumi perkara yang berkaitan dengan maklumat asas HIV AIDS, pencegahan, rawatan, sokongan, kaunseling, stigma (prasangka buruk), diskriminasi, dan pengurusan jenazah pesakit AIDS.

Maklumat yang disediakan bersifat am memandangkan tujuan utama manual ini adalah untuk memberi panduan asas bagi memudahkan penglibatan pemimpin Islam untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan masyarakat Islam dalam menangani HIV/AIDS di Malaysia.

Adalah menjadi harapan semoga dapat digunakan sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah menangani cabaran HIV di Malaysia.

## PENDEKATAN PENGGUNAAN MANUAL

Disyorkan agar aktiviti yang disediakan dalam manual ini disesuaikan untuk keadaan yang berlainan atau kumpulan yang menjadi sasaran, bergantung kepada faktor seperti jenis kumpulan, masa, isu dan sumber yang ada. HIV/AIDS adalah subjek yang sukar untuk dibincangkan. Oleh kerana perbincangan mengenai HIV/AIDS adalah perkara peribadi maka anda perlu menggunakan pendekatan secara berhikmah, terutama sekali jika ia menyentuh cara kehidupan orang atau bila dikaitkan dengan isu moral dan prinsip agama. Oleh itu, anda digalakkan mewujudkan suasana yang sesuai untuk berkongsi pendapat dan berbincang secara terbuka di suatu ruang yang 'selamat'.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl Ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَسِنَةِ وَجَنِيدُهُمْ بِالَّقِيْهِ هُوَ أَحَسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ  
وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Maksudnya:

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engku serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia laju Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia laju Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk.


## KUMPULAN YANG PERLU MENJALANI LATIHAN MANUAL ISLAM DAN HIV

1. Pegawai JAKIM
2. Pegawai Hal Ehwal Islam di Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri/Daerah
3. Imam
4. Guru Takmir
5. Pemegang Tauliah Mengajar/ Guru Agama Bertauliah (Masjid, Surau dan Madrasah).
6. Guru-guru Pendidikan Islam di Sekolah Rendah, Menengah, Kebangsaan dan Agama.
7. Pemimpin masyarakat Islam

### NOTA:

- i. Mereka di atas yang telah menjalani latihan manual Islam dan HIV/AIDS ini diharapkan dapat menggunakan modul ini untuk melatih lain-lain pemimpin Islam.
- ii. Manual ini boleh digunakan oleh sesiapa yang berminat untuk melaksanakan pendekatan Islam dalam menanggani HIV/AIDS.

## PROSES LATIHAN DAN PELAKSANAAN MANUAL ISLAM DAN HIV/AIDS



## KUMPULAN SASAR UNTUK AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN BERKAITAN HIV/AIDS

Sebelum berhadapan dengan mana-mana kumpulan sasar, anda perlu memahami latarbelakang dan permasalahan mereka terlebih dahulu dengan menimbangkan isu-isu yang berkaitan dengan kumpulan tersebut agar anda dapat berkomunikasi dengan ahli kumpulan tersebut dengan lebih berkesan mengenai HIV/AIDS.

Pendekatan ini menggunakan contoh Nabi Muhammad SAW semasa berdakwah, iaitu Baginda SAW menggunakan falsafah, bahasa dan contoh yang relevan dan berguna mengikut tahap kefahaman dan perwatakan seseorang individu agar alasan dan hikmah di sebalik setiap larangan dapat difahami dengan mudah seperti dijelaskan dalam

Hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ فَتَيْ شَابًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَئْذِنْ لِي بِالرِّزْقِ فَأَقْبَلَ الْقَوْمُ عَلَيْهِ فَزَجَرُوهُ قَالُوا مَهْ فَقَالَ ادْعُهُ مِنِّي فَدَنَا مِنْهُ قَرِيبًا قَالَ فَجَلَسَ قَالَ أَتَجْعَلُهُ لِأَمْكَنَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَمْهَاتِهِمْ قَالَ أَفْسِحْهُ لِأَبْنَتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِبَنَاتِهِمْ قَالَ أَفْسِحْهُ لِأُحَبَّكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَخْوَاتِهِمْ قَالَ أَفْسِحْهُ لِعَمَّتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِعَمَّاتِهِمْ قَالَ أَفْسِحْهُ لِخَالِتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ قَالَ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ وَظَاهِرَ قَلْبِهِ وَحَصَنَ فَرَجَهُ فَلَمْ يَكُنْ بَعْدَ ذَلِكَ الْفَتَنَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ

Maksudnya:

Seorang pemuda telah datang menemui Nabi Muhammad SAW dan berkata, "Izinkanlah saya melakukan zina". Para sahabat Nabi SAW marah mendengar kata-kata ini tetapi Nabi SAW bersabda kepada mereka, "Mari hampiri saya. Adakah engkau suka seseorang melakukan zina dengan ibu engkau?" Dia menjawab, "Tentu sekali tidak." Nabi SAW bersabda, "Maka orang lain juga tidak akan suka perbuatan yang memalukan sedemikian dengan ibu mereka". Kemudian Nabi SAW bertanya pemuda itu soalan yang sama mengenai saudara perempuan dan ibu saudara dan saudaranya yang lain. Setiap kali pemuda itu menjawab, "Tentu sekali tidak". Kemudian Nabi SAW meletakkan tangan baginda kepada pemuda itu dan berdoa, "Ya Allah! Sucikanlah hatinya, ampunkanlah dosanya dan peliharalah dia daripada zina

Hadis Riwayat Imam Ahmad

**Ciri-ciri kumpulan sasar yang anda akan dekati dengan menggunakan Manual Islam & HIV/AIDS ini;**

Kumpulan Sasar	Ciri - Ciri
Orang Awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap individu mempunyai risiko yang rendah untuk dijangkiti HIV</li> <li>• Mempunyai sedikit pengetahuan mengenai HIV/AIDS</li> <li>• Kebimbangan yang ditunjukkan adalah tidak munasabah</li> <li>• Amnya tidak mempedulikan mereka yang dijangkiti HIV</li> <li>• Mempunyai pandangan negatif terhadap masyarakat terpinggir seperti penagih dadah, pelacur dan transeksual</li> <li>• Kurang kesedaran mengenai tugas dan tanggungjawab individu Islam untuk membantu orang lain yang menderita dan merana kerana HIV/AIDS</li> <li>• Mereka bersimpati dengan orang yang hidup dengan HIV/AIDS tetapi kurang bersedia untuk membantu atau mengetahui lebih mendalam mengenai HIV/AIDS kerana mereka beranggapan bahawa jangkitan HIV tersebut tidak melibatkan mereka secara langsung.</li> <li>• Mereka ingin membantu tetapi tidak pasti bagaimana hendak melakukannya</li> <li>• Tidak pasti bagaimana hendak membantu ahli keluarganya atau sahabat handainya yang dijangkiti HIV/AIDS.</li> <li>• Kurang pengetahuan dan penghayatan ajaran agama</li> </ul>
Wanita	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang pengetahuan dan penghayatan agama</li> <li>• Kedudukan yang lemah dalam perhubungan dengan lelaki</li> <li>• Kurang kesedaran mengenai HIV/AIDS dan cara-cara pencegahan</li> <li>• Risiko peribadi yang tinggi kepada jangkitan HIV</li> <li>• Kurang pengetahuan mengenai penularan HIV melalui perhubungan seks</li> <li>• Kurang keupayaan untuk menghalang perhubungan berisiko dengan teman lelaki</li> <li>• Ketidakupayaan untuk membuat keputusan yang bertentangan dengan kemauan suami walaupun suami berlaku curang terhadapnya</li> <li>• Kesukaran mencapai kata sepakat antara suami isteri berkenaan penggunaan kondom ketika bersetubuh</li> <li>• Kekurangan sokongan kewangan bagi balu atau janda untuk menampung keperluan anak-anak yang HIV positif</li> </ul>
Belia	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bimbang dihukum oleh keluarga / masyarakat kerana terlibat dengan gejala sosial</li> <li>• Tekanan rakan sebaya</li> <li>• Pengetahuan yang lemah mengenai HIV/AIDS</li> <li>• Kurang kesedaran bagi keselamatan peribadi</li> <li>• Kurang pemimpin dewasa untuk dicontohi (role model)</li> <li>• Kekecewaan dan kebosanan dalam kehidupan harian</li> <li>• Kurang pengetahuan dan penghayatan agama</li> <li>• Kurang menghormati nasihat ibu bapa</li> <li>• Kurang menghargai dan memahami hikmah ajaran dan amalan agama</li> <li>• Mudah terpengaruh oleh ajaran sesat</li> <li>• Kurang keyakinan emosi akibat diabaikan oleh ibu bapa</li> <li>• Semangat dan harga diri yang rendah</li> <li>• Menghabiskan masa lapang untuk perkara-perkara yang tidak berfaedah dan terlibat dengan gejala sosial seperti ketagihan rokok, arak, seks bebas, penyalahgunaan dadah dan "hedonisme"(hiburan melampau)</li> </ul>
Kumpulan Berisiko	<p>(Transeksual / Homoseksual / Lesbian / Gay)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang akses kepada sokongan sosial</li> <li>• Kurang sokongan moral, pengetahuan dan penghayatan agama</li> <li>• Kurang akses kepada kaunseling dari sudut seksualiti / kehidupan bermoral</li> <li>• Kurang peluang pekerjaan oleh kerana keadaan fizikal dan kurang sokongan kewangan</li> </ul>

Ciri-ciri kumpulan sasar yang anda akan dekati dengan menggunakan Manual Islam & HIV/AIDS ini;

Kumpulan Sasar	Ciri - Ciri
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang kesedaran mengenai HIV/AIDS dan cara-cara pencegahan</li> <li>• Tidak tahu di mana hendak berpaling atau bergantung untuk bantuan atau sokongan hidup</li> <li>• Kurang pengetahuan dan penghayatan agama</li> <li>• Menghadapi stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi</li> <li>• Ditinggalkan / disisih oleh keluarga</li> <li>• Kurang peluang pekerjaan dan desakan hidup</li> <li>• Semangat dan harga diri yang rendah</li> </ul>
Penagih Dadah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyembunyikan perangai, perbuatan dan kelakuan supaya tidak diketahui umum.</li> <li>• Kurang pengetahuan dan kesedaran mengenai kesan HIV/AIDS dan kaedah pencegahan</li> <li>• Masalah kepincangan keluarga, pengaruh rakan dan faktor persekitaran.</li> <li>• Kehilangan tempat bergantung (keluarga), tempat tinggal dan pekerjaan</li> <li>• Ketidakupayaan menghentikan ketagihan tanpa sokongan berterusan daripada keluarga, kawan dan masyarakat</li> <li>• Kurang akses kepada pengetahuan dan penghayatan agama</li> <li>• Dipinggir oleh kawan, keluarga dan masyarakat</li> <li>• Stigma (prasangka buruk) dan penghinaan oleh kawan, keluarga dan masyarakat</li> <li>• Kurang motivasi untuk membaiki diri dan memulakan hidup baru</li> <li>• Semangat dan harga diri yang rendah</li> <li>• Kurang mengambil berat berkenaan keselamatan peribadi, contohnya berkongsi jarum suntikan yang tercemar dengan HIV, terlibat dengan seks rambang</li> <li>• Bimbang kehilangan pekerjaan / tiada pekerjaan</li> </ul>
Pelacur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidikan dan kefahaman agama yang amat lemah</li> <li>• Kurang akses kepada sokongan kaunseling, moral, dan sosial</li> <li>• Sumber kewangan terhad untuk saraan hidup</li> <li>• Kurang kesedaran dan kefahaman mengenai kesan HIV/AIDS dan kaedah pencegahan</li> <li>• Tarikan gaya hidup mewah</li> <li>• Semangat dan harga diri rendah... tidak kisah dengan masalah moral</li> <li>• Disisih / dihina dan dipinggir oleh keluarga dan masyarakat</li> <li>• Terjebak dan terperangkap dalam kancang maksiat</li> <li>• Merosakkan imej individu dan masyarakat</li> </ul>
Bakal Pengantin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengetahui tentang kewajaran menjalani Ujian Saringan HIV sebelum berkahwin</li> <li>• Terpaksa meneruskan perkahwinan walaupun disahkan HIV positif</li> <li>• Menghadapi stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi daripada keluarga dan masyarakat apabila didapati HIV+ve</li> <li>• Kurang kesedaran dan kefahaman mengenai kesan HIV/AIDS dan kaedah pencegahan</li> <li>• Tidak lendapat khidmat sokong-banti apabila di sahkan HIV+ve</li> <li>• Menghadapi kemungkinan mendapat anak HIV positif</li> <li>• Merosakkan imej individu, keluarga, dan masyarakat apabila disahkan HIV+ve</li> </ul>

## PENDEKATAN AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN YANG DICADANGKAN

Berikut adalah pendekatan yang boleh digunakan.

Pendekatan	Aktiviti	Huraian
Penyampaian Secara Lisan	Ceramah Khutbah Tazkirah Usrah Halaqah Ziarah Temu Seru	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penceramah boleh memilih untuk membuat pembentangan menggunakan alatan multi-media, nota yang disediakan atau ucapan.</li> <li>Maklumat yang disediakan berdasarkan Manual ini (risalah, brosur atau buku kecil) boleh diedarkan kepada kumpulan sasar.</li> <li>Ceramah boleh diselang seli dengan sesi soal jawab supaya dapat menarik minat dan perhatian kumpulan sasar. Untuk panduan tentang cara menjawab soalan, sila rujuk kepada Soalan yang Sering Ditanya dalam Apendiks pada Lampiran C dan E.</li> <li>Penyampaian secara lisan adalah suatu kaedah berguna dan berkesan untuk memberikan tunjuk ajar kepada bilangan kumpulan sasar yang sangat ramai, dan boleh mengatasi pelbagai isu dalam sebuah ceramah yang berlangsung antara 45-60 minit, dengan syarat bahan yang disediakan menarik dan bermaklumat untuk memastikan kumpulan sasar mendengar semua yang disampaikan. Bahan yang disediakan juga harus sesuai untuk kumpulan sasar, daripada segi kemampuan mereka menggarap konsep yang dibentangkan, dan harus disampaikan sejelas mungkin. Sebagai contoh, sebuah bahan yang disediakan untuk pelajar universiti mungkin tidak sesuai untuk para pesara yang berkumpul di sesebuah masjid kampung.</li> <li>Penyampaian secara lisan kurang berkesan untuk kumpulan kecil yang kurang daripada 10 orang kerana ahli kumpulan akan lebih cenderung dan selesa untuk berinteraksi dan berbincang sesama sendiri daripada hanya mendengar seorang bercakap.</li> <li>Penyampaian secara lisan juga tidak digalakkan untuk belia dan mana-mana kumpulan sasaran lain yang bertenaga dan tidak dapat memberi tumpuan untuk jangkamasa yang lama.</li> <li>Kisah serta teladan boleh berdasarkan kisah daripada al-Quran,Sirah para Nabi a.s., para Sahabat r.a, kisah tauladan,cerita rakyat atau keadaan kehidupan sebenar yang mana identiti sebenar watak dalam cerita telah diubah.</li> <li>Cerita itu haruslah mengandungi unsur yang tidak bercanggah dengan pegangan akidah. Sebagai contoh, cerita rakyat mungkin terpaksa diberi penjelasan lanjut kepada belia bandar yang tidak biasa dengan keadaan desa di mana cerita rakyat biasanya dikarang.</li> <li>Bercerita adalah suatu kaedah yang sangat berguna untuk memberi penjelasan kepada para peserta yang mungkin mempunyai kesukaran memahami konsep mengenai HIV/AIDS dengan serta-merta.</li> <li>Peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil bagi membolehkan mereka memahami dengan lebih jelas mengenai HIV/AIDS dengan tahap pemikiran dan pendidikan mereka.</li> </ul>
	Rancangan Perbualan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan televisyen dan radio untuk menyebarkan maklumat mengenai HIV/AIDS kepada orang ramai.</li> <li>Disyorkan bahan disediakan dengan baik terlebih dahulu supaya maklumat yang sangat jelas dan penting mengenai HIV/AIDS dapat disampaikan.</li> </ul>

## PENDEKATAN AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN YANG DICADANGKAN

Berikut adalah pendekatan yang boleh digunakan.

Pendekatan	Aktiviti	Huraian
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Maklumat hendaklah mempunyai daya penarik untuk menghalang pendengar atau penonton daripada menukar saluran.</li> <li>Maklumat boleh disampaikan dalam bentuk umum atau sangat khusus bergantung pada topik rancangan itu. Dicadangkan yang maklumat itu berbentuk umum, tetapi tidak terlalu umum sehingga tidak mencukupi atau tidak cukup khusus untuk menjadikannya jelas, tetapi tidak terlalu khusus atau teknikal untuk mengelak daripada mengelirukan pendengar atau penonton kerana terdapat sedikit skop untuk soal jawab.</li> <li>Suatu sesi soal jawab boleh juga diselitkan di mana pendengar atau penonton boleh menelefon tetapi masa ini biasanya dihadkan kepada beberapa minit sahaja.</li> <li>Disyorkan suatu Pesanan Khidmat Awam ataupun suatu seruan untuk bertindak secara berkesan di penghujung rancangan itu atau seruan itu diulangi semasa program itu yang secara idealnya dinyatakan dalam satu ayat untuk kumpulan sasar memahami dan mengikutinya. Contohnya ialah HIV/AIDS membunuh Jasmani, tetapi stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi membunuh Rohani atau HIV/AIDS: Berhijrahlah kepada Harapan.</li> <li>Juga disyorkan rancangan itu tamat dengan maklumat penting dipaparkan pada skrin atau diumumkan di radio, seperti pihak untuk dihubungi, tempat untuk menjalankan Ujian Antibodi HIV, atau maklumat lain yang berkaitan dengannya.</li> </ul>
	Forum /Ahli panel/ ceramah jemputan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan sekumpulan penceramah untuk menyebarkan maklumat mengenai HIV/AIDS daripada suatu sudut pandangan yang berlainan/sama kepada kumpulan kecil, sederhana atau besar.</li> <li>Disyorkan satu set soalan utama disediakan untuk memandu perbincangan dan dialog itu dan memberikan fokus kepada isu itu.</li> <li>Pembentangan dengan menggunakan projektor atau alat pandang dengar boleh juga digunakan untuk menyampaikan kandungan perbincangan.</li> <li>Disyorkan agar suatu pesanan utama/ pesanan khidmat awam yang bertindak membuat kesimpulan yang akan dibentangkan sebagai resolusi kepada isu yang diutarakan di samping menyediakan maklumat yang jelas kepada pendengar atau penonton.</li> <li>Perbincangan berkumpulan tidak memerlukan sumber yang rapi dan suatu teknik bernilai untuk digunakan dalam pendidikan HIV/AIDS</li> </ul>
Aktiviti Penyertaan  Aktiviti yang menggalakkan penyertaan dan interaksi kumpulan sasar secara aktif.	Perbincangan kumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Anda boleh gunakan penceramah jemputan, tayangan video, kes kajian atau petikan daripada rencana.</li> <li>Perbincangan itu akan berjaya jika anda sudah menyediakan objektif yang jelas mengenai skop perbincangan yang harus difokuskan, dan apa yang harus menjadi hasil atau keputusan daripada perbincangan itu.</li> <li>Saiz kumpulan menjelaskan penyertaan. Jika ada lebih daripada lima belas orang dalam sesebuah kumpulan, penglibatan boleh dikurangkan. Disyorkan kumpulan besar dibahagikan kepada</li> </ul>

## PENDEKATAN AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN YANG DICADANGKAN

Berikut adalah pendekatan yang boleh digunakan.

Pendekatan	Aktiviti	Huraian
		<p>kumpulan lebih kecil bagi perbincangan yang lebih berkesan. Bergeraklah dari kumpulan ke kumpulan dengan menyediakan bantuan dimana perlu.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• diberikan masa untuk kumpulan lebih kecil berkongsi suatu ringkasan dengan seluruh kumpulan.</li> <li>• Berhati-hati dengan individu yang mungkin mendominasi perbincangan. Sediakan peluang untuk ahli yang pendiam untuk bercakap dan cuba galakkan mereka untuk memberikan pandangan</li> </ul>
	Latih Tubi Minda	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tubi minda adalah suatu cara kreatif untuk menjana paling banyak idea dalam masa yang paling singkat. Ia membolehkan penyertaan kumpulan yang maksima. Ia juga boleh digunakan dalam kumpulan untuk merangsang perbincangan atau apabila individu mendapat sukar untuk menyumbang pandangan.</li> <li>• Ia tidak memerlukan banyak sumber atau peralatan.</li> <li>• Bagi tubi minda yang berjaya, putuskan sesuatu topik atau isu khusus dan huraikan topik itu sejelasnya kepada kumpulan.</li> <li>• Tetapkan suatu had masa untuk perbincangan. Sepuluh minit biasanya akan menjadi masa maksima yang dibenarkan.</li> <li>• Minta reaksi daripada peserta. Terima semua idea dan tuliskan dalam satu senarai untuk semua orang melihatnya untuk membantu perbincangan dan resolusi lanjut.</li> <li>• Aktiviti itu adalah suatu cara yang baik untuk memperkenalkan sesuatu topik dan untuk dapat menghayati tahap pengetahuan dan sikap yang satu kumpulan itu mungkin miliki mengenai suatu isu. Ia juga sesuai untuk kumpulan daripada semua peringkat umur.</li> <li>• Tubi minda juga harus cuba membawa kepada suatu aktiviti yang dengan cara tertentu mengendalikan topik yang dikemukakan, memperkuat isu itu atau memberikan pandangan alternatif tentang isu itu.</li> </ul>
	Seminar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program pembelajaran berstruktur yang melibatkan kumpulan bersaiz sederhana hingga besar yang boleh memakan masa dari <math>\frac{1}{2}</math> hari hingga satu minggu memerlukan banyak perancangan, susunan terperinci dan sumber seperti dana, masa, kakitangan, peralatan, tempat latihan, penginapan dan makan-minum.</li> <li>• Seminar sangat berguna untuk menyampaikan pelbagai sumber pengetahuan kepada kumpulan orang tertentu yang seterusnya boleh menggabungkan pengetahuan yang diperolehnya ke dalam bidang masing-masing untuk membantu kerja menangani HIV/AIDS.</li> </ul>
	Menyelesaikan Masalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti menyelesaikan masalah dan membuat keputusan adalah cara yang berguna dan menarik yang membuatkan orang berfikir mengenai sesuatu masalah.</li> <li>• Ia juga suatu pendekatan yang sangat berguna untuk mendapatkan penyelesaian kepada suatu masalah yang dialami oleh kumpulan itu sendiri, sebagai contoh, pengguna dadah boleh mencadangkan penyelesaian inovatif dan berkesan untuk bercakap tentang penggunaan dadah berbanding dengan kumpulan bukan pengguna yang tidak faham berkenaan masalah ketagihan.</li> </ul>

## PENDEKATAN AKTIVITI-AKTIVITI KEMASYARAKATAN YANG DICADANGKAN

Berikut adalah pendekatan yang boleh digunakan.

Pendekatan	Aktiviti	Huraian
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Suatu cara untuk membina kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat keputusan adalah dengan mengemukakan suatu keadaan dilema. Ini merangsang suatu proses yang boleh digunakan dalam situasi sebenar.</li> <li>Apabila melihat sesuatu masalah, galakkan peserta mengenal pasti intipati masalah tersebut. Kaji semua segi soalan itu dan wujudkan fakta yang relevan.</li> <li>Timbangkan kemungkinan alternatif yang ada dan kaji implikasi setiap alternatif tersebut. Buat suatu keputusan berdasarkan langkah yang dikenal pasti dan maklumat yang dikumpulkan. Berpegang kepada keputusan sesuatu kumpulan akan menjadi paling berkesan jika ada persetujuan bersama di kalangan ahli kumpulan.</li> <li>Penggunaan bilik, dewan atau ruang untuk mempamerkan gambar, kenyataan dan maklumat lain.</li> <li>Disyorkan suatu tema untuk pameran itu dengan memikirkan untuk menyediakan fokus untuk membantu penonton menggarap konsep dalam maklumat yang dipamerkan.</li> </ul>
	Berkongsi Pengalaman	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkongsi pengalaman peribadi dalam suatu kumpulan untuk mendapatkan sokongan dan panduan daripada satu sama lain.</li> <li>Latihan ini hanya perlu dijalankan dalam sebuah kumpulan yang ahlinya selesa antara satu sama lain.</li> <li>Latihan itu boleh menjadi suatu pengalaman yang amat berguna, terapeutik dan menyentuh perasaan, bagi kedua-dua orang yang mengisahkan pengalaman, begitu juga dengan orang yang mendengarnya.</li> <li>Latihan berkongsi pengalaman hendaklah dijalankan dalam suatu kawasan sepi dan persendirian. Ia juga boleh menggabungkan aktiviti seperti solat subuh berjamaah, pada waktu-waktu yang sepi, diikuti dengan aktiviti berkongsi pengalaman, mungkin juga oleh seseorang yang menghidap HIV/AIDS kepada ahli masyarakat yang lain, untuk memudahkan penerimaan dan integrasi mereka ke dalam masyarakat, dan untuk menggalakkan masyarakat mewujudkan kasih sayang dan sokongan mereka kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS.</li> </ul>
<b>Aktiviti Penyayang</b> Aktiviti yang melibatkan ahli masyarakat dan pemimpin mereka untuk mewujudkan perpaduan, saling mempercayai dan menyokong antara satu dengan lain.	Membangun Pusat masyarakat di masjid untuk belia <ul style="list-style-type: none"> <li>Lawatan ke rumah</li> <li>Lawatan ke rumah untuk menyebarkan kesedaran mengenai HIV/AIDS</li> <li>Ziarah</li> <li>Temu Seru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti kemasyarakatan adalah usaha yang berbaloi yang bukan sahaja menyebarkan tahap kesedaran yang tinggi mengenai HIV/AIDS tetapi menggalakkan masyarakat menyokong satu sama lain dalam mengatasi HIV/AIDS.</li> <li>Aktiviti kemasyarakatan juga menolak kemudaratan akibat stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi, di mana kebimbangan untuk mengaku secara terbuka status HIV/AIDS menghalang individu daripada mendapatkan maklumat yang betul mengenai Pencegahan Jangkitan, selain menghalangnya daripada mendapat rawatan awal yang boleh membantu mereka hidup lebih lama dan lebih produktif.</li> <li>Aktiviti kemasyarakatan juga menyediakan sokongan yang amat diperlukan kanak-kanak dan wanita yang dibebani kesan akibat HIV/AIDS ke atas keluarga mereka.</li> <li>Aktiviti kemasyarakatan mengenai kasih sayang dan sokongan menaikkan status individu dan mewujudkan masyarakat penyayang, berperikemanusiaan sejajar dengan ajaran Islam dan sunnah Nabi Muhammad SAW.</li> </ul>

## PANDUAN JADUAL PELAKSANAAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN HIV/AIDS

Jadual yang berikut menyediakan suatu garis panduan untuk melatih aktiviti berdasarkan masa yang ada:

Masa	Pendekatan Yang Dicadangkan
15 minit- 2 jam	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Penerangan secara lisan</b> Contoh seperti tazkirah, khutbah, usrah, ceramah umum, rancangan perbualan, forum, bercerita</li> <li><b>Aktiviti Penyertaan</b> Contoh seperti memainkan peranan, perbincangan berkumpulan, berkongsi pengalaman.</li> <li><b>Aktiviti Penyayang</b> Contoh seperti melawat rumah orang sakit dan miskin yang menderita akibat HIV/AIDS, melawat rumah lain dalam masyarakat untuk mendidik mereka mengenai HIV/AIDS</li> </ul>
Separuh Hari	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Aktiviti Penyertaan</b> Contoh seperti latihan asak minda, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, seminar.</li> <li><b>Aktiviti Penyayang</b> Contoh seperti membantu orang yang dijangkiti HIV/ AIDS, membantu keluarga mereka dengan kerja rumah atau menjaga anak.</li> </ul>
Satu Hari	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Aktiviti Penyertaan</b> Contoh seperti seminar atau bengkel</li> <li><b>Aktiviti Penyayang</b> Contoh seperti menganjurkan kem belia di masjid.</li> </ul>
2-3 Hari	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>Aktiviti Penyertaan</b> Contoh seperti seminar atau bengkel</li> <li><b>Aktiviti Penyayang</b> Contoh seperti menganjurkan sebuah perkhidmatan masyarakat untuk orang yang hidup dengan HIV/AIDS, seperti perkhidmatan perubatan, pemberian makanan dan kaunseling</li> </ul>

## AKTIVITI SOKONGAN

Latihan, perbincangan dan penelitian isu mengenai Islam dan HIV/AIDS yang berkaitan dengan kebimbangan peribadi, prejudis, tanggungjawab moral, perkara-perkara berkaitan dengan seks dan penyalahgunaan dadah adalah sukar untuk dijelaskan kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, ia adalah tugas yang sangat murni, oleh kerana anda terlibat secara langsung dalam proses menggalakkan orang membuat pilihan yang terbaik dalam kehidupan mereka.

Sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah al-Balad Ayat 17-18 :

١٨ ثُمَّ كَانَ مِنَ الظِّنَّاءِ أَمْتُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ١٧ أُولَئِكَ أَصْحَابُ الْمَيْمَنَةِ

Maksudnya:

Selain dari itu, ia (tidak) menjadi dari orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang. Mereka itulah golongan pihak kanan (yang akan beroleh Syurga).

Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah Ayat 105

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرِكُ اللَّهُ عَمَلَكُ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَرِدُوكَ إِلَى عَدِيلٍ  
١٥ الْعَيْبِ وَالشَّهَدَةِ فَيَنِتَّهُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan.

## NOTA

1. Jika anda memerlukan apa juga bantuan untuk mengendalikan sebarang program HIV/AIDS, sila rujuk lampiran 1 untuk mendapatkan senarai lengkap pertubuhan dan individu lain yang terlibat dengan kerja-kerja berkaitan dengan HIV/AIDS.
2. Seandainya anda menghadapi masalah menjawab soalan-soalan berkaitan HIV/AIDS, sebuah senarai soalan atau kemuysikilan yang sering ditanya telah dibukukan untuk kegunaan anda dalam Apendiks C bertajuk Soalan yang Sering Ditanya Berhubung HIV/AIDS dalam Modul 1: Pengenalan Asas dan Soalan yang Sering Ditanya Berhubung Islam dan lampiran 6 HIV/AIDS dalam Modul: Tugas dan Tanggungjawab Umat Islam Memerangi HIV/AIDS.
3. Alat-alat yang digunakan untuk aktiviti sesi penerangan kepada kumpulan sasar perlulah bersesuaian dengan suasana aktiviti yang dilakukan, objektif aktiviti itu juga boleh dicapai dengan mudah tanpa penggunaan peralatan tersebut, iaitu melalui ceramah dan perbincangan mendalam.

## RINGKASAN KANDUNGAN MANUAL

Manual ini mengandungi lapan modul berasingan yang menyentuh bidang-bidang berikut:

- MODUL 1: PENGENALAN ASAS
- MODUL 2: FAKTA & PERANGKAAN
- MODUL 3: PENCEGAHAN
- MODUL 4: SOKONG BANTU & RAWATAN
- MODUL 5: STIGMA (PRASANGKA BURUK) & DISKRIMINASI
- MODUL 6: TUGAS & TANGGUNGJAWAB UMAT ISLAM DALAM MEMERANGI HIV/AIDS
- MODUL 7: PENGURUSAN JENAZAH
- MODUL 8: PELAN TINDAKAN

Selain dari Modul 7 dan 8, setiap Modul mengandungi Tajuk-Tajuk mengenai isu utama yang telah dikenal pasti. Setiap Tajuk mengandungi cadangan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti bengkel Islam & HIV/AIDS. Penekanan adalah ke atas pembelajaran melalui penyertaan, di mana peserta bengkel sendiri digalakkan berbincang secara terbuka dan berkongsi pengalaman atau pendapat mengenai HIV AIDS.

Modul-modul ini juga dirangka dengan mengambil kira keperluan pemimpin Islam, khususnya pada peringkat akar umbi, di mana pendidikan HIV/AIDS lebih sesuai dilakukan melalui sebuah halaqah di masjid, surau, madrasah atau semasa sesi muzakarah yang dijadualkan oleh guru takmir. Oleh itu, aktiviti yang dipilih untuk Manual ini tidaklah terlalu bergantung kepada bahan penyampaian, bahkan lebih difokuskan kepada sesi asas minda atau perbincangan yang boleh berlaku di sebarang suasana.

Maklumat yang disediakan di dalam Manual ini dibentangkan dalam format yang mudah untuk dihasilkan semula, sama ada diedarkan sebagai brosur, risalah, buku kecil ataupun sebagai transparensi bagi penggunaan segera.

Sekiranya anda memerlukan maklumat lebih terperinci mengenai subjek tertentu, hubungilah Kementerian, Jabatan Agensi dan pertubuhan – pertubuhan bukan kerajaan NGO seperti dalam (Lampiran A).

Selain dari aktiviti bengkel, manual ini mencadangkan penggunaan pendekatan ceramah atau perbincangan berkumpulan. Sila rujuk kepada tajuk Pendekatan Yang Dicadangkan.

# MODUL 1

## HIV / AIDS: PENGENALAN ASAS

### MODUL 1 - HIV / AIDS-PENGENALAN ASAS

---

#### Tujuan

Modul ini bertujuan memberikan pengetahuan asas tentang

- Pengertian HIV/AIDS,
- Cara jangkitan HIV dan
- Fakta tentang ujian antibodi HIV.

#### TAJUK 1 : HIV/AIDS & CARA JANGKITAN

#### Objektif

Pada akhir sesi ini para peserta akan dapat;

1. Menghuraikan perbezaan di antara HIV dengan AIDS
2. Menghuraikan bagaimana HIV boleh dan tidak boleh dijangkiti

Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar Ayat 9

أَمْنَهُوَقَنِيتُءَانَاءَأَيْلِسَاجِدًاوَقَائِمًايَحْذِرُالآخِرَهُوَرِجُوارَحَمَهُرَبِهُ  
قُلْهَلْيَسْتَوِيَالَّذِينَيَعْلَمُونَوَالَّذِينَلَايَعْلَمُونَإِنَّمَايَتَذَكَّرُأُولُوَالْأَلْبَيْ  
①

Maksudnya:

(Engkaukah Yang lebih baik) atau orang Yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam Dengan sujud dan berdiri sambil takutkan (azab) hari akhirat serta mengharapkan rahmat TuhanYa? "Katakanlah lagi (kepadanya): "Adakah sama orang-orang Yang mengetahui Dengan orang-orang Yang tidak mengetahui?" Sesungguhnya orang-orang Yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang Yang berakal sempurna.

## Apakah HIV?

H - Human  
I - Immunodeficiency  
V - Virus

- VIRUS ialah organisma yang boleh menyebabkan jangkitan
- Virus ini hanya boleh hidup didalam sel organisma hidup yang lain
- HIV adalah retrovirus yang menyerang sistem ketahanan penyakit kita dan memusnahkanya dalam tempoh tertentu
- HIV hanya menjangkiti manusia
- HIV hanya boleh dikesan melalui ujian antibody HIV
- Paling banyak virus terdapat dalam air mani, darah dan bendalir faraj dan sangat sedikit di dalam air mata dan air liur.

## Apakah AIDS?

A - Acquired (Dijangkiti tidak diwarisi)  
I - Immune (Daya tahan penyakit iaitu system daya tahan tubuh yang melindungi seseorang daripada penyakit)  
D - Deficiency (Kekurangan iaitu tidak berfungsi dengan)  
S - Syndrome (Sindrom adalah tanda-tanda atau gejala penyakit AIDS yang menunjukkan seseorang mempunyai suatu keadaan atau penyakit)

- AIDS adalah peringkat terakhir jangkitan yang disebabkan oleh HIV
- Jangkitan oportunistik adalah penyakit yang mengambil kesempatan daripada sistem daya tahan yang lemah

## Apakah Perbezaan HIV Dengan AIDS?

- Orang yang telah dijangkiti dengan HIV dipanggil HIV POSITIF
- Walaupun HIV ada di dalam tubuh mereka, ia mungkin tidak akan menyebabkan penyakit untuk suatu tempoh yang lama
- HIV akan berganda dan memusnahkan sel darah putih dan tubuh tidak akan dapat melawan penyakit yang biasanya dapat dilawani
- Orang yang dijangkiti HIV pada awalnya hanya mendapat penyakit kurang serius, dan seterusnya akan menghidapi penyakit yang serius seperti barah dan pneumonia
- Apabila penyakit yang serius ini berlaku, seseorang itu dikatakan telah menghidapi AIDS
- Seseorang yang mempunyai HIV boleh hidup selama 10-15 tahun atau lebih lama
- Ubat antiretrovirus membantu memperlambangkan pembiakan HIV

## Bendalir Tubuh

HIV hidup dalam bendalir tubuh berikut;

DARAH  
AIR LIUR  
SUSU IBU  
AIR MATA  
AIR MANI  
BENDALIR

Walau bagaimanapun, bendalir itu mesti mengandungi virus yang mencukupi untuk menyebabkan jangkitan. Bendalir orang yang telah dijangkiti HIV yang mengandungi kuantiti HIV yang banyak dan boleh menyebabkan jangkitan termasuklah;

DARAH  
AIR MANI  
BENDALIR FARAJ  
SUSU IBU

## Bagaimakah Jangkitan HIV Berlaku?

- Hubungan mesti keluar daripada darah orang yang dijangkiti dan memasuki darah orang lain, kerana HIV hanya boleh hidup di dalam tubuh manusia yang hidup, iaitu melalui cara-cara yang berikut;
  - Hubungan seks tanpa menggunakan kondom (seks melalui faraj, dubur ataupun mulut)
  - Berkongsi jarum dan alat suntikan yang dicemari dengan darah daripada seorang HIV positif
  - Daripada ibu yang dijangkiti HIV kepada bayinya semasa kehamilan atau bersalin, atau melalui penyusuan ibu
  - Pemindahan darah atau produk darah yang dicemari HIV
  - Pemindahan organ yang dicemari HIV

Firman Allah SWT dalam Surah al-Rum Ayat 41

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ مَا كَسَبُتُ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذْيِّهُمْ بَعْضُ الْذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Maksudnya:

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut Dengan sebab apa Yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya Yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk Yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).

Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar Ayat 25

كَذَّبَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ أَعْذَابُ مِنْ حَيْثُ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya:

Dan jagalah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) Yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang Yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). dan ketahuilah Bahawa Allah Maha berat azab sekasanya.

## Cara Jangkitan

---

Anda TIDAK BOLEH dijangkiti HIV melalui cara berikut:

- Berkongsi makanan dan minuman dengan seorang HIV positif
- Duduk sebelah seorang HIV positif
- Air mata seorang HIV positif
- Berkongsi tandas dengan orang yang HIV positif
- Menggunakan kemudahan awam seperti kolam mandi
- Gigitan nyamuk
- Memeluk seseorang yang HIV positif

## Bagaimana HIV Dikesan?

---

- Melalui Ujian Antibodi HIV
- Ujian ini mengesan antibodi di dalam dan bukan mengesan virus
- TEMPOH JENDELA – tempoh yang antibodi tidak dapat dikesan di dalam tubuh walaupun seseorang itu telah pun dijangkiti HIV
- Ia mengambil masa kira-kira 12 minggu dari masa HIV memasuki tubuh sehingga masa tubuh menghasilkan antibodi yang cukup banyak untuk dikesan melalui ujian darah
- Keputusan ujian positif bermakna seseorang telah dijangkiti HIV
- Keputusan ujian negatif bermakna antibodi kepada HIV tidak ditemui di dalam darah atau tidak cukup antibodi dihasilkan untuk dikesan melalui ujian (tempoh jendela)
- Ujian ini mesti diiringi dengan kaunseling sebelum dan selepas ujian

## Apakah Antara Tanda-Tanda Jangkitan HIV?

---

- Kehilangan berat badan yang keterlaluan
- Cirit birit
- Sentiasa letih
- Demam yang berpanjangan
- Berpeluh pada waktu malam
- Batuk yang berterusan
- Ruam kulit
- Kelenjar bengkak
- Sakit kronik
- Mudah menjadi lebam atau mengalami pendarahan yang sebabnya tidak jelas
- Sesetengah orang mungkin menunjukkan tanda-tanda seperti diserang demam selama 2 hingga 6 minggu selepas diserang HIV
- Sesetengah individu adalah asimptomatik – yakni tidak ada tanda yang dapat dilihat selama bertahun-tahun, yang menyebabkan mereka tidak sedar yang mereka adalah HIV positif
- Anda tidak boleh ketahui siapa HIV POSITIF hanya dengan memandang seseorang

## Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Edarkan kertas ujian pengetahuan HIV/AIDS yang terkandung pada mukasurat selanjutnya kepada semua peserta dan minta mereka menjawabnya dalam masa 10 minit
2. Beritahu mereka bahawa mereka tidak perlu bimbang tentang ujian yang diberikan kerana ia hanyalah sebagai sebuah panduan untuk mengetahui sejauh manakah pemahaman mereka tentang HIV/AIDS sebelum bengkel dijalankan.. jelaskan kepada mereka ujian yang sama akan diberikan kepada mereka diakhir bengkel. Dari situ peserta boleh membuat perbandingan sejauh manakah mereka telah mamahami maklumat tentang HIV/AIDS
3. Minta peserta baca kenyataan-kenyataan yang terkandung dalam ujian dan tandakan petak yang sesuai, iaitu untuk menjawab samada kenyataan tersebut adalah benar atau palsu
4. Semakkan kesemua jawapan yang betul bersama-sama peserta. Jelaskan kepada peserta supaya tidak bersa kecawa jika jawapan mereka tidak memuaskan
5. Selepas perbincangan, minta peserta memberikan kertas jawapan mereka kepada anda

## KUIZ PENGETAHUAN AM HIV/AIDS


Kenyataan	Benar	Palsu
<p>1. HIV membawa kepada AIDS</p> <p>2. AIDS ada penawar</p> <p>3. HIV memerangi sistem daya tahan badan seseorang manusia</p> <p>4. HIV tidak boleh berjangkit melalui gigitan nyamuk seperti demam malaria</p> <p>5. Anda tidak boleh dijangkiti HIV melalui air mata atau air liur seseorang yang HIV positif</p> <p>6. Anda boleh dijangkiti HIV melalui pemindahan darah semasa di hospital</p> <p>7. Anda boleh dijangkiti HIV ketika menggunakan dadah jika berkongsi jarum</p> <p>8. Seorang ibu yang dijangkiti HIV boleh menjangkiti anaknya yang dikandung</p> <p>9. Jika anda seorang yang sihat anda tidak akan dijangkiti HIV</p> <p>10. Jika anda melakukan seks secara oral/mulut, anda tidak akan dijangkiti HIV</p> <p>11. Jika anda telah diuji untuk mengesan jangkitan HIV dalam badan anda, dan keputusannya adalah negative, ini bermakna bahawa anda tidak akan dijangkiti HIV untuk seumur hidup</p> <p>12. Anda boleh dijangkiti HIV jika berkongsi tandas dengan seorang yang HIV positif</p> <p>13. Anda hanya boleh dijangkiti HIV jika melakukan seks rambang. Jika anda melakukan zina hanya sekali anda tidak akan dijangkiti</p> <p>14. Anda boleh dijangkiti HIV tanpa menunjukkan tanda-tanda atau simpton</p> <p>15. Anda tidak boleh dijangkiti HIV jika berkongsi makan dan minum dengan seorang yang HIV positif</p> <p>16. HIV tidak disebarluaskan melalui batuk atau bersin seorang HIV positif</p> <p>17. Pasangan yang berkahwin tidak akan dijangkiti HIV</p> <p>18. Penggunaan kondom boleh mencegah jangkitan HIV semasa perhubungan seks diantar seseorang yang HIV positif dan HIV negatif</p> <p>19. Bayi yang disusui oleh ibunya yang HIV positif boleh dijangkiti HIV</p> <p>20. Hanya golongan homoseksual, pengguna dadah, seks bebas dan pelacur boleh dijangkiti HIV</p>		

## JAWAPAN BAGI KUIZ PENGETAHUAN AM HIV/AIDS

- 1. BENAR** HIV adalah virus yang mengakibatkan AIDS. AIDS adalah sindrom penyakit iaitu tanda-tanda atau gejala yang menunjukkan seseorang mempunyai sesuatu keadaan atau penyakit. AIDS juga adalah peringkat terakhir jangkitan yang disebabkan oleh HIV
- 2. PALSU** AIDS tidak ada penawar
- 3. BENAR** HIV adalah retrovirus yang menyerang sistem ketahanan penyakit badan kita dan memusnahkannya dalam tempoh tertentu
- 4. BENAR** HIV tidak boleh hidup dalam tubuh haiwan selain manusia. Berbeza daripada mikroorganisma yang menyebabkan malaria, HIV tidak boleh hidup di dalam nyamuk atau disebarluaskan oleh nyamuk
- 5. BENAR** HIV ditemui dalam air liur dan air mata, tetapi dalam kepekaan yang amat rendah hingga ia tidak boleh dianggap sebagai risiko. Air liur juga mengandungi enzim yang dipercayai melemahkan HIV

- 6. BENAR** Walaupun agensi derma darah mengamalkan langkah keselamatan yang amat ketat yang mencegah berlakunya pencemaran darah oleh HIV, namun terdapat juga kes jangkitan HIV melalui pemindahan darah. Walaubagaimanapun kes ini bukanlah penyebab yang biasa berlakunya jangkitan HIV dan bilangan kes seperti ini amat kecil
- 7. BENAR** Berkongsi jarum yang dicemari HIV mendedahkan anda kepada jangkitan HIV kerana ia terus memasuki saluran darah
- 8. BENAR** Terdapat kemungkinan 15-20% yang bayi akan dijangkiti HIV oleh ibunya
- 9. PALSU** Jangkitan HIV tidak bergantung kepada kesihatan tubuh badan tetapi kelakuan individu itu sendiri. Jika individu melakukan aktiviti berisiko tinggi seperti berzina atau berkongsi jarum ketika menggunakan dadah, maka besar kemungkinan yang akan dijangkiti HIV
- 10. PALSU** Seks secara oral menyebabkan pengeluaran cecair badan seperti air mani yang mengandungi kandungan HIV yang tinggi bagi orang yang HIV positif, yang mungkin akan memasuki saluran darah pasangan yang tidak positif sekiranya mulutnya tercaltar atau terluka
- 11. PALSU** Jangkitan HIV tidak bergantung kepada umur seseorang, tetapi kepada kelakuan seseorang
- 12. PALSU** Berkongsi tandas atau kemudahan lain tidak boleh menyebabkan jangkitan HIV. HIV hanya boleh disebarluaskan jika virus memasuki saluran darah
- 13. PALSU** Melakukan perhubungan seks dengan seseorang dimana status HIVnya tidak diketahui merupakan aktiviti berisiko tinggi yang boleh membawa kepada jangkitan HIV, walaupun ia dilakukan hanya sekali
- 14. BENAR** Terdapat orang yang asimptomatik, iaitu tidak ada tanda yang dapat dilihat selama bertahun-tahun walaupun mereka HIV positif
- 15. BENAR** HIV ditemui dalam air liur, tetapi dalam kepekatan yang amat rendah hingga ia tidak boleh dianggap sebagai suatu risiko. Air liur juga mengandungi enzim yang dipercayai melemahkan HIV
- 16. BENAR** Untuk berlakunya jangkitan, jumlah HIV yang cukup banyak mesti memasuki tubuh melalui laluan yang khusus. HIV disebarluaskan melalui darah dan cecair badan dan memerlukan kemasukan terus ke dalam saluran darah. HIV tidak boleh keluar dari paru-paru dan merebak melalui udara seperti kabus
- 17. PALSU** Perkahwinan tidak merupakan jaminan kepada pencegahan jangkitan HIV, oleh kerana jangkitan bergantung kepada kelakuan seseorang, iaitu samada ia melakukan aktiviti berisiko tinggi dan bukannya kepada status perkahwinannya
- 18. BENAR** Kondom adalah sarung kepada organ lelaki. Jika digunakan dengan cara yang betul, ia akan mencegah jangkitan HIV oleh kerana bendalir badan yang terjangkit dengan HIV disekat daripada memasuki badan/saluran darah pasangan yang bukan HIV positif
- 19. BENAR** Jumlah HIV yang terkandung dalam susu ibu adalah cukup untuk dijangkiti kepada anak yang disusui oleh ibu yang HIV positif
- 20. PALSU** Jangkitan HIV tidak bergantung kepada siapa anda, tetapi kepada apa yang anda lakukan (kelakuan berisiko tinggi)

## Bagaimana HIV menular ke dalam populasi umum?



### (i) 'ASIAN EPIDEMIC MODEL'

#### Bagaimana HIV Merebak

- Melalui Hubungan seks
- Melalui Perkongsian jarum suntikan
- Pemindahan darah/organ individu dijangkiti HIV kepada penerima darah/organ
- Ibu dijangkiti HIV kepada anak semasa kandungan/kelahiran /penyusuan ibu.

#### Bagaimana ingin mengetahui tentang status jangkitan HIV

- Hanya dengan menjalani ujian HIV.
- Ujian tersebut boleh di dapati di mana-mana klinik kesihatan atau hospital kerajaan.
- Sekiranya anda pernah melakukan aktiviti berisiko, anda perlu menjalani ujian saringan HIV.

#### Tanda-Tanda Jangkitan

##### PERINGKAT JANGKITAN HIV

- Pesakit kelihatan sihat

##### PERINGKAT AIDS

- Hilang berat badan mendadak (> 10%)
- Cirit birit atau demam berpanjangan (> 1 bulan)
- Jangkitan Pneumocystis carinii pneumonia (PCP)
- Jangkitan Cytomegalovirus (lung, brain, retina)
- Tibi (paru-paru/extra pulmonary)
- Jangkitan fungus spt. Candida, cryptococcosis, histoplasma
- Toxoplasmosis (brain)
- Herpes simplex (GIT), herpes zoster
- Jangkitan spt. Cryptococcosis, microsporidium, isospora
- Barah spt. Lymphoma
- Kaposi sarcoma

### **Bagaimana Mengelakkan Jangkitan HIV**

- Ketahui status HIV diri sendiri
- Ketahui status HIV pasangan anda
- Jalani ujian saringan HIV bagi bakal pengantin
- Ibu-ibu mengandung, jalani ujian HIV.
- Sekiranya dijangkiti akan diberi rawatan untuk elakkan jangkitan kepada anak.
- Jangan melakukan aktiviti berisiko seperti melanggani pelacur, mengambil dadah dan melakukan hubungan seks dengan mereka yang dijangkiti HIV

### **Elakkan Diri Anda Dari Aktiviti Berisiko**

Mencegah HIV / AIDS adalah tanggung jawab bersama

## **TAJUK 2 : UJIAN ANTIBODI HIV**

### **Objektif**

Pada akhir sesi ini, para peserta akan dapat;

1. Menjelaskan tujuan dan kesan ujian antibodi HIV
2. Menjelaskan istilah Voluntary Counseling and Testing (VCT) atau kaunseling dan ujian Voluntary
3. Menghuraikan sebab-sebab mengapa seseorang memilih atau tidak untuk menjalani ujian antibodi HIV

### **Perkara Utama**

1. Apakah ujian antibodi HIV?
2. Mengapa anda perlu menjalani ujian antibodi HIV?
3. Apakah yang menyebabkan orang tidak mahu membuat ujian antibodi HIV?
4. Apakah makna keputusan ujian tersebut?
5. Mengapakah penting menggabungkan khidmat kaunseling dan pendidikan dengan ujian antibodi HIV?
6. Perbezaan antara kaunseling sebelum dan selepas ujian
7. Kerahsiaan keputusan ujian
8. Siapakah yang perlu diberitahu tentang keputusan yang positif

## **Apakah Ujian Antibodi HIV?**

---

Ujian yang mengesan antibodi HIV yang dihasilkan sebagai tindakbalas kepada virus. Ujian ini tidak mengesan virus itu sendiri, tahap atau keterukan penyakit, atau bila tubuh dijangkiti

## **Mengapa Anda Perlu Menjalani Ujian Antibodi?**

---

Sekiranya anda terlibat dengan kelakuan berisiko tinggi atau pernah menjalani pemindahan darah di hospital, anda perlu menjalani ujian. Penyakit kelamin seperti HIV boleh mengakibatkan masalah kesihatan yang serius jika dibiarkan tanpa rawatan. Diagnosis dan rawatan awal boleh membantu anda untuk terus sihat

## **Apakah Kelakuan Berisiko Tinggi?**

---

Melakukan hubungan seks dengan lebih daripada satu tanpa menggunakan kondom, berkongsi jarum atau picagari

## **Apakah Alasan Yang Diberikan Untuk Tidak Membuat Ujian Antibodi HIV?**

---

- Kurangnya maklumat mengenai HIV
- Tidak sedar risiko jangkitan HIV
- Rasa takut dan risau tentang keputusan yang bakal terima
- Bimbang tiadanya kerahsiaan keputusan ujian
- Takutkan stigma dan diskriminasi menjalani ujian atau mengetahui keputusan ujian tersebut
- Tidak menyedari bahawa jika HIV dikesan awal, rawatan boleh didapati untuk membantu meneruskan hidup dan meningkatkan kualiti hidup

## **Apakah Tempoh Jendela?**

---

Suatu tempoh antara masa jangkitan dengan masa bila ujian dapat mengesan antibodi HIV. Biasanya masa itu adalah antara 3 hingga 6 bulan, atau 6 hingga 18 minggu untuk orang yang dijangkiti HIV menghasilkan cukup antibodi HIV bagi membolehkannya dikesan dengan tepat. Ini bermakna anda perlu diuji sekali lagi jika anda telah diuji dalam tempoh jendela

## **Apakah Makna Keputusan Negatif?**

---

- Tiada jangkitan HIV
- Ada jangkitan HIV, tetapi tubuh masih belum menghasilkan antibodi yang cukup banyak untuk dikesan tempoh jendela dan seseorang itu hendaklah membuat ujian 3 bulan kemudian (juga dipanggil negatif palsu)

## **Apakah Makna Keputusan Positif?**

---

- Jangkitan HIV telah berlaku
- Orang itu boleh menjangkiti orang lain
- Orang itu mungkin menghidapi atau tidak menghidapi AIDS
- Orang itu mungkin atau mungkin tidak akan menghidapi AIDS

## **Apakah Makna Keputusan Negatif?**

---

- Tiada jangkitan HIV
- Ada jangkitan HIV, tetapi tubuh masih belum menghasilkan antibodi yang cukup banyak untuk dikesan tempoh jendela dan seseorang itu hendaklah membuat ujian 3 bulan kemudian (juga dipanggil negatif palsu)

## **Apakah Makna Keputusan Tidak Pasti?**

---

- Tiada jangkitan HIV, tetapi ujian mengesan jangkitan yang lain,
- Ada jangkitan HIV, tetapi tubuh tidak menghasilkan antibodi yang secukupnya untuk memberikan bacaan tempoh jendela dan satu lagi ujian hendaklah dijalankan kemudian

## **Apakah Yang Perlu Dibuat Jika Ujian Anda Positif?**

---

- Beritahu suami/isteri, orang yang mungkin pernah berkongsi jarum atau sesiapa yang anda pernah dermakan darah atau organ kepada mereka dan minta mereka membuat ujian antibodi HIV
- Ikuti langkah berjaga-jaga dan jalani cara hidup yang sihat untuk mengelakkan sebarang jangkitan atau penyebaran.
- Hentikan semua kelakuan berisiko tinggi kerana kajian telah menunjukkan bahawa tempoh untuk mendapat AIDS adalah lebih cepat apabila orang terus melakukan kelakuan ini
- Jangan menderma darah, sperma, organ atau tisu tubuh
- Berjumpa kaunselor untuk membincangkan perasaan atau emosi anda (takut, rasa kehilangan, bersedih, kemurungan, penafian, marah)
- Dapatkan sokongan dan dorongan daripada keluarga, rakan dan komuniti anda

## **Apakah Yang Perlu Dibuat Jika Keputusan Ujian Anda Negatif?**

---

- Ini bukan jaminan bahawa anda tidak akan mendapat HIV pada masa hadapan
- Masa hadapan anda bergantung pada kelakuan anda
- Anda harus mengetahui status HIV pasangan anda setiap masa jika anda melibatkan diri dalam kelakuan yang berisiko tinggi

## **Apakah VCT?**

---

- VCT bermakna Voluntary Counseling & Testing, iaitu proses sukarela yang menggabungkan ujian antibodi HIV dengan perkhidmatan kaunseling sebelum ujian dan selepas ujian. Pada dasarnya, VCT membantu seseorang membuat pilihan berdasarkan maklumat tentang menjalani ujian HIV. VCT juga adalah sebahagian penting langkah pencegahan kerana ia memberikan maklumat dan kesedaran tentang jangkitan HIV
- Penting juga diberi perhatian bahawa ujian semata-mata bukan suatu cara pencegahan. Ujian mesti digabungkan dengan kaunseling kerana unsur paling penting proses ini bukan hanya keputusan ujian tetapi maklumat yang tepat tentang HIV/AIDS, yang hanya boleh didapati dengan berkesan melalui kaunseling. Melalui kaunseling, seseorang akan menyedari langkah-langkah yang perlu diambil untuk meneruskan kehidupan mereka, tidak kira sama ada keputusannya positif ataupun negatif. Hanya dengan pendidikan dan kesedaran melalui proses kaunseling dan ujian barulah langkah pencegahan boleh berjaya. Sebagai contoh, orang yang keputusan ujiannya negatif mesti dimaklumkan bahawa keputusan ujian ini bukanlah jaminan bahawa dia tidak akan dijangkiti pada masa hadapan, dan dia perlu dinasihatkan supaya mengubah cara hidupnya yang berisiko
- VCT telah terbukti sebagai langkah pencegahan HIV yang efektif dan telah disarankan oleh Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS) dan World Health Organisation (WHO) sebagai strategi pencegahan yang penting bagi semua negara di dunia. Perkhidmatan VCT dianggap sebagai "pintu masuk" bagi orang ramai mendapatkan maklumat dan kaunseling yang diperlukan mengenai HIV/AIDS. Oleh itu amatlah penting untuk dipastikan yang ujian ini disokong dengan kaunseling yang berkesan oleh kaunselor yang cukup terlatih untuk memberikan maklumat yang tepat

## **Apakah Perbezaan Antara Kaunseling Sebelum Ujian Dan Selepas Ujian?**

- **Kaunseling sebelum ujian**  
Menjelaskan tentang ujian HIV implikasi mendapat keputusan ujian dan mendapatkan kebenaran daripada orang yang bakal diuji sebelum ujian itu dijalankan. Proses ini membantu menyediakan seseorang itu menghadapi kemungkinan mendapat berita yang dia HIV positif , untuk mengurangkan rasa terkejut, marah atau tekanan jiwa yang boleh membawa kepada persaan ingin membunuh diri. Ia juga memaklumkan kepada orang yang membuat ujian itu bahawa lebih banyak maklumat, kaunseling dan sokongan akan diberikan selepas ujian

- **Kaunseling selepas ujian**  
Memberikan penerangan tentang keputusan ujian dan implikasi keputusan tersebut. Jika keputusan adalah negatif, kaunseling akan diberikan terutamanya berhubung cara manjauhi pendedahan berisiko selanjutnya. Jika keputusan ujian adalah positif, kaunseling akan ditumpukan kepada keimbangan dan isi-isu orang yang HIV positif dan perlunya kepada sokongan peribadi untuk membantu individu menghadapi kesukaran dan tekanan hidup akibat jangkitan HIV. Kaunseling ini juga menggalakkan orang tersebut menghadiri sesi susulan berhubung rawatan dan kaunseling yang selanjutnya

## **Mengapa Perlu Diadakan Perkhidmatan Kaunseling Sebelum Dan Selepas Ujian?**

- Untuk sokongan emosi dan untuk membantu orang yang menghadapi ujian antibodi HIV
- Untuk membantu mengelakkan kemurungan dan tekanan jiwa
- Untuk menyediakan maklumat tepat tentang HIV dan penjagaan perubatan kesihatan yang diperlukan jika seseorang itu HIV positif
- Untuk membincangkan implikasi kewangan dan rancangan masa depan bagi keluarga atau pewaris yang terjejas
- Untuk membantu bersedia menghadapi kematian atau saat kematian

## **Adakah Keputusan Ujian Ini Rahsia?**

- Ya, kebenaran pesakit diperlukan untuk mendedahkan keputusan ujian. Tetapi keputusan HIV berhak diberitahu kepada pasangan hidup oleh pesakit dalam masa 24 jam
- Sekiranya pasangan hidupnya tidak diberitahu, adalah menjadi tanggungjawab doktor yang menjalankan ujian antibodi untuk memberitahu pasangan tersebut

## Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

---

1. Pecahkan peserta kepada empat kumpulan kecil (setiap kumpulan sebaik-baiknya tidak melebihi 8 orang)
2. Edarkan soalan perbincangan yang terkandung pada mukasurat selanjut dan minta setiap kumpulan membincangkan soalan-soalan tersebut dalam masa 20 minit dan menyiapkan sebuah laporan yang merumuskan perbincangan mereka dalam masa 10 minit
3. Untuk memudahkan perjalanan kumpulan, minta setiap kumpulan melantik seorang pelapor untuk melaporkan perbahasan yang telah dibuat oleh kumpulan tersebut, dan juga seorang ketua kumpulan untuk mengetuai perbincangan. Semasa perbincangan, cuba pastikan juga bahawa kesemua ahli kumpulan mempunyai peluang untuk bercakap dan berkongsi pandangan mereka
4. Jelaskan kepada semua kumpulan supaya memikirkan semula perkara dan maklumat yang diberikan dalam manual untuk menjawab isu yang diberikan dalam aktiviti mereka
5. Pada akhir sesi perbincangan, minta setiap kumpulan membentangkan laporan mereka. Masa yang diberikan sebanyak 2-3 minit bagi setiap kumpulan

## Soalan-Soalan Perbincangan

---

1. Seorang wanita yang telah berkahwin datang untuk mengambil ujian antibodi HIV. Apakah maklumat yang perlu diambil dan keterangan yang perlu diberikan untuk membantu wanita tersebut
2. Seorang remaja lelaki telah mengadakan perhubungan seks rambang dengan seorang pelacur kira-kira 3 minggu yang lalu. Remaja tersebut datang untuk mendapatkan ujian antibodi HIV, apakah maklumat yang perlu diambil dan keterangan yang perlu diberikan kepada remaja tersebut
3. Seorang suami telah dijangkiti oleh HIV melalui hubungan seks luar nikah dan datang untuk mendapatkan nasihat. Apakah maklumat yang perlu diambil dan keterangan yang perlu diberikan kepada beliau?
4. Sepasang lelaki dan wanita Islam datang berjumpa dengan anda dan berasa kecewa kerana mereka dipaksa untuk menjalani ujian HIV sebelum mereka boleh dinikahkan. Apakah pandangan kumpulan anda dengan situasi ini dan apakah keterangan yang boleh anda berikan kepada pasangan ini?

### TAJUK 3 : SOALAN YANG SERING DITANYA BERHUBUNG HIV/AIDS

#### Apakah HIV?

HIV ialah virus yang bertindak melemahkan dan memusnahkan sistem daya tahan badan manusia dan merupakan virus yang menyebabkan AIDS. HIV termasuk dalam kumpulan virus yang dinamakan retrovirus yang menjangkiti sel manusia serta menggunakan tenaga dan nutrien yang disediakan oleh sel itu untuk tumbuh dan membiak.

#### Apakah AIDS?

AIDS (Acquired Imunodeficiency Syndrome) ialah sejenis penyakit yang sistem imun badan tidak lagi berfungsi dan tidak dapat melawan jangkitan, yang dikenali sebagai ‘jangkitan oportunistik’, dan penyakit lain yang bertindak dengan mengambil kesempatan sistem imun yang lemah.

Apabila seseorang itu dijangkiti HIV, virus masuk ke dalam badan dan hidup serta membiak terutamanya dalam sel darah putih. Sel darah putih ialah sel imun yang biasanya melindungi kita daripada penyakit. Tanda jangkitan HIV ialah kehilangan secara beransur-ansur sejenis sel imun yang khusus, iaitu sel pembantu-T atau sel CD4. Apabila virus ini membiak ia merosakkan atau membunuh sel ini dan juga sel lain, yang melemahkan sistem imun. Ini menyebabkan individu itu terdedah kepada pelbagai jangkitan oportunistik dan lain penyakit, daripada pneumonia hingga kanser.

The Centres for Disease Control and Prevention (CDC) di Amerika Syarikat mentakrif seseorang sebagai mempunyai diagnosis klinikal AIDS jika mereka didapati positif HIV dan memenuhi salah satu atau kedua-dua syarat ini:

1. Mereka telah mengalami satu atau lebih penyakit atau jangkitan berkait AIDS;
2. Bilangan sel CD4 telah mencapai atau jatuh kurang daripada 200 per milimeter padu darah (ukuran yang dikenali sebagai kiraan sel CD4). Pada individu sihat, kiraan CD4 biasanya berjulat daripada 450 hingga 1,200/mm<sup>3</sup>.

#### Berapa lamakah sebelum seseorang yang dijangkiti HIV mendapat AIDS?

Pada sesetengah orang, sel CD4 berkurangan dan jangkitan oportunistik yang menandakan AIDS berlaku tidak lama selepas jangkitan mula dengan HIV. Kebanyakan orang tidak menunjukkan sebarang tanda selama 10 hingga 12 tahun, dan sebahagian kecil daripada mereka tidak menunjukkan sebarang tanda untuk tempoh yang lebih lama. Seperti kebanyakan penyakit lain, penjagaan perubatan awal boleh membantu memanjangkan tempoh hayat seseorang.

#### Berapa ramaikah yang dijangkiti HIV/AIDS?

Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS) menganggarkan pada akhir tahun 2002 terdapat lebih 42 juta orang yang menghidap HIV dan AIDS di seluruh dunia. Kebanyakan mereka tidak mengetahui yang mereka mempunyai HIV dalam badan mereka dan mungkin menyebarkannya kepada orang lain. Di Malaysia, sehingga Disember 2002 lebih 51,000 orang telah dijangkiti HIV. Di Asia Selatan dan Asia Tenggara sehingga 6.0 juta orang dewasa dan kanak-kanak telah dijangkiti dan di kawasan sub-Sahara 29.4 juta orang telah dijangkiti pada tahun 2002. AIDS telah mengatasi malaria dan tuberkulosis sebagai penyakit berjangkit paling berbahaya di kalangan orang dewasa dan merupakan penyebab kematian yang keempat paling utama di seluruh dunia. Lebih 13 juta kanak-kanak menjadi anak yatim disebabkan wabak ini.

## **Bagaimakah HIV disebarluaskan?**

---

Seseorang yang dijangkiti HIV membawa virus ini dalam cecair tubuh tertentu, termasuk darah, semen, rembesan vagina dan susu ibu. Virus ini boleh disebarluaskan hanya jika cecair dijangkiti HIV ini memasuki aliran darah orang lain. Kemasukan secara langsung ini boleh berlaku (1) melalui lapisan vagina, rektum, mulut dan bukaan pada hujung zakar; (2) melalui suntikan intravena dengan picagari; atau (2) melalui kulit yang pecah, seperti luka atau kudis. Biasanya HIV disebarluaskan melalui:

1. Hubungan seks tanpa perlindungan dengan orang yang dijangkiti HIV. Wanita lebih berisiko mendapat jangkitan HIV melalui hubungan seks vagina berbanding lelaki walaupun virus boleh juga disebarluaskan daripada wanita kepada lelaki.
2. Seks oral tanpa perlindungan dengan seseorang yang dijangkiti HIV. Jumlah jangkitan HIV disebabkan hubungan seks oral adalah jauh lebih rendah berbanding hubungan seks vagina atau anal. Namun, sentuhan oral-genital mempunyai risiko menyebabkan jangkitan HIV, khususnya apabila ejakulasi berlaku di dalam mulut. Risiko ini semakin besar apabila mana-mana pasangan mengalami luka atau kudis, seperti yang disebabkan oleh penyakit yang disebarluaskan melalui hubungan seks (STD), yang membolehkan virus masuk ke dalam aliran darah.
3. Berkongsi jarum atau picagari dengan orang yang dijangkiti HIV. Orang yang menyuntik dadah tidak harus mengguna semula atau berkongsi jarum, air, atau alatan penyediaan dadah. Ini termasuk jarum dan jarum yang digunakan untuk menyuntik dadah haram seperti heroin dan juga steroid. Lain-lain jenis picagari, seperti yang digunakan untuk bertindik dan tatu, turut mempunyai HIV.
4. Wanita yang hamil atau ingin hamil dan merasakan yang beliau mungkin telah terdedah kepada HIV – sekalipun jika pendedahan itu berlaku beberapa tahun yang lalu – harus melakukan ujian antibody HIV dan mendapatkan kaunseling. Jangkitan ibu kepada anak telah berkurangan di Malaysia apabila wanita hamil diuji untuk HIV dan wanita yang didapati HIV positif diberikan ubat untuk mencegah jangkitan serta dinasihatkan supaya tidak menyusukan anak mereka.

## **Apakah kaedah yang tidak menyebabkan jangkitan HIV?**

---

1. HIV tidak berpindah daripada seorang kepada seorang yang lain dengan mudah.
2. Ia tidak dijangkiti melalui makanan atau udara (misalnya, melalui batuk atau bersin).
3. Tidak ada kes yang seseorang dijangkiti oleh ahli isi rumah, saudara-mara, rakan sekerja atau sahabat melalui hubungan kasual atau harian seperti berkongsi perkakas makan dan kemudahan bilik air atau berpeluk dan bercium.
4. Anda tidak akan mendapat HIV dengan menderma darah di bank darah atau mana-mana pusat pengumpulan darah rasmi.
5. Peluh, air mata, muntah, najis dan air kencing mengandungi sedikit HIV. HIV tidak boleh berjangkit melalui semua cecair ini.
6. Nyamuk, pinjal dan serangga lain tidak menyebarkan HIV.

## **Adakah anda boleh mengetahui jika seseorang itu menghidap HIV/AIDS?**

---

Anda tidak akan mengetahui sama ada seseorang itu dijangkiti HIV atau AIDS dengan hanya memandangnya. Orang yang dijangkiti mungkin kelihatan sihat. Namun sesiapa sahaja yang dijangkiti HIV boleh menjagkiti orang lain sekalipun jika dia tidak mempunyai sebarang tanda.

## **Bagaimakah Saya Boleh Mengetahui Jika Saya Dijangkiti HIV?**

---

Sebaik sahaja selepas dijangkiti, sesetengah orang mungkin menunjukkan tanda-tanda ringan seperti demam, sesehma atau bengkak kelenjar yang berterusan. Sekalipun jika anda kelihatan dan berasa sihat, anda mungkin telah dijangkiti. Satu-satunya cara untuk mengetahui status HIV anda ialah dengan melakukan ujian untuk antibodi HIV – sejenis protein yang dihasilkan badan untuk melawan jangkitan. Biasanya sampel darah perlu diambil untuk melakukan ujian ini. Darah seseorang yang telah dijangkiti mengandungi antibodi HIV.

## **Adakah saya perlu menjalani ujian?**

---

Jika anda merasakan yang anda mungkin telah terdedah kepada HIV, anda harus melakukan ujian secepat mungkin. Ini kerana:

1. Dalam peringkat awal sekalipun anda boleh mengambil langkah konkret untuk melindungi kesihatan jangka panjang anda. Jika anda tidak mengambil ubat dengan serta-merta, pemeriksaan tetap dengan doktor yang berpengalaman merawat HIV/AIDS akan membolehkan anda membuat keputusan terbaik berhubung bagaimana dan bila anda harus memulakan rawatan tanpa menunggu sehingga anda sakit. Pendekatan aktif dalam menguruskan HIV mungkin membolehkan anda menjalani kehidupan sihat beberapa tahun lebih lama.
2. Jika anda HIV positif, anda boleh mengambil langkah berjaga-jaga yang perlu untuk melindungi orang lain daripada dijangkiti.
3. Jika anda HIV positif dan hamil, anda boleh menjalani pengubatan dan mengambil langkah berjaga-jaga yang lain untuk mengurangkan dengan ketara risiko menjangkiti bayi anda, termasuk mengelak daripada menyusukan bayi anda.

## **Bagaimakah Saya Menjalani Ujian Antibodi HIV?**

---

Kebanyakan orang melakukan ujian di klinik persendirian, makmal atau di hospital kerajaan. Walau bagaimanapun, perkara penting di sini ialah menjalani ujian di tempat yang turut menyediakan kaunseling berhubung HIV dan AIDS. Kaunselor boleh memberi jawapan berhubung tingkah laku berisiko tinggi dan mencadangkan cara untuk anda melindungi diri anda sendiri dan orang lain di masa hadapan. Mereka juga boleh membantu anda memahami maksud keputusan ujian serta memberi rujukan untuk sumber berkaitan AIDS di kawasan kediaman anda. Terdapat juga ujian beban virus yang boleh memberikan gambaran tentang kehadiran virus dalam darah dalam tempoh tiga hingga lima hari selepas pendedahan mula; begitu juga dengan ujian air liur yang sangat tepat dan hampir serupa dengan ujian darah untuk menentukan status antibodi HIV. Namun tidak banyak pusat yang melakukan kedua-dua ujian ini.

## **Apakah TEMPOH JENDELA atau *WINDOW PERIOD*?**

---

Anda perlu ingat bahawa manakala kebanyakan ujian darah boleh mengesan jangkitan HIV dalam tempoh empat minggu selepas pendedahan mula, kadang kala antibodi mengambil masa sehingga tiga ke enam bulan untuk mencapai paras yang boleh dikesan. Ini disebabkan Tempoh Jendela atau *Window Period*. Dalam tempoh ini HIV tidak dapat dikesan dalam aliran darah individu. Ini disebabkan paras yang diperlukan untuk membolehkan virus dikesan sebelum ujian boleh mengesan kehadiran HIV. Seperti yang telah dinyatakan, Tempoh Jendela ialah antara tiga minggu hingga enam bulan.

**Di manakah saya boleh menjalani ujian?**

Ujian HIV Percuma Secara Rahsia di Hospital Awam  
Hospital Besar Kuala Lumpur : (03) 2692 1044  
Pusat Perubatan Universiti Malaya : (03) 7956 4422  
Hospital Tunku Puan Rahimah (Klang) : (03) 3372 3333

Ujian HIV Rahsia di Hospital Swasta (bayaran dikenakan)  
Hospital Pantai (Bangsar) : (03) 2282 5077  
Hospital Pantai (Cheras) : (03) 9132 2022  
Pusat Perubatan Subang : (03) 5634 1212  
Pusat Rawatan Tawakal : (03) 4023 3599

Anda juga boleh menghubungi Pegawai AIDS Jabatan Kesihatan Negeri untuk mendapatkan maklumat mengenai klinik atau hospital terdekat dengan kawasan anda yang boleh menjalankan ujian, di talian-talian yang berikut:

NEGERI	TELEFON	FAKSIMILI
1. Jabatan Kesihatan Johor	07 - 2245188	07 – 2236203
2. Jabatan Kesihatan Melaka	06 - 2828344	06 – 2864761
3. Jabatan Kesihatan N Sembilan	06 - 7625231	06 - 7638543
4. Jabatan Kesihatan Selangor	03 - 55186001	03 - 55126695
5. Jabatan Kesihatan Perak	05 - 2533489	05 - 2423137
6. Jabatan Kesihatan Kedah	04 - 7335533	04- 7314936
7. Jabatan Kesihatan P Pinang	04 - 2625533	04 – 2613508
8. Jabatan Kesihatan Perlis	04 - 9773333	04 – 9760764
9. Jabatan Kesihatan Kelantan	09 - 7483288	09 – 7441333
10. Jabatan Kesihatan Terengganu	09 - 6222866	09 – 6235001
11. Jabatan Kesihatan Pahang	09 - 5161366	09 - 5135526
12. Jabatan Kesihatan Sarawak	082 - 716535	088 – 217740
13. Jabatan Kesihatan Sabah	088 - 716535	088 - 217740
14. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan	03 - 26938742	03 – 26938760
15. Jabatan Kesihatan DBKL	03 - 92845166	03 - 92857295

## **Adakah HIV mempunyai kaitan dengan penyakit kelamin lain?**

Risiko mendapat jangkitan dan menyebarkan HIV adalah lebih tinggi jika anda mempunyai penyakit kelamin. Hakikat ini adalah benar sama ada anda mempunyai bisul atau luka pada kulit (seperti dalam sifilis, herpes dan syankroid) atau tidak (seperti dalam klamidia dan gonorea). Apabila kulit anda luka, HIV boleh masuk dan keluar daripada badan dengan lebih mudah. Apabila kulit anda tidak pecah sekalipun, penyakit kelamin boleh menyebabkan perubahan biologi yang memudahkan lagi penjangkitan HIV. Kajian menunjukkan yang individu dijangkiti HIV yang turut menghidap penyakit kelamin yang lain adalah tiga hingga lima kali lebih berkemungkinan untuk mendapat atau menyebarkan virus ini melalui sentuhan seks.

## **Adakah wanita lebih terdedah kepada HIV?**

Di negara Barat, wanita adalah empat kali lebih berkemungkinan dijangkiti HIV melalui hubungan seks vagina dengan lelaki dijangkiti berbanding sebaliknya. Vulnerabiliti biologi ini diburukkan oleh faktor sosial dan budaya yang sering memperkecilkan kemampuan wanita untuk mengelak daripada mengadakan hubungan seks dengan pasangan yang dijangkiti HIV atau mendedak supaya pasangan mereka menggunakan kondom.

## **Adakah sesetengah orang lebih berisiko untuk dijangkiti HIV berbanding orang lain?**

HIV tidak membezakan antara individu. Jangkitan HIV tidak berlaku disebabkan siapa anda, tetapi perbuatan anda yang menentukan sama ada anda akan dijangkiti HIV. Walaupun perangkaan untuk Malaysia menunjukkan yang sebahagian besar kes melibatkan penagih dadah, ini tidak memberi gambaran sebenar epidemik HIV di negara ini. Di seluruh dunia, hubungan seks adalah kaedah yang paling lazim bagi jangkitan HIV. Tidak ada kaedah yang boleh dipercayai untuk menentukan atau menilai sejauh mana HIV telah menjangkiti rakyat Malaysia melalui penjangkitan seks. Kebanyakan rakyat Malaysia yang dijangkiti HIV, TIDAK TAHU YANG MEREKA TELAH DIJANGKITI.

## **Adakah golongan muda lebih berisiko untuk dijangkiti HIV?**

Setiap tahun, separuh daripada kes baru HIV di seluruh dunia adalah di kalangan mereka yang berumur kurang 25 tahun. Perangkaan menunjukkan yang menjelang umur 19 tahun, sekurang-kurangnya 10% daripada golongan muda di negara ini telah mengadakan hubungan seks, dan mereka biasanya mengadakan hubungan seks yang tidak selamat atau tanpa perlindungan. Kebanyakan golongan muda turut menggunakan dadah dan minuman arak, yang boleh meningkatkan kemungkinan mereka melibatkan diri dalam kelakuan seks berisiko tinggi.

## **Apakah rawatan untuk HIV/AIDS?**

Selama beberapa tahun, tidak ada suatu rawatan yang berkesan untuk HIV/AIDS. Kini rakyat Malaysia boleh memperoleh ubat untuk merawat jangkitan HIV dan AIDS. Sesetengah ubat ini diberikan untuk merawat jangkitan oportunistik dan penyakit yang dihidapi orang yang hidup dengan HIV/AIDS. Selain itu, beberapa jenis ubat digunakan untuk mencegah HIV itu sendiri daripada membiak dan memusnahkan sistem imun badan:

1. Perencat transkriptase berbalik menyerang enzim HIV yang dinamakan transkriptase berbalik. Antara drug ini termasuklah zidovudine (AZT), lamivudine (3TC), didanosine (ddI), stavudine (d4T), zalcitabine (ddC), efavirenz, nevirapine, abacavir dan delavirdine.
2. Perencat protease menyerang enzim protease HIV, antaranya termasuk indinavir, ritonavir, saquinavir, amprenavir dan nelfinavir.

Kebanyakan pesakit HIV mengambil gabungan beberapa ubat ini – iaitu regimen yang dikenali sebagai terapi antiretrovirus sangat akrif (HAART). Apabila berjaya, terapi gabungan atau ‘koktail’ seperti ini boleh mengurangkan paras HIV dalam aliran darah kepada paras yang sangat rendah, malah ke paras yang tidak boleh dikesan dan kadang kala membolehkan sel imun CD4 badan kembali semula kepada paras normal. Penyelidik sedang berusaha untuk menghasilkan ubat baru yang dikenali sebagai perencat lakukan dan perencat masukan yang boleh mencegah HIV daripada melekat pada dan menjangkiti sel imun manusia. Usaha juga sedang dilakukan untuk memulihkan kemampuan sistem imun yang telah rosak untuk melawan serangan HIV dan kebanyakan penyakit yang menjangkiti pesakit HIV.

## Adakah HIV/AIDS boleh disembuhkan?

Pada masa ini HIV/AIDS tidak boleh disembuhkan. Manakala ubat baru membantu sesetengah orang yang hidup dengan HIV/AIDS hidup lebih lama dengan lebih sihat, terdapat beberapa masalah yang berkait dengan perkara ini:

1. Rawatan sedia ada tidak berkesan untuk sesetengah pesakit HIV/AIDS.
2. Sesetengah ubat anti-HIV sangat toksik dan mungkin mempunyai kesan sampingan yang serius, termasuk anemia, batu karang, kegagalan hati dan sebagainya.
3. HIV sentiasa melalui mutasi. Dalam sehingga 40% pesakit yang menjalani HAART, HIV bermutasi menjadi strain virus baru yang sangat rintang terhadap ubat semasa, dan sehingga 10% daripada orang yang baru dijangkiti, dijangkiti oleh strain virus yang rintang ubat.
4. Oleh sebab rejimen rawatan adalah tidak menyenangkan dan kompleks, ramai pesakit kadang kala tidak mengambil ubat mereka. Kegagalan mengambil ubat anti-HIV menurut jadual dan dalam dos yang ditetapkan boleh menggalakkan pembentukan strain virus baru yang rintang kepada ubat HIV yang baru.
5. Di kalangan pesakit yang menunjukkan gerak balas yang baik kepada rawatan sekalipun, HAART tidak membasmikan HIV. Virus ini terus melalui replikasi pada paras rendah dan sering kekal tersembunyi di dalam ‘sarang’ dalam badan, seperti nodus limfa dan otak.

Lebih penting lagi, kira-kira 95% daripada semua pesakit HIV/AIDS menetap di negara membangun yang tidak menyediakan rawatan antiretrovirus. Di Amerika Syarikat, HAART telah banyak menyumbang kepada pengurangan jumlah tahunan kematian berkait AIDS antara 1996 hingga 1998.

## Bolehkah jangkitan HIV dicegah melalui vaksinasi?

Di sebalik penyelidikan intensif yang berterusan, para pakar percaya bahawa kita memerlukan sekurang-kurangnya satu dekad lagi untuk menghasilkan vaksin HIV yang selamat, berkesan dan murah. Apabila vaksin telah dihasilkan sekalipun, kita masih memerlukan beberapa tahun untuk membentuk imunisasi di kalangan beberapa juta orang yang berisiko mendapat jangkitan HIV. Sehingga masa itu tiba, kaedah pencegahan HIV yang lain, seperti amalan seks yang lebih selamat dan menggunakan picagari steril, masih perlu dilaksanakan.

## Di manakah saya boleh mendapat lebih banyak maklumat tentang HIV/AIDS?

Ada beberapa sumber penting yang menyediakan maklumat tentang HIV/AIDS, termasuk:

### Talian Penting Majlis AIDS Malaysia

Talian maklumat Interaktif 24 jam tentang HIV/AIDS: (03) 7807 7007  
Talian Maklumat Rawatan: 1 800 881 848 (Isnin-Jumaat, 8:30 pagi – 5.30 petang)

### Talian Penting Berhubung Lain-lain Maklumat dan Sokongan

PT Foundation (03) 4044 5455 atau (03) 4044 5466  
Maklumat sulit berkaitan HIV/AIDS (Isnin-Jumaat, 7:30 malam – 9:30 malam)  
(03) 7956 8145 (Kuala Lumpur)  
(05) 547 7933/547 7955 (Ipoh)  
(04) 281 5161/281 1108 (Pulau Pinang)  
(06) 284 2500 (Melaka)  
AIDS Action Research Group (04) 656 5984 (Pulau Pinang)

## MODUL 2

# FAKTA DAN PERANGKAAN HIV/AIDS

### **MODUL 2 - PENGENALAN KEPADA HIV/AIDS**

---

#### Tujuan

Modul 1 memberikan maklumat asas tentang perangkaan dan kesan HIV/AIDS di peringkat antarabangsa dan Malaysia. Tujuan utama adalah untuk mengambil tindakan yang segera bagi membendung wabak HIV/AIDS di Malaysia. Tindakan ini adalah untuk mengurangkan kesan negatif HIV/AIDS seperti yang melanda negara lain di seluruh dunia.

#### Objektif

1. Untuk menjelaskan situasi penularan HIV AIDS serta kesan sosial dan ekonomi terhadap HIV/AIDS diperingkat antarabangsa.
2. Untuk menjelaskan keadaan dan kesan HIV/AIDS di Malaysia .
3. Untuk merancang dan mengambil tindakan bersesuaian bagi membendung wabak HIV/AIDS Di Malaysia

#### Perkara Utama

1. Jumlah orang di seluruh dunia yang dijangkiti oleh HIV/AIDS
2. Jumlah kematian akibat AIDS
3. Jumlah orang yang dijangkiti di rantau Asia Pasifik
4. Jumlah orang yang dijangkiti di Malaysia
5. Jumlah jangkitan berdasarkan kumpulan etnik di Malaysia
6. Wanita dan HIV/AIDS di Malaysia
7. Jumlah jangkitan mengikut umur di Malaysia
8. Kesan HIV/AIDS terhadap sosioekonomi
9. Apa yang kita boleh lakukan

### Ringkasan Epidemi HIV/AIDS Secara Global; Disember 2008

#### Bilangan orang yang hidup dengan HIV/AIDS pada tahun 2008

Jumlah	:	33.4 juta (31.1 - 35.8 juta)
Dewasa	:	31.3 juta (29.2 - 33.7 juta)
Wanita	:	15.7 juta (14.2 - 17.2 juta)
Kanak-kanak < 15 tahun	:	2.1 juta (1.2 - 2.9 juta)

#### Bilangan kes baru HIV pada tahun 2008

Jumlah	:	2.7 juta (2.4 - 3.0 juta)
Dewasa	:	2.3 juta (2.0 - 2.5 juta)
Kanak-kanak < 15 tahun	:	430 000 (240 000 - 610 000)

#### Kematian berkaitan AIDS pada tahun 2008

Jumlah	:	2.0 juta (1.7 - 2.4 juta)
Dewasa	:	1.7 juta (1.4 - 2.1 juta)
Kanak-kanak < 15 tahun	:	280 000 (150 000 - 410 000)

### Gambarajah 1: Taburan Orang Yang Hidup Dengan HIV Sepanjang Tahun 2008



Jumlah : 33.4 juta (31.1 - 35.8 juta)

**Gambarajah 2: Anggaran Kes Baru HIV Di Kalangan Orang Dewasa Dan Kanak-Kanak Pada Tahun 2008**



Sumber UNAIDS

Jumlah : 2.7 juta (2.4 - 3.0 juta)


**Gambarajah 3: Anggaran Kematian Berkaitan AIDS Di Kalangan Orang Dewasa Dan Kanak-Kanak Pada Tahun 2008**




Sumber UNAIDS

Jumlah : 2.0 juta (1.7 - 2.4 juta)

## Anggaran Kes HIV Secara Global Tahun 1990-2008




Carta 1: Bilangan orang yang hidup dengan HIV




Carta 2: Prevalen HIV di kalangan orang dewasa (15-49 tahun)

Anggaran	
Anggaran maksima dan minima	



**Carta 3: Bilangan kes HIV baru**





**Carta 4: Bilangan orang dewasa dan kanak-kanak yang mati berkaitan dengan AIDS**

Anggaran	
Anggaran maksima dan minima	

## Prevalen HIV/AIDS (15 – 49 Tahun) 2007


---



## Situasi HIV Di Malaysia Mengikut Gender 1986 – 2009


Kes pertama HIV/AIDS melibatkan seramai 3 orang pesakit telah mula dikesan di Malaysia pada tahun 1986. Jumlah tersebut bagaimana pun telah meningkat kepada 3,080 pada akhir 2009. Sehingga kini kumulatif pesakit HIV/AIDS adalah seramai 87,710 orang.

**Carta 5: Situasi HIV di Malaysia Mengikut Gender 1986-2009**




Carta 5 di atas menunjukkan bilangan kes HIV/AIDS yang dilaporkan dari tahun 1986 sehingga tahun 2009. Berdasarkan gambarajah ini jelas menunjukkan berlakunya peningkatan kes dengan catatan tertinggi seramai 6,978 orang di catatkan pada tahun 2002. Walau bagaimana pun pada tahun 2003 bilangan kes ini mula menunjukkan penurunan sebanyak 222 kes berbanding tahun sebelumnya. Bilangan kes terus berkurangan sehingga tahun 2009(3,080) dengan purata 8 kes sehari di dilaporkan pada tahun tersebut.

**Carta 6: Kadar Notifikasi HIV (Bagi Setiap 100,000 Penduduk) Dan Bilangan Ujian HIV Mengikut Tahun 2000-2009**



Carta 6 di atas menunjukkan Bilangan Ujian Saringan HIV yang dilakukan mengikut Tahun 2000-2009. Sebanyak 1.21 juta Ujian Saringan HIV telah dilakukan pada tahun 2009. Rajah juga menunjukkan kadar jangkitan HIV baru telah berkurangan dari 21.7 pada setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 10.8 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2009.



**Carta 7: Bilangan Kes HIV Secara Kumulatif Mengikut Gender Dan Negeri 1986 - 2009**



**Jadual 1: Bilangan Kes HIV Secara Kumulatif Mengikut Negeri 1986 - 2009**


NEGERI	KES HIV MENGIKUT NEGERI		
	1986 - 2008	2009	TOTAL
Johor	14,357	243	14,600
Selangor	11,481	378	11,859
Kelantan	9,295	596	9,891
Pahang	8,605	431	9,036
Terengganu	7,954	315	8,269
W Persekutuan	6,429	175	6,604
N Sembilan	6,393	62	6,455
Kedah	5,608	176	5,784
Perak	5,565	124	5,689
P Pinang	3,390	224	3,614
Melaka	2,617	80	2,697
Perlis	1,133	42	1,175
Sarawak	920	146	1,066
Sabah	883	88	971
<b>MALAYSIA</b>	<b>84,630</b>	<b>3,080</b>	<b>87,710</b>

**Carta 8: Taburan Kes HIV, AIDS Dan Kematian Berkaitan HIV/AIDS, Malaysia 1986 – 2009**



**Carta 9: Kes HIV AIDS Secara Kumulatif Mengikut Peringkat Umur:**

Kumpulan 30 – 39 tahun merupakan kumpulan tertinggi dijangkiti HIV iaitu sebanyak 43 % dan diikuti sebanyak 34% di kalangan mereka yang berusia 20-29 tahun.




**Carta 10: Jangkitan (Transmisi) HIV Mengikut Faktor Risiko: Malaysia 1986 – 2009**

Secara keseluruhan Berkongsi Jarum Suntikan (IDU) masih merupakan faktor utama risiko jangkitan HIV iaitu sebanyak 70.6%, diikuti oleh Perhubungan Seks Hetroseksual sebanyak 15.3%, Homoseksual/Biseksual sebanyak 1.7% dan jangkitan ibu kepada bayi (Vertical) sebanyak 0.9%. Manakala jangkitan HIV melalui pemindahan darah atau organ adalah yang paling rendah risikonya iaitu 0.001%.


**Carta 11: Jangkitan HIV Mengikut Faktor Risiko, Malaysia 1990 – 2009**

No. reported case



**Carta 12: Taburan Peratusan HIV Mengikut Jantina, Tahun 1990 - 2009**

Peratus




**WANITA DAN HIV AIDS:** Pada Tahun 2007, sebanyak 16.4% daripada jumlah kes HIV yang dilaporkan di Malaysia adalah dikalangan wanita berbanding hanya 9.01% pada tahun 2002


## Wanita Dan HIV/AIDS Di Malaysia 1988 – 2009

- Terdapat seramai 8091 kes HIV di kalangan wanita
- Punca utama jangkitan HIV di kalangan wanita adalah melalui hubungan seks
- 20% dijangkiti melalui perkongsian jarum
- Kadar jangkitan bagi ibu mengandung adalah kekal di antara 0.04 – 0.05 (masih rendah)
- Surirumah merupakan kumpulan terbesar iaitu seramai 2,990 orang daripada keseluruhan (8,091) orang wanita yang dijangkiti HIV.

Rajah 1: Peratusan Wanita Dijangkiti HIV Dan AIDS, Malaysia 1996 - 2009




Carta 13: Ujian Saringan HIV Dikalangan Ibu Mengandung, Malaysia 1998 - 2009



Liputan Ujian Saringan Hiv Ibu Mengandung 2009 = 98.1 %

**Carta 14: HIV/AIDS Mengikut Keturunan, Malaysia 1986 – 2009**



**Jadual 2: Kes Jangkitan HIV Mengikut Tahun**

NEGERI	KEDUDUKAN KES JANGKITAN HIV MENGIKUT TAHUN		
	1986 - 2008	2009	JUMLAH
Johor	14,357	243	14,600
Selangor	11,481	378	11,859
Kelantan	9,295	596	9,891
Pahang	8,605	431	9,036
Terengganu	7,954	315	8,269
W Persekutuan	6,429	175	6,604
N Sembilan	6,393	62	6,455
Kedah	5,608	176	5,784
Perak	5,565	124	5,689
P Pinang	3,390	224	3,614
Melaka	2,617	80	2,697
Perlis	1,133	42	1,175
Sarawak	920	146	1,066
Sabah	883	88	971
<b>MALAYSIA</b>	<b>84,630</b>	<b>3,080</b>	<b>87,710</b>

#### Ringkasan Keadaan Semasa HIV/AIDS di Malaysia (1986 – 2009)

1. HIV telah bermula dengan 3 kes pada 1986
2. Kes tertinggi pada tahun 2002 (6,978)
3. Terdapat 74,316 orang yang masih hidup dengan HIV pada akhir 2009 (jumlah dilaporkan seramai 87,710)
4. 15,317 orang mengalami penyakit AIDS
5. 13,394 orang telah meninggal dunia
6. 7 daripada setiap 10 kes HIV/AIDS adalah warga Melayu beragama Islam
7. 4 daripada setiap 10 kes HIV/AIDS adalah wara muda berusia bawah 29 tahun

## TAJUK 2 : KESAN GEJALA HIV AIDS

### Kesan Ke Atas Wanita

- Wanita terpaksa memikul beban yang berat apabila suami mereka sakit atau meninggal kerana HIV/AIDS
- Wanita terpaksa memikul tanggungjawab yang lebih berat – sebagai pekerja, penjaga, pendidik dan ibu. Pada masa yang sama status undang-undang, sosial dan politik mereka menyebabkan mereka lebih terdedah kepada HIV/AIDS.
- Wanita adalah lebih terdedah kepada jangkitan oleh kerana sukar bagi mereka untuk membincang kesetiaan suami mereka, berunding tentang penggunaan kondom, ataupun meninggalkan pasangan mereka yang berkelakuan risiko tinggi

### Kesan Ke Atas Kanak-Kanak

- Kanak-kanak yang ibubapanya dijangkiti HIV/AIDS akan menjadi yatim piatu apabila ibubapa mereka meninggal dunia akibat AIDS
- Kanak-kanak yang ibubapanya dijangkiti HIV yang sedang sakit mungkin terpaksa berhenti sekolah kerana tidak mampu membayar kos persekolahan ataupun kerana perlu menjaga ibubapanya, lantas menjeratkan mereka dalam kancang kemiskinan
- Kanak-kanak yang ibubapanya dijangkiti HIV/AIDS mengalami kesukaran hidup dan tekanan jiwa, dengan tiada peluang untuk memperbaiki keadaan mereka, justeruterdedah kepada gejala sosial seperti rokok, dadah, arak dan seks
- Kanak-kanak yang dijangkiti HIV memerlukan bantuan kewangan untuk membeli ubat rawatan AIDS
- Kanak-kanak yatim piatu terpaksa bergantung kepada datuk - nenek mereka, ataupun masyarakat di sekelliling mereka untuk mendapat kasih sayang, tunjuk ajar, pendidikan dan bantuan kehidupan yang lain

### Kesan Sosiol Ekonomi HIV/AIDS

- Dalam negara di mana kadar jangkitan HIV/AIDS melebihi 20%, akan menghadapi kemerosotan pertumbuhan ekonomi sebanyak purata 2.6% pada setiap tahun
- Peningatan kos penjagaan dan perawatan kepada mereka yang dijangkiti HIV/AIDS.
- AIDS menjejaskan aktiviti ekonomi melalui pengurangan produktiviti, peningkatan kos, memindahkan sumber produktif dan mengurangkan sumber tenaga mahir, terutamanya melalui peningkatan hilang masa kerja dan gangguan dalam organisasi. Kitar pengeluaran mungkin terjejas, peralatan terbiar tanpa digunakan dan kakitangan sementara mungkin perlu diambil bekerja dan dilatih.
- Kajian di beberapa negara di selatan Afrika bahawa kesan ketidakhadiran disebabkan AIDS, pengurangan produktiviti, perbelanjaan penjagaan kesihatan dan perbelanjaan mengambil serta melatih pekerja telah mengurangkan keuntungan sebanyak 6-8%.
- Faktor kos yang paling ketara dalam aspek pengeluaran ialah kehilangan pekerja mahir.
- AIDS menyebabkan rakyat terjebak ke dalam kemiskinan yang semakin ketara apabila isi rumah kehilangan pencari nafkah, punca pendapatan terjejas dan wang simpanan digunakan untuk menampung penjagaan kesihatan dan pengebumian. Penyelidikan yang dilakukan di Afrika menunjukkan yang dalam dua pertiga daripada keluarga yang bapa telah meninggal dunia, pendapatan boleh guna berkurangan lebih daripada 80%, manakala pendapatan dalam isi rumah yang terjejas disebabkan AIDS adalah separuh daripada pendapatan isi rumah purata.
- Di semua negara yang terjejas, sektor kesihatan menerima tekanan yang lebih hebat disebabkan epidemik HIV/AIDS. Di Afrika sub-Sahara, kos perubatan langsung tahunan untuk AIDS (tidak termasuk terapi antiretovirus) dianggarkan AS\$30 per kapita, sedangkan perbelanjaan kesihatan umum keseluruhan adalah kurang daripada AS\$10 per kapita di kebanyakan negara Afrika.
- HIV AIDS juga menyebabkan kualiti penjagaan yang disediakan semakin rendah. Kekurangan katil hospital misalnya, bererti pesakit hanya dimasukkan ke wad ketika peringkat lewat penyakit dan ini mengurangkan peluang mereka untuk sembuh.

## Kesan Ke Atas Kemiskinan

---

- Keluarga kehilangan ahli yang menjadi sumber mata pencarian yang utama dan bantuan kewangan
- Duit simpanan terpaksa digunakan untuk kos penjagaan dan perubatan
- Aset seperti tanah terpaksa dijual untuk menampung perbelanjaan sehari-hari dan kos perubatan
- Anak yatim piatu disebabkan AIDS terpaksa dihantar kepada datuk-nenek mereka (warga tua) yang tidak mempunyai sumber pencarian untuk membiayai kos membesarakan kanak-kanak
- Ahli keluarga yang menjaga orang yang hidup dengan HIV/AIDS kurang berkemampuan untuk bekerja
- Orang yang miskin menjadi papa
- Penyakit AIDS telah melumpuhkan kebolehan individu untuk menyara diri dan keluarganya dan secara langsung ianya telah mengurangkan pendapatan isi keluarga. Pada masa yang sama, kos rawatan serta perkara yang berkaitan dengan rawatan semakin bertambah dan ini akan menambahkan lagi kesangsaraan mereka yang telah dijangkiti HIV atau yang ada penyakit AIDS.

## Kesan Global HIV/AIDS

---

- Semenjak AIDS dikesan pada tahun 1981, seramai lebih 25 juta orang telah meninggal dunia sehingga akhir tahun 2007 akibat penyakit tersebut, dan secara tidak langsung ianya merupakan antara penyebab kematian utama di dunia. Di samping itu, AIDS juga menyebabkan usaha-usaha memerangi kemiskinan, menambahbaik taraf kesihatan dan pembangunan bertambah sukar. Secara amnya, sehingga kini hampir 60 juta orang telah mendapat penyakit AIDS
- Di kebanyakan negara, AIDS merencatkan peningkatan jangka hayat yang telah dicapai selama beberapa dekad. Jangka hayat purata di Afrika sub-Sahara pada masa kini ialah 47 tahun. Tanpa AIDS, jangka hayat purata ialah 62 tahun. Jangka hayat ketika kelahiran di Botswana (yang, pada 38.8%, adalah kadar prevalens dewasa paling tinggi di dunia) telah menjunam kepada kurang daripada 40 tahun; ini adalah paras yang tidak pernah dialami di Botswana semenjak 1950.
- Pada tahun 2007, kira-kira 2 juta orang telah meninggal dunia akibat AIDS dan 33 juta orang hidup dengan HIV serta 2.5 juta orang telah dijangkiti HIV bagi tempoh tahun 2007 sahaja. Lebih 90 peratus mereka yang hidup dengan HIV berada di didalam negara-negara membangun.
- Di Asia dan Pasifik, 7.2 juta orang kini dijangkiti HIV. Perkembangan epidemik ini di wilayah Asia Pasifik sebahagian besarnya disebabkan oleh epidemik yang menular di China, yang kini sejuta orang dijangkiti HIV dan anggaran rasmi menjangka peningkatan beberapa kali ganda dalam dekad akan datang. Di India hampir 4 juta orang dijangkiti HIV dan negara ini juga mungkin menyaksikan peningkatan ketara jangkitan HIV.
- Di 45 negara yang paling teruk terjejas dianggarkan bahawa, antara tahun 2000 dan 2020, 68 juta orang akan meninggal dunia lebih awal disebabkan AIDS. Jumlah unjurian adalah paling tinggi di Afrika sub-Sahara dengan jangkaan 55 juta kematian tambahan.
- Unjurian semasa mencadangkan bahawa 45 juta orang lagi akan dijangkiti HIV di 126 negara berpendapatan rendah dan sederhana (yang pada masa ini mengalami epidemik tertumpu atau umum) antara tahun 2002 hingga 2010 – kecuali jika dunia berjaya melaksanakan langkah pencegahan global secara drastik. Lebih 40% jangkitan ini akan berlaku di Asia dan Pasifik (yang pada masa ini membentuk kira-kira 20% jangkitan tahunan baru).
- Kumpulan yang paling terjejas disebabkan epidemik ini ialah kanak-kanak dan golongan muda. Kadar kematian di bawah lima tahun di tujuh negara Afrika sub-Sahara telah meningkat 20-40% disebabkan HIV/AIDS. Jumlah lebihan kematian berkait AIDS di kalangan penduduk Afrika Selatan yang berumur 15-34 tahun diunjurkan mencapai kemuncak pada tahun 2010-2015, dengan anggaran 17 kali kematian yang akan berlaku berbanding sekiranya tiada epidemik AIDS.

## Apakah Yang Kita Boleh Lakukan?

---

### BERTINDAKLAH SEKARANG

- HIV boleh dicegah 100%
- Bertindak dengan sewajarnya
- Hentikan penafian dan kejahilan tentang HIV/AIDS
- Bantu usaha masyarakat meningkatkan kesedaran tentang HIV/AIDS
- Hentikan stigma (prasangka buruk) & diskriminasi
- Libatkan diri dengan masyarakat dan individu yang dijangkiti atau terjejas akibat HIV/AIDS
- Menyayangi dan menjaga insan yang menderita
- Amat mudah untuk mendapatkan pahala dengan membantu mencegah HIV/AIDS

Firman Allah SWT dalam Surah al- Baqarah, Ayat 195



وَأَنفِقُوا فِي سَيِّلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْنَّهَلَكَةِ وَاحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah SWT dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

**Kaedah paling berkesan** untuk mengelak kesan buruk HIV/AIDS ialah dengan bertindak sebelum epidemik ini menular. Pengiraan kadar pulangan bagi pelaburan yang dibuat oleh Thailand bagi pencegahan HIV/AIDS mencadangkan bahawa, pada 1990-2020, perbelanjaan perubatan yang dielakkan sahaja akan memberikan kadar pulangan 12-33%. Usaha Brazil menyediakan rawatan dan penjagaan menyeluruh perlu diberi pujian; selain rancangan pencegahan yang dirancang dengan baik, rancangan ini dianggarkan mengelakkan 234 000 kes kemasukan ke hospital pada 1996-2000.

## Mengapakah HIV/AIDS Harus Dikawal?

---

- Untuk mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku di benua Afrika
- Bilangan jangkitan di rantau Asia Pasifik dan Malaysia semakin meningkat
- Mereka yang kini dijangkiti HIV berada di bawah tanah – dalam keadaan takut, marah dan mungkin jahil mengenai kesan penyakit mereka ke atas diri sendiri dan orang lain
- Kita tidak boleh membiarkan kes HIV/AIDS untuk merebak sesuka hati di Malaysia

## Rintangan Kepada Pencegahan HIV/AIDS

- Kejahilan tentang jangkitan HIV/AIDS
- Maklumat yang salah tentang wabak ini
- Penolakan dan tanggapan yang keras terhadap orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka
- Penafian tentang hakikat sosial yang kini berlaku di kalangan masyarakat Melayu seperti penzinaan di kalangan remaja dan belia
- Pemahaman salah bahawa HIV/AIDS bukan masalah orang Melayu, walhal kebanyakannya kes jangkitan HIV yang dilaporkan adalah Melayu
- Pemahaman salah bahawa HIV/AIDS tidak akan berlaku kepada orang yang disayangi

## HIV Bukan Soal KEMATIAN Tetapi KEHIDUPAN

### Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Buat pembentangan maklumat tentang kedudukan semasa HIV/AIDS di negara-negara lain di dunia dan di Malaysia, berdasarkan maklumat yang diberikan.
2. Minta peserta untuk berpecah kepada empat kumpulan kecil (yang sebaik-baiknya tidak melebihi 8 orang).
3. Berikan Kertas Perbincangan yang mengandungi soalan di bawah dan minta setiap kumpulan menggunakan maklumat yang dibentangkan untuk membincangkan soalan tersebut dalam tempoh 30 minit.
4. Minta setiap kumpulan melantik seorang pelapor bagi kumpulan masing-masing. Tugas pelapor adalah untuk melaporkan perbincangan yang dibuat dalam kumpulan yang berkenaan.
5. Minta peserta berkongsi dan membentangkan perbincangan mereka dengan semua peserta. Berikan 2-3 minit untuk setiap kumpulan.
6. Galakkan peserta untuk bersetuju, berdasarkan maklumat dan perbincangan, bahawa HIV/AIDS adalah suatu isu yang amat mendesak dan merupakan masalah setiap warga Malaysia, dan oleh yang demikian ia perlu segera ditangani dengan segera.

### Kertas Perbincangan

1. Apakah pemahaman kumpulan anda mengenai wabak HIV/AIDS?
2. Pada pendapat kumpulan anda, adakah HIV/AIDS suatu masalah yang serius di Malaysia?  
Jika ya, berikan 3 kesan utama HIV/AIDS kepada penduduk di Malaysia.
3. Bagaimanakah cara kumpulan anda boleh menangani masalah HIV/AIDS di Malaysia?

#### NOTA:

BENGKEL YANG AKAN DIJALANKAN AKAN DILAKUKAN SECARA BERSEPADU DENGAN AGENSI LAIN,

BENTUK SATU TUGASAN UNTUK IMAM-IMAM, ASINGKAN PERANAN IMAM , CERAMAH, KHUTBAH JUMAAT/ HALAQAH/ SEMBANG-SEMBANG/ ZIARAH

# MODUL 3

## PENCEGAHAN

### **MODUL 3 - PENCEGAHAN**

---

#### Tujuan

Modul ini bertujuan memberikan peserta dengan maklumat yang tepat mengenai pencegahan HIV dan juga aktiviti untuk peserta menggunakan maklumat tersebut untuk menyelesaikan masalah berdasarkan realiti masyarakat. Modul ini juga mengandungi maklumat mengenai pengubahan kelakuan menggunakan pendekatan Islam dan memperkenalkan unsur-unsur pengubahan kelakuan yang asas.

#### **TAJUK 1 : PENCEGAHAN – KENAPA DAN BAGAIMANA ?**

#### Objektif

1. Menghuraikan perlunya kepada pencegahan jangkitan HIV
2. Menghuraikan cara-cara pencegahan jangkitan HIV

#### Perkara Utama

1. Mengapa jangkitan HIV perlu dicegah
2. Cara-cara pencegahan
3. Maklumat yang perlu bagi orang ramai melindungi diri daripada jangkitan HIV
4. Maklumat yang perlu bagi orang yang HIV positif untuk mencegah jangkitan kepada orang lain
5. Keselamatan sejagat (universal precautions) yang perlu jika terdedah kepada bendalir badan

## Mengapa Jangkitan HIV Perlu Dicegah?

- HIV boleh dicegah
- HIV tidak ada vaksin atau penawar
- Kebanyakan orang yang HIV positif tidak mampu membeli ubat antiretrovirus
- 30% ke 40% jumlah orang HIV positif di Malaysia dalam lingkungan usia 13 - 29 tahun. Fakta ini membawa kepada implikasi sosio-ekonomi yang berat
- Pencegahan boleh membendung penyebaran / penularan HIV/AIDS daripada mangsa kepada orang lain

## Apakah Cara-Cara Pencegahan?

1. Istiqamah sebagai seorang muslim perlu memastikan hidup beristiqomah dalam kehidupan

Firman Allah SWT dalam Surah al-Fussilat Ayat 30

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ أُسْتَقْدِمُوا تَتَرَكَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَا تَخَافُوا وَلَا  
تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْحَيَاةِ الْآتَى كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang Yang menegaskan keyakinannya Dengan berkata: "Tuhan Kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan Yang betul, akan Turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (dari berlakunya kejadian Yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berduka-cita, dan Terimalah berita gembira Bahawa kamu akan beroleh syurga Yang telah dijanjikan kepada kamu.

2. Jangan melakukan hubungan seks yang salah seperti zina, liwat dan lesbian. Cara yang terbaik untuk melindungi diri daripada semua penyakit kelamin seperti HIV adalah dengan tidak berzina dan menjauhi maksiat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' Ayat 32

وَلَا تَقْرِبُوا الزِّنَى إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا ﴿٣٢﴾

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat.

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ١ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَشِعُونَ ٢ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ  
وَالَّذِينَ هُمْ لِلرِّغْوَةِ فَعَلُونَ ٤ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفَظُونَ ٥ إِلَّا عَلَىٰ  
أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَلَيْسُوا بِمُلْمِنِينَ ٦ فَمَنِ ابْتَغَى وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ  
هُمُ الْعَادُونَ ٧ وَالَّذِينَ هُمْ لَا مَنْتَهَا لَهُمْ وَعْهُدُهُمْ رَاغِبُونَ ٨ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَواتِهِمْ  
يُحَافِظُونَ ٩ أُولَئِكَ هُمُ الْوَرِثُونَ ١٠ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفَرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ١١

Maksudnya:

Sesungguhnya berjayaalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusuk dalam sembahyangnya. Dan mereka yang menjauhkan diri dari perbuatan dan perkataan yang sia-sia. Dan mereka yang berusaha membersihkan hartanya dengan menunaikan zakat harta itu. Dan mereka yang menjaga kehormatannya. Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, maka sesungguhnya mereka tidak tercela. Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekaalah orang yang melampaui batas. Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya. Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya.

### 3. Penggunaan Kondom (al-a'zil)

- Hanya Dibolehkan Bagi Pasangan Yang Sah
- Kondom diklasifikasi sebagai alat perubatan yang memberikan halangan fizikal semasa berlakunya persetubuhan kerana mencegah sentuhan cecair seperti air mani, cecair dari faraj.
- Kondom lazimnya digunakan untuk mencegah penyakit kelamin atau penyakit yang diwarisi seperti hepatitis
- Kajian menunjukkan bahawa penggunaan Kondom hanya 80% mencegah terhadap jangkitan HIV, dan bukan satu penyelesaian, tetapi adalah cara terbukti yang boleh melambatkan penyebaran jangkitan HIV

### 4. Jangan Berkongsi Jarum Dan Picagari

- Penyalahgunaan Dadah adalah Haram, yang boleh membawa kepada jangkitan HIV, sekiranya mengamalkan perkongsian jarum
- Jarum, picagari atau sebarang alat lain yang boleh digunakan untuk menyucuk atau menembusi kulit seseorang tidak sepatutnya dikongsi bersama dengan orang lain

## **Maklumat Yang Perlu Bagi Orang Ramai Melindungi Diri Daripada Jangkitan HIV**

---

- Mendapatkan kaunseling dan ujian antibodi HIV jika melakukan aktiviti berisiko tinggi
- Melindungi suami/isteri daripada air mani atau bendalir lain seperti air mazi atau darah semasa persetubuhan melalui kondom jika pernah melakukan aktiviti berisiko tinggi
- Jika belum berkahwin, jangan berzina
- Jika wanita, dapatkan kaunseling dan ujian antibodi HIV sebelum mengandung
- Jika pengguna dadah, jangan berkongsi jarum dan minta bantuan profesional untuk rawatan dan pemulihan

## **Maklumat Yang Perlu Bagi Orang Yang HIV Positif Untuk Mencegah Jangkitan Kepada Orang Lain**

---

- Mendapatkan kaunseling yang berterusan untuk maklumat yang tepat
- Melindungi suami/isteri daripada air mani atau bendalir lain seperti air mazi atau darah semasa perhubungan seks dengan menggunakan kondom
- Beritahu suami/isteri tentang status HIV dan galakkan supaya mereka mendapatkan kaunseling dan ujian secara volontari atau sukarela
- Jika pengguna dadah, jangan berkongsi jarum dan minta bantuan profesional untuk rawatan dan pemulihan
- Jangan berkongsi pisau cukur, berus gigi and dan lain-lain alat peribadi
- Bersihkan bendalir atau cecair yang keluar daripada badan dengan bahan peluntur
- Jika perempuan,elakkan dari mengandung
- Jika mengandung, dapatkan kaunseling untuk mengurangkan risiko jangkitan kepada bayi yang dikandung
- Jangan menderma darah atau organ badan

## **Apakah Langkah-Langkah Keselamatan Yang Perlu Jika Tersentuh Bendalir Tubuh Orang Lain?**

---

- Langkah-langkah ini adalah amalan lazim yang terpakai untuk semua orang samada HIV positif atau tidak
- Tangan perlu dibasuh dengan segera apabila terkena darah atau bendalir
- Menutup segala bisul atau luka sebelum menyentuh darah atau bendalir tubuh orang lain
- Memakai sarung tangan getah yang boleh dibuang selepas diguna
- Bersihkan permukaan yang terdedah kepada bendalir tersebut seperti meja, lantai dan tandas dengan bahan peluntur

## **Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel**

---

1. Terangkan maklumat yang terkandung dalam mukasurat berikutnya dan edarkannya kepada peserta.
2. Tanya peserta jika mereka mempunyai soalan mengenai maklumat yang telah diberikan.
3. Minta peserta berpecah kepada lima kumpulan kecil.
4. Berikan peserta masalah yang terkandung dalam mukasurat berikutnya. Agihkan senarai masalah tersebut dan meminta setiap kumpulan membincangkan satu masalah dan mencadangkan penyelesaian.
5. Beritahu peserta bahawa semua maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah tersebut telah diberikan dalam kertas yang diedarkan. Beritahu peserta juga bahawa semua masalah berdasarkan cerita benar dan realiti masyarakat.
6. Minta setiap kumpulan melaporkan jawapan mereka kepada semua peserta yang lain.
7. Bincangkan setiap daripada respons yang telah diberikan dengan peserta yang lain. Rujuk kepada panduan jawapan yang telah diberikan pada mukasurat berikutnya supaya semua isu yang relevan dibangkitkan.

## **Menyelesaikan Masalah**

---

1. Saya seorang isteri yang berusia 40 tahun. Saya tidak pernah mengadakan hubungan seks dengan sesiapun kecuali suami saya. Tetapi suami saya sendiri tidak setia, malah saya tahu bahawa dia pernah berlaku curang dengan perempuan yang lain. Walaupun suami saya mempunyai hubungan kelamin di luar perkahwinan, dia tidak menggunakan kondom. Suami saya masih juga inginkan persetubuhan dengan saya, tetapi setiap kali saya memintanya memakai kondom, dia meradang dan terus merajuk, mengatakan bahawa saya berdosa kerana tidak melayan nafsu suami, oleh itulah dia berhak berlaku curang. Apakah yang saya boleh lakukan untuk melindungi diri saya daripada dijangkit penyakit kelamin seperti HIV?
2. Saya seorang lelaki berusia 50 tahun, dan bekas pengguna dadah. Saya telah taubat dan insaf akan perbuatan saya yang lalu. Dengan pertolongan Tuhan saya telah berhenti menjadi pengguna dan kini mempunyai pekerjaan tetap dan hidup dengan aman dan tenteram, di samping keluarga. Saya berasa amat bersyukur kerana tidak dijangkiti HIV semasa alam penagihan, oleh kerana saya tidak pernah menggunakan jarum suntikan. Tetapi oleh kerana saya dahulu tidak pernah berada di rumah untuk menjaga keluarga saya dengan baik, anak remaja saya telah sekarang menjadi penagih. Saya telah merayu kepadanya untuk berhentikan penagihannya, dan telah cuba sedaya upaya untuk mendolongnya ke arah jalan yang benar, tetapi dia terlalu ketagih dan tidak mahu berhenti. Apakah yang saya boleh lakukan untuk melindungi anak saya daripada HIV?
3. Saya adalah penuntut yang berusia 21 tahun. Saya ada teman lelaki di kampus, yang juga penuntut, dan kami telah bercinta selama 2 tahun. Pada bulan lepas, teman lelaki saya telah mengajak saya berkahwin dan saya telah setuju. Kami telah menetapkan tarikh perkahwinan pada tahun hadapan selepas mendapat ijazah masing-masing. Sebelum ini kami tidak pernah mengadakan perhubungan seks tetapi sejak kebelakangan ini, teman lelaki saya asyik memujuk saya untuk melakukannya, mengatakan bahawa ia tidak berdosa sebab kami sememangnya nak berkahwin. Oleh kerana saya benar-benar cintakan teman lelaki saya, dan saya ingin menggembirakannya sebagai bakal isteri saya telah setuju dan kami telah mengadakan perhubungan beberapa kali. Tetapi apa yang merunsingkan saya ialah ada ura-ura bahawa bekas kekasih teman saya, yang juga seorang penuntut di kampus, telah dijangkiti HIV. Saya telah cuba untuk berhentikan perhubungan seks kami, tetapi semenjak kami melakukannya, ia menjadi amat sukar untuk berhenti. Apakah yang saya patut lakukan untuk lindungi diri saya daripada HIV?
4. Saya bekerja di sebuah sekolah, dan anak saya adalah seorang pelajar di sekolah itu. Seorang ibu kepada murid saya telah memberitahu saya bahawa anaknya HIV positif, tetapi dia tidak mahu saya beritahu pengetua sekolah atau sesiapa pun kerana dia takut anaknya akan didiskriminasi. Walaubagaimanapun, saya tahu bahawa anaknya kadang-kadang bermain dengan anak saya di padang sekolah, dan saya amat bimbang bahawa anak saya akan terjangkit. Bagaimanakah saya dapat melindung anak saya tanpa mendedahkan status anak murid saya?
5. Saya adalah seorang pelacur yang berusia 25 tahun. Saya adalah anak sulung di dalam keluarga seramai 7 orang, dan berasal dari sebuah kampong nelayan. Bapa saya adalah seorang nelayan tetapi dia juga seorang penagih dadah. Oleh itu, ibu saya menjual kueh untuk menyara kehidupan kami sekeluarga. Kerana pendapatan ibu saya tidak cukup untuk menampung persekolahan adik-adik saya, saya telah berhenti sekolah pada usia 16 tahun untuk mencari kerja di Kuala Lumpur. Oleh kerana saya tidak mempunyai kelayakan tinggi, pendapatan saya juga amat rendah dan tidak cukup untuk memberikan duit yang lebih kepada ibu saya. Keadaan kami amat terdesak, dan oleh itu saya telah menjadi pelacur selama hampir 10 tahun. Walaupun jiwa saya kosong dan saya tahu bahawa pekerjaan saya adalah sesuatu yang berdosa, saya sanggup menggadaikan zahir dan batin demi kebahagiaan dan keperluan keluarga saya. Kini kesemua adik saya bersekolah dan saya sedang menyimpan duit untuk menghantar ibu saya ke Mekah untuk menuaikan Haji pada hujung tahun hadapan. Ibu saya tidak tahu yang saya seorang pelacur. Saya ingin berhenti pada tahun hadapan iaitu apabila simpanan saya sebanyak RM50,000. Saya pernah mendengar mengenai HIV, dan saya telah menjalani ujian, tetapi saya belum terjangkit HIV. Apakah yang saya boleh lakukan untuk melindungi diri saya?

## Panduan Bagi Penyelesaian Masalah

### Masalah 1

1. Penzinaan oleh suami, berdosa besar, perlu segera bertaubat dan menyesali perbuatan penzinaan
2. Kelakuan berisiko tinggi oleh suami – kaunseling dan ujian antibodi HIV volontari (secara sukarela) perlu untuk menentukan status HIVnya
3. Kaunseling daripada institusi/ sumber Islam untuk memberhentikan penzinaan
4. Shura' di antara suami isteri untuk membincang penggunaan kondom semasa persetubuhan
5. Hak isteri untuk menolak persetubuhan
6. Risiko jangkitan HIV kepada anak-anak

### Masalah 2

1. Menasihat supaya tidak berkongsi jarum semasa mengguna dadah
2. Memberikan jarum atau picagari yang bersih dan baru
3. Minta bantuan profesional untuk rawatan dan pemulihan
4. Kelakuan berisiko tinggi – kaunseling dan ujian antibodi HIV perlu untuk menentukan status HIV
5. Kaunseling daripada institusi/sumber Islam untuk mengubah kelakuan
6. Menghubungi Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkenaan untuk mendapat maklumat selanjutnya
7. Mencari kumpulan sokongan (support group)
8. Ibu bapa memberi kekuatan moral dan sokongan emosi yang berterusan untuk mendorong pengubahan kelakuan yang berterusan
9. Bincangkan implikasi kepada anak jika ibubapa tidak hiraukan keadaannya/tidak meminta bantuan.

### Masalah 3

1. Penzinaan oleh kedua-dua pihak, berdosa besar, perlu segera bertaubat dan menyesali perbuatan penzinaan
2. Kelakuan berisiko tinggi oleh kedua-dua pihak – kaunseling dan ujian antibodi HIV volontari perlu untuk dilakukan untuk menentukan status HIV
3. Kaunseling daripada institusi/ sumber Islam untuk memberhentikan penzinaan

### Masalah 4

1. Menghubungi Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkenaan untuk mendapat maklumat selanjutnya
2. Meminta Badan tersebut/agensi berkenaan membuat penyampaian di sekolah tentang HIV supaya semua pihak mendapatkan maklumat yang tepat mengenai cara-cara jangkitan dan langkah-langkah keselamatan yang lazim
3. Mengalakan Persatuan Ibu Bapa dan Guru untuk mengadakan program kesedaran mengenai HIV dan isu-isu berkenaan seperti stigma(prasangka buruk) dan diskriminasi

### Masalah 5

1. Cadangan bagi sumber pendapatan alternatif
2. Peranan Baitulmal dalam memberi sokongan kewangan kepada keluarga
3. Kaunseling Islam untuk memberhentikan aktiviti pelacuran
4. Kelakuan berisiko tinggi – kaunseling dan ujian antibodi HIV volontari perlu untuk dilakukan untuk mengubah kelakuan.

## Objektif

1. Menguraikan unsur-unsur asas pengubahan kelakuan
2. Menghuraikan pengubahan kelakuan berdasarkan contoh Rasulullah SAW

## Perkara Utama

1. Pengubahan kelakuan dipengaruhi oleh pelbagai faktor
2. Tanggapan salah mengenai pengubahan kelakuan perlu dibetulkan supaya pengubahan kelakuan yang berkesan dapat dijalankan
3. Peringkat-peringkat pengubahan kelakuan

### Apakah Yang Mempengaruhi Pengubahan Kelakuan?

- Pengubahan kelakuan dipengaruhi oleh pelbagai faktor
- Manusia adalah insan yang peka kepada apa yang berlaku di sekelilingnya, dan kepada keperluan dan rangsangan masing-masing
- Faktor-faktor yang mempengaruhi pengubahan kelakuan banyak bergantung kepada persekitarannya, dan bukan sahaja mengikut kemauan manusia sendiri
- Setiap manusia menghadapi faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi kelakuannya seperti berikut:

AGAMA • EKONOMI • SOSIAL • BUDAYA • UNDANG-UNDANG • POLITIK

### Tanggapan Lazim Mengenai Pengubahan Kelakuan

Program - program yang membentuk pengubahan kelakuan sering berasaskan tanggapan bahawa manusia bertindakbalas secara rasional terhadap maklumat yang diberi kepada mereka seperti berikut:

INDIVIDU MENGAMALKAN CARA HIDUP YANG TIDAK SIHAT ATAU YANG BERISIKO TINGGI  
PROGRAM PERUBAHAN KELAKUAN MENGENALKAN KELAKUAN BARU KEPADA INDIVIDU  
INDIVIDU TERUS BERGERAK KE ARAH HIDUP YANG SIHAT DAN TIDAK BERISIKO

## **Masalah Utama Dengan Tanggapan Lazim Adalah:**

---

1. Ia menganggap bahawa pengubahan kelakuan berlaku hanya sekali. Tetapi pada hakikatnya manusia tidak berubah sekali sahaja. Mereka kerap berubah dalam berbagai arah sebagai gerak balas kepada pelbagai faktor yang mempengaruhinya
2. Ia menganggap bahawa manusia sentiasa bersedia untuk mengubah diri. Tetapi manusia tidak selalu bersedia untuk berubah tepat pada masa yang ia perlu berubah
3. Ia menganggap bahawa orang lain yang paling layak menentukan keputusan dan cara pengubahan kelakuan, bukan individu itu sendiri. Pengubahan yang berkesan perlu bermula dengan individu itu sendiri, dan disokong oleh orang lain, bukan yang sebaliknya
4. Ia menganggap bahawa manusia tidak akan kembali kepada cara hidupnya yang lama. Manusia mempunyai banyak kelemahan, dan pengubahan bukanlah proses yang mudah dan cepat
5. Ia menganggap bahawa manusia mampu mengekalkan kelakuannya yang baru dalam jangka masa panjang. Tetapi manusia pada lazimnya tidak menggemari perubahan dan mungkin mampu berubah hanya dalam jangka masa pendek

## **Peringkat-Peringkat Pengubahan Kelakuan**

---

KESEDARAN

KEPERLUAN EMOSI

MERENUNG ISU-ISU

MELIHAT JALAN ALTERNATIF

MEMILIH UNTUK BERTINDAK

MEMBUAT KOMITMEN UNTUK BERUBAH

MENERIMA SOKONGAN UNTUK BERUBAH

MENARUH KEPERCAYAAN KEPADA ORANG LAIN

KAWALAN DIRI

MEMBINA JATI DIRI

MELIHAT LEBIH BANYAK ALTERNATIF

## Aktiviti No 1 Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

---

\*untuk TOT, bukan untuk di masjid

1. Edarkan kertas yang mengandungi maklumat mengenai pengubahan kelakuan pada mukasurat seterusnya
2. Terangkan unsur – unsur asas pengubahan kelakuan seperti yang terkandung.
3. Tuliskan kenyataan “Pengubahan Kelakuan Tidak Boleh Berlaku Dalam Waktu Yang Singkat” diatas papan tulis atau carta selak.
4. Minta peserta berpecah kepada kumpulan-kumpulan kecil.
5. Minta mereka bincangkan samada mereka setuju atau tidak dengan kenyataan tersebut, dan berikan alasan mereka.
6. Minta setiap kumpulan membuat penyampaian pandangan mereka, dan bincangkan maklum balas tersebut dengan semua peserta yang lain.

## Aktiviti No 2 Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

---

1. Minta peserta berpecah kepada kumpulan-kumpulan kecil.
2. Edarkan Soalan Perbincangan yang terkandung pada mukasurat seterusnya.
3. Minta semua kumpulan membincang dan menjawab soalan-soalan dalam masa 20 minit. Minta juga kumpulan tersebut memilih 5 ciri utama yang menggambarkan akhlak dan perwatakan Rasulullah SAW dalam mendorong pengubahan kelakuan insan, berdasarkan perbincangan dan jawapan-jawapan mereka.
4. Minta kumpulan-kumpulan tersebut menyampaikan jawpan-jawapan mereka serta 5 perkataan utama, serta sebab-sebab mereka memilih ciri-ciri tersebut.
5. Setelah selesai penyampaian, cuba mengenalpasti jika ada persamaan yang wujud dalam ciri-ciri yang dicadangkan oleh kumpulan-kumpulan tersebut, dan tuliskan ciri tersebut di atas papan tulis atau carta selak.
6. Cadangkan juga ciri-ciri yang berikut:

**PENYAYANG • PENYABAR • BAIK HATI • RENDAH DIRI • PRIHATIN**

7. Tanyakan peserta samada mereka setuju bahawa sebab utama Rasulullah SAW berjaya mengubah kelakuan beribu-ribu umat adalah kerana Baginda memimpin melalui teladan atau contoh, yang memaparkan segala kebaikan yang Baginda mengajar kepada umatnya.
8. Tanyakan juga kepada peserta jika mereka setuju bahawa umat Rasulullah SAW mengubah kelakuan mereka kerana mereka amat menyintai dan menyayangi Rasulullah SAW dan Allah SWT, dan kasih sayang inilah yang menjadi pendorong utama kepada perubahan kelakuan.
9. Edarkan lembaran pada mukasurat 164 yang mengandungi nota tentang ikhtibar yang dapat diambil daripada contoh Rasulullah SAW

## Soalan Perbincangan

### Pendekatan Perubahan Kelakuan Berdasarkan Contoh Rasulullah SAW

#### Sikap Lemah Lembut.

Abdullah bin Mas'ud meriwayatkan bahawa Hadis Rasulullah SAW:

أَلَا أُخْبِرُكُمْ بِمَنْ يُحِرِّمُ عَلَى النَّارِ وَمَنْ تُحْرَمُ النَّارُ عَلَيْهِ؟ عَلَى كُلِّ هِينٍ لَّيْنَ قَرِيبٌ سَهْلٌ

Maksudnya:

Maahukah aku memberitahu kamu semua mengenai orang yang dijauhi dari api neraka, dan orang yang diharamkan dari api neraka, dan api neraka dijauhkan darinya, iaitu siapa yang lemah lembut mudah didekati dan tidak mementingkan diri .

Hadis Riwayat Ahmad dan at-Tarmidhi

Daripada hadis di atas, gambarkan sifat-sifat Rasulullah SAW

#### Sikap Berlapang Dada.

2. Sifat berlapang dada Rasulullah SAW sewaktu baginda dilontar batu oleh penduduk Taif, Baginda telah dilontar dengan batu oleh penduduknya, seperti yang berikut:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِقَوْمٍ فَإِنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Maafkanlah mereka, sesungguhnya mereka tidak tahu apa yang mereka lakukan.

Hadis Riwayat al-Bukhari

#### Pendekatan Yang Menarik.

3. Mengikut hadis yang berikut Rasulullah SAW telah bersabda:

يَسِّرُوا وَلَا تُعَسِّرُوا وَبَشِّرُوا وَلَا تُنَفِّرُوا

Maksudnya:

Permudahkanlah berikan mereka khabar gembira dan jangan jadikan mereka lari.

Hadis Riwayat al-Bukhari

Apakah yang dimaksudkan oleh Rasulullah SAW?

---

---

أَنَّا إِذَا تَعْلَمْنَا مِنَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ آيَاتٍ مِنَ الْقُرْآنِ لَمْ نَتَعْلَمْ مِنَ الْعَشْرِ الَّذِي نَزَّلْتُ  
بَعْدَهَا حَتَّى نَعْلَمَ مَا فِيهِ

Maksudnya:

Apabila kami membelajari sepuluh ayat Quran, kami tidak membelajari ayat yang lain sehingga kami benar-benar memahami ajarannya dan mengamalkannya.

Hadis Riwayat al-Hakim

Menurut hadis yang di atas, gambarkan pendekatan yang telah digunakan oleh Rasulullah SAW dalam menyebarkan agama Islam e.g. berperingkat atau secara mendadak? Mengapa Rasulullah SAW berbuat demikian?

---

---

**Iktibar Daripada  
Contoh Rasulullah SAW  
Sebagai Pendorong  
Terunggul Bagi  
Pengubahan Kelakuan  
Umat**

Sifat dan pendekatan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW telah memberi kesan kepada perubahan kelakuan Jahiliyah daripada sifat jahil kepada insan soleh dan mentaati perintah Allah SWT

Umat Rasulullah SAW sanggup menukar sifat dan kelakuan jahiliyah mereka seperti menyembah berhala, minum arak, berzina dan berjudi semata-mata kerana kasih sayang dan cinta mereka kepada Baginda

Akhlik yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW telah memberi perubahan kepada masyarakat Jahiliyah daripada sifat-sifat buruk kepada sifat-sifat yang mulia dan tinggi budi pekertinya.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Ahzab Ayat 21

﴿لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya, adalah bagimu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredhaan Allah dan balasan baik hari akhirat, serta ia pula menyebut dan banyak mengingati Allah.

Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Anbia'a Ayat 107

﴿وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلنَّاسِ﴾

Maksudnya:

Dan tiadalah Kami mengutuskan Engku (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Hadis Rasulullah SAW

إِنَّمَا بَعَثْتُ لِتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Maksudnya:

Sesungguhnya Aku dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Hadis Riwayat Muslim

## MODUL 4

# SOKONG BANTU DAN RAWATAN

### **MODUL 4 - SOKONG BANTU & RAWATAN**

---

#### Tujuan

Modul ini memberikan maklumat asas tentang faedah sokong bantu dan rawatan dari segi sosial dan ekonomi. Modul ini menyediakan maklumat tentang komponen sokong bantu dan perlunya pendekatan dari pelbagai sektor untuk menyediakan fungsi sokong bantu yang berkesan kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka. Modul ini juga menghuraikan sokong bantu dari segi tanggungjawab bersama .

#### **TAJUK 1 : KEPERLUAN SOKONG BANTU**

#### Objektif

1. Menghuraikan faedah sokong bantu dari segi sosial dan ekonomi.
2. Menghuraikan peringkat-peringkat sokong bantu
3. Menghuraikan keperluan bagi pendekatan pelbagai sektor terhadap sokong bantu

#### Perkara Utama

1. Faedah kesihatan, sosial dan ekonomi melalui cara hidup yang lebih berkualiti sebagai hasil sokong bantu
2. Mengurangkan stigma (prasangka buruk) HIV/AIDS melalui penglibatan masyarakat dalam aktiviti sokong bantu.
3. Pencegahan HIV yang berkesan melalui aktiviti sokong bantu.
4. Sokong bantu harus dikembangkan kepada kumpulan masyarakat yang lebih berisiko kepada jangkitan HIV/AIDS
5. Peringkat-peringkat bagi sokong bantu
6. Pendekatan aktiviti sokong bantu yang berkesan dari pelbagai sektor

## Faedah Sokong Bantu

### Meningkatkan Kualiti Hidup Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS (ODHA)

- Dengan sokong bantu ODHA dapat meneruskan kehidupan dan meningkatkan kualiti hidup mereka
- ODHA mendapat faedah daripada perkhidmatan khidmat nashiat yang memberi maklumat tepat mengenai HIV dan cara-cara pencegahan untuk melindungi diri mereka dan orang lain
- ODHA dapat meneruskan kehidupan bersama keluarga.

### Meningkatkan Kualiti Hidup Orang Yang Terjejas Oleh HIV/AIDS

- Membantu keluarga dan sahabat handai ODHA memahami HIV/AIDS dan kesannya kepada manusia
- Membantu mereka dalam hal penjagaan dan pengurusan jenazah ODHA
- Memberikan maklumat dan pemahaman mengenai pencegahan HIV/AIDS
- Memberi sokongan untuk mengatasi stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi yang dihadapi oleh mereka

### Faedah Sosial Dan Ekonomi

- ODHA mampu berdikari dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi
- Dengan melambatkan AIDS beban penjagaan dan kos sokong bantu berkurangan
- Majikan boleh menyediakan peluang pekerjaan lebih cerah kepada ODHA
- ODHA mempunyai lebih masa untuk bersama keluarga dan orang tersayang dalam keadaan fizikal yang lebih sempurna

### Mengurangkan Stigma (Prasangka Buruk) HIV/AIDS Melalui Penglibatan Masyarakat Islam Dalam Sokong Bantu

- Pemimpin agama menerajui usaha sokong bantu sebagai contoh dalam pembentukan ummah yang penyayang
- Mewujudkan keperihatinan kepada permasalahan HIV/AIDS dengan memberi fokus kepada kebaikan ODHA
- Menjalankan tanggungjawab bersama dengan membantu golongan sakit, miskin dan tidak berkemampuan dalam masyarakat
- Memastikan bahawa ODHA dan keluarga mereka tidak dipulau oleh masyarakat
- Memotivasi ODHA untuk bercampur gaul dengan masyarakat

### Hubungan Dengan Aktiviti Pencegahan HIV

- Pencegahan sahaja tidak mencukupi untuk menangani HIV/AIDS, perlu ada kesinambungan melalui aktiviti sokong bantu
- Menggalakkan masyarakat menjalani ujian saringan tanpa nama bagi mengetahui status HIV mereka jika perkhidmatan khidmat nashiat dan sokong bantu diberikan
- Aktiviti sokong bantu adalah penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang HIV/AIDS

### Jangan Melakukan Perlakuan Berisiko Kepada Jangkitan HIV/AIDS

- Perlakuan yang lebih berisiko terdiri daripada hubungan sejenis (Gay/Lesbian), berzina, melacur dan melanggan pelacur, menagih dadah menggunakan jarum suntikan.

## Peringkat-Peringkat Bagi Sokong Bantu

Berikut Adalah Peringkat-Peringkat Sokong Bantu :

Tidak dijangkiti tetapi berisiko	HIV Positif tetapi asimptomatik	Penyakit HIV peringkat awal yang menunjukkan simptom	Penyakit HIV peringkat lewat	AIDS	Tenat
<ul style="list-style-type: none"> <li>Menggalakkan Ujian HIV secara sukarela dan Khidmat Nasihat</li> <li>Diagnosis awal adalah penting</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sokongan psikologi berterusan yang mendorong cara hidup sihat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sokongan psikologi berterusan</li> <li>Penjagaan kesihatan dan pemakanan yang berkhasiat</li> <li>Menyediakan perkhidmatan untuk pengurangan penyakit seperti jangkitan kulit, T.B., H1N1, pneumonia, kayap.</li> <li>Rawatan ubat antiretrovirus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan perkhidmatan pengurangan jangkitan kulit, T.B., H1N1, pneumonia, kayap</li> <li>Rawatan ubat antiretrovirus</li> </ul>	Perkhidmatan pakar untuk: Cirit-birit kronik  Penyakit yang menyusut badan  Barah Kaposi Sarkoma  Penjagaan di rumah atau di hospital	Pengurangan kesakitan  Sokongan rohani dan emosi

## Pendekatan Pelbagai Sektor Diperlukan Bagi Sokong Bantu



## Sokongan Psikologi

Mereka yang mempunyai HIV/AIDS dan keluarga mereka mengalami pelbagai masalah psikososial seperti berikut:

- Masalah perubatan dan rawatan
- Dipulaukan oleh masyarakat
- Kehilangan pekerjaan
- Perhubungan peribadi terjejas
- Perasaan rendah diri
- Masalah kewangan
- Kebimbangan
- Takut
- Perasaan bersalah

Mereka yang baru dijangkiti oleh HIV/AIDS akan melalui beberapa proses emosi dan psikologi:

**MARAH, GERAM DAN TERKEJUT  
PENAFIAN  
(TAHAP INDIVIDU, KELUARGA, KOMUNITI DAN NEGARA)  
TOLAK-ANSUR  
PENERIMAAN**

Cara dan bagaimana individu, keluarga dan komuniti berhadapan dengan proses di atas berbeza. Antara persoalan yang mungkin timbul :

- Perlukah aku memberitahu isteri atau ahli keluarga tentang status HIV/AIDS aku?
- Bolehkah mereka menerima aku?
- Adakah orang yang aku kasih akan meninggalkan aku?
- Bolehkah aku meneruskan hubungan seks dengan isteri aku?
- Adakah isteri / suami telah dijangkiti?
- Bagaimana harus aku berhadapan dengan isteri dan anak-anak aku?
- Siapa akan menjaga keluarga aku?
- Bolehkah masyarakat menerima aku?
- Mengapa sekarang?
- Adakah aku akan menderita sebelum aku mati?
- Bagaimanakah aku akan mati nanti?
- Siapakah yang akan menguruskan jenazahku?

### Khidmat nasihat ialah satu bentuk sokongan sosial :

- Khidmat nasihat menyediakan maklumat serta sokongan yang diperlukan kepada individu untuk mereka membuat keputusan
- Amalan prinsip-prinsip Islam boleh digunakan dengan berkesan dalam khidmat nasihat untuk memberikan sokongan kerohanian dalam bentuk harapan dan kesabaran dalam mengharungi penderitaan ODHA dan keluarganya
- Sokongan berkumpulan menyediakan respons yang praktikal bagi individu yang dipulau oleh masyarakat

### Pemimpin Islam perlulah menekankan kepada ODHA :

- Menyedari hakikat bahawa kehidupan dunia hanya sementara dan akhirat adalah penentu segalanya
- Segala musibah yang menimpa merupakan ujian dari Allah SWT bagi menduga keimanan seseorang
- Allah SWT Maha Pengampun dan Maha Penyayang, maka perlulah bertaubat dan kembali ke pangkal jalan
- Beriman kepada Qada dan Qadar
- Khidmat nasihat juga memainkan peranan dalam pencegahan HIV/AIDS

## Sokongan Sosial Dan Kebajikan ODHA

- Kos penjagaan di rumah biasanya lebih rendah untuk keluarga berbanding penjagaan hospital
- Penjagaan di rumah menyediakan peluang untuk mendidik keluarga dan komuniti berhubung pencegahan dan boleh membantu mengurangkan stigma (prasangka buruk) terhadap HIV/AIDS
- Penjagaan asas yang baik di rumah membolehkan ODHA menjadi lebih aktif dan produktif
- Sokongan untuk anak yatim ODHA bagi keperluan jangka panjang seperti pendidikan dan keperluan semasa seperti makanan dan kestabilan emosi

## Penjagaan Klinikal

- Kemudahan untuk memperoleh ubat yang sesuai adalah aspek penting proses penjagaan
- Penjagaan paliatif (khusus) atau penjagaan akhir hayat ialah pendekatan aktif dan menyeluruh dalam menjaga dan memberi sokongan kepada pesakit yang hampir meninggal dunia
- Ia menangani keperluan fizikal, emosi, sosial dan rohani dengan cara yang berikut:
  - Mengurangkan kesakitan
  - Mengelakkan keselesaan dan maruah individu
  - Menyediakan sokongan emosi yang praktik untuk pesakit dan keluarganya
  - Melatih ahli keluarga untuk membantu menguruskan masalah tertentu
  - Menyediakan sokongan kepada keluarga selepas kematian pesakit

## Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Tunjuk dan terangkan maklumat tentang sokong bantu yang telah disediakan
2. Bahagikan peserta kepada tiga kumpulan, iaitu Kumpulan A, B dan C.
3. Edarkan kertas panduan yang disediakan kepada setiap kumpulan yang berkenaan.
4. Minta pendapat setiap kumpulan dan bincangkan tindakbalas mereka.

## Latihan (Kumpulan A)

Anda sekalian merupakan mereka yang telah dijangkiti oleh HIV/AIDS. Bincangkan apakah pemahaman kumpulan anda berhubung dengan:

1. Sokong bantu (10 minit)
2. Sebagai orang yang hidup dengan HIV/AIDS (ODHA) fikirkan apakah jenis-jenis sokong bantu yang mungkin anda perlukan. Untuk memudahkan latihan ini, dua orang ahli akan memainkan peranan sebagai wanita yang mempunyai HIV/AIDS dan telah dijangkiti dari suami mereka, dua orang remaja yang telah dijangkiti HIV, dua orang pengguna dadah dan dua orang lagi suami yang telah jangkiti HIV melalui seks rambang, dan dua orang kanak-kanak sekolah yang telah mendapat HIV dari ibu mereka. (10 minit)
3. Lantik seorang wakil untuk membentangkan perbincangan anda nanti.(3 minit)

### Catatan

Untuk membantu perbincangan anda, fikirkan semula apakah pemahaman anda tentang HIV/AIDS, stigma(prasangka buruk) dan diskriminasi yang telah dilalui oleh ODHA. InsyAllah, anda akan dapat mencari jawapannya

## **Latihan (Kumpulan B)**

Anda merupakan sekumpulan ahli-ahli keluarga (2 orang ibu, 3 orang bapa, 4 orang kakak dan abang, 2 penjaga) kepada anak atau seorang ahli keluarga yang mempunyai HIV/AIDS.

Bincangkan:

1. Apakah pemahaman ahli kumpulan anda berhubung dengan "sokong bantu" (10 minit).
2. Sebagai ahli keluarga kepada mereka yang mempunyai HIV/AIDS, apakah jenis-jenis sokong bantu yang diperlukan oleh ahli kumpulan anda (10 minit).
3. Lantik seorang wakil yang akan membentangkan perbincangan anda itu nanti (3 minit).

### *Catatan*

Untuk membantu perbincangan anda fikirkan semula apakah pemahaman anda tentang HIV/AIDS, stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi serta kesulitan yang dilalui oleh keluarga yang mempunyai ahli yang HIV/AIDS. Insya Allah, anda akan dapat mencari jawapannya

## **Latihan (Kumpulan C)**

Anda merupakan sekumpulan ahli dari Jabatan Agama Islam. Sejak kebelakangan ini terlalu ramai kes-kes yang dirujukkan ke Agensi Agama untuk pelbagai jenis bantuan.

Bincangkan apakah pemahaman anda tentang:

1. Sokong bantu. (10 minit)
2. Sebagai Pegawai Agama fikirkan apakah jenis-jenis sokong bantu yang boleh diberikan kepada mereka yang mempunyai HIV/AIDS. Apakah jenis khidmat sosial, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh Pegawai Agama dalam memberi bantuan kepada mereka yang mempunyai HIV/AIDS dan keluarga mereka.(10 minit)
3. Lantik seorang wakil untuk membentangkan perbincangan anda itu nanti. (3 minit).

### *Catatan*

Untuk membantu perbincangan anda, fikirkan semula apakah pemahaman anda tentang HIV/AIDS, stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi serta kesulitan yang dilalui oleh mereka yang mempunyai HIV/AIDS

## **TAJUK 2 : KEPERLUAN RAWATAN**

# **Objektif**

Menghuraikan faedah rawatan bagi orang yang hidup dengan HIV/AIDS

## **Perkara Utama**

1. Apakah ubat antiretrovirus?
2. Bagaimanakah ubat antiretrovirus berfungsi?
3. Apakah tujuan rawatan?
4. Adakah ubat antiretrovirus mahal?

## **RAWATAN: Ubat Antiretrovirus**

### **Apakah Ubat Antiretrovirus?**

- Ubat yang boleh mengurangkan tahap HIV di dalam tubuh seseorang
- Dengan mengurangkan jumlah HIV di dalam badan seseorang, seseorang boleh memperlambangkan atau mencegah kerosakan sistem daya tahan tubuhnya
- Ubat ini bukanlah penawar atau penyembuh, tetapi boleh membantu mengekalkan kesihatan seseorang

### **Bagaimanakah Ubat Antiretrovirus Berfungsi?**

- HIV menjangkiti sel di dalam sistem daya tahan penyakit yang dipanggil sel CD4
- Ubat anti-retrovirus berfungsi dengan menyekat HIV daripada merebak menjadi AIDS

#### **Apakah Tujuan Rawatan?**

- Untuk mengurangkan jumlah HIV ke tahap yang sangat rendah
- Sebaik sahaja beban virus ini menjadi rendah, sistem ketahanan badan akan mula pulih
- Rawatan dengan ubat anti-retrovirus berfungsi disarankan sekiranya kiraan CD4 ialah antara 200 dan 350

#### **Adakah Ubat Antiretrovirus Mahal?**

- Terdapat empat jenis utama ubat antiretrovirus
- Ubat antiretrovirus biasanya sangat mahal
- Terapi gabungan (*Combination Therapy*) diberi secara percuma kepada kumpulan tertentu
- Kerajaan Malaysia memberi percuma kepada semua jenis ubat kepada pesakit yang memenuhi kriteria untuk memulakan terapi ubat yang pertama.

### **Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel**

1. Edarkan bahan yang terkandung pada halaman berikutnya. Buat penyampaian bahan tersebut kepada peserta.
2. Minta peserta berpecah kepada kumpulan.
3. Minta mereka membincang peranan pemimpin Islam dan orang Islam dalam membekalkan rawatan kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS.
4. Bincangkan respons dan senaraikannya di atas papan tulis.

### **TAJUK 3 : TANGGUNGJAWAB SOKONG BANTU DALAM PENDEKATAN ISLAM**

## **Objektif**

Menghuraikan tanggungjawab sokong bantu dalam pendekatan Islam bagi HIV/AIDS

## **Perkara Utama**

1. Umat Islam diperintahkan supaya saling mengasihani dan mengambil berat antara satu sama lain
2. Tanggungjawab ke atas anak yatim adalah tanggungjawab penting umat Islam
3. Umat Islam boleh menunjukkan rasa kasih sayang kepada orang yang menghidapi HIV/AIDS dengan lebih memahami virus ini dan memberikan harapan dan sokongan emosi dan praktik kepada mereka dan keluarga mereka

## Tanggungjawab Seorang Muslim Terhadap Orang Yang Memerlukan Bantuan

Tanggungjawab seorang muslim terhadap orang yang memerlukan bantuan merangkumi mencari, mendekati dan menghulur bantuan yang diperlukan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Zariyat Ayat 15-19

إِنَّ الْمُتَّقِينَ فِي جَنَّتٍ وَعَيْوَنٍ ۝ ۱۵ ۝ أَخِذُنَ مَا إِنَّهُمْ رَبُّهُمْ كَانُوا قَبْلَ ذَلِكَ مُحْسِنِينَ ۝  
كَانُوا قَلِيلًا مِنَ الْيَالِيَّةِ مَا يَهْجِعُونَ ۝ ۱۷ ۝ وَبِالْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ۝ ۱۸ ۝ وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌ لِلسَّائِلِ ۝  
۝ ۱۹ ۝ وَالْمَحْرُومُ

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang bertaqwa ditempatkan di dalam syurga, dengan mata air-mata air terpancar. Mereka mengambil apa yang diberikan oleh Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang yang berbuat kebaikan. Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja masa dari waktu malam, untuk mereka tidur. Dan diakhir malam mereka beristighfar kepada Allah SWT. Dan pada harta-harta mereka, ada hak untuk orang miskin yang meminta dan yang tidak meminta.

### PENGAJARAN AYAT

Allah SWT berfirman bahawa amalan bersedekah yang sebenar bukan sahaja memberi kepada mereka yang memerlukan dan yang meminta, tetapi juga mereka yang terhalang atas sebab-sebab tertentu daripada meminta. Dermawan yang sebenar akan membantu golongan yang kedua ini. Mungkin terdapat beberapa sebab yang menghalang seseorang itu daripada meminta bantuan:

1. Dia mungkin malu untuk bertanya, atau dia mungkin keberatan untuk meminta bantuan demi menjaga maruahnya
2. Dia mungkin terlalu leka dalam mencapai cita-cita yang terlalu tinggi hingga dia mungkin tidak terfikir untuk meminta
3. Dia mungkin juga tidak menyedari bahawa dia memerlukan bantuan, terutamanya apabila kemewahan dan harta dilihat dari segi kerohanian
4. Dia mungkin tidak mengetahui yang anda memiliki sesuatu yang boleh memenuhi keperluannya
5. Dia mungkin seorang yang tidak berdaya

## Tanggungjawab Seorang Muslim Untuk Berusaha Kepada Kebaikan Dan Berkasih Sayang

Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa' Ayat 114

﴿لَا خَيْرٌ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نَجْوَاتِهِمْ إِلَّا مَنْ أَمْرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ أَبْتِغَاهُ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِهِ أَجْرًا عَظِيمًا﴾  
114

Maksudnya:

Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah, maka Kami akan memberi pahala yang besar.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Balad Ayat 10-20

وَهَدَىٰنَا النَّجَدَيْنِ ﴿١٠﴾ فَلَا أَقْنَحَ الْعَقْبَةَ ﴿١١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقْبَةُ ﴿١٢﴾ فَكُرْ رَقَبَةً  
أَوْ إِطْعَمْ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿١٤﴾ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿١٥﴾ أَوْ مُسِكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ  
ثُمَّ كَانَ مِنَ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَوَاصَوْا بِالصَّبَرِ وَتَوَاصَوْا بِالْمَرْحَمَةِ ﴿١٧﴾ أُولَئِكَ أَصْحَابُ  
الْمَيْمَنَةِ ﴿١٨﴾ وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِثَائِنَتِنَا هُمْ أَصْحَابُ الْمَشْمَمَةِ ﴿١٩﴾ عَلَيْهِمْ نَارٌ مُّؤْصَدَةٌ

Maksudnya:

Dan Kami telah menunjukkan kepadanya dua jalan. Dalam pada itu manusia tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi Tuhan itu? (Di antara amal-amal itu bagi orang yang mampu) ialah memerdekaan hamba abdi. Atau memberi makan pada hari kelaparan. Kepada anak yatim dari kaum kerabat. Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah. Selain dari itu, ia (tidak) menjadi dari orang-orang yang beriman dan berpesan-pesan dengan sabar serta berpesan-pesan dengan kasih sayang. Mereka itulah golongan pihak kanan (yang akan beroleh Syurga). Dan orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Kami, merekaalah golongan pihak kiri. Mereka ditimpakan (azab seksa) neraka yang ditutup rapat (supaya kuat bakarannya).

### PENGAJARAN AYAT

1. Orang beriman bukan hanya dihuraikan sebagai individu tetapi sebagai ahli masyarakat yang membantu dan menggalakkan satu sama lain supaya bersabar dalam menghadapi kesusahan, dan berbuat baik serta mengasihi insan lain
2. Umat Islam yang paling baik adalah mereka yang tidak bersikap kasar dan keras hati, sebaliknya mereka bersikap lemah lembut, bertimbang rasa dan memberi sokongan kepada satu sama lain

Firman Allah SWT dalam Surah al-Asr Ayat 1-3

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾ إِنَّ الْإِنْسَنَ لَفِي حُسْنٍ ﴿٢﴾ إِلَّا الَّذِينَ أَمْنَأُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ  
وَتَوَاصَوْا بِالصَّابِرِ ﴿٣﴾

Maksudnya:

Demi masa, Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

### PENGAJARAN AYAT

1. Umat Islam adalah suatu umat yang hidup dengan penuh kesabaran dan sifat berkasih sayang antara satu sama lain
2. Mereka sentiasa nasihat menasihati dengan perkara kebaikan
3. Sentiasa bergaul sesama manusia dengan penuh kasih sayang

Hadis Rasulullah SAW

مَنْ لَا يَرْحَمُ النَّاسَ لَا يَرْحَمْهُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ

Maksudnya:

Sesiapa yang tidak mengasihi manusia nescaya ia tidak akan dikasihi Allah A'zzawajalla.

Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Hadis Rasulullah SAW

لَمَّا خَلَقَ اللَّهُ الْخَلْقَ كَتَبَ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ عِنْدَهُ فَوْقَ الْعَرْشِ إِنَّ رَحْمَتِي تَغْلِبُ غَضَبِي

Maksudnya:

Ketika Allah SWT menjadikan makhluk, Dia telah menulis dalam kitabNya ketika berada di Arash 'Sesungguhnya rahmatKu mengatasi kemurkaanKu.

Hadis Riwayat al-Bukhari

Hadis Rasulullah SAW

أَحَبَّ النَّاسُ إِلَى اللَّهِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Maksudnya:

Sekasih-kasih manusia kepada Allah ialah mereka yang memberi manfaat kepada manusia yang lain.

Hadis Riwayat al-Tabroni

## Surah-Surah Yang Menggalakkan Umat Islam Bersatu Dalam Menolong Satu Sama Lain

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah Ayat 32

مِنْ أَجْلِ ذَلِكَ كَتَبْنَا عَلَىٰ بَنِي إِسْرَائِيلَ أَنَّهُ مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِعِيرٍ نَفْسٌ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَانَمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَانَهَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا وَلَقَدْ جَاءَهُمْ رُسُلُنَا بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ إِنَّ كَثِيرًا مِنْهُمْ بَعْدَ ذَلِكَ فِي الْأَرْضِ لَمُسْرِفُونَ ٢٣

Maksudnya:

Dengan sebab yang demikian itu Kami tetapkan atas Bani Israil, bahwasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan, atau melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga kehidupan manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga kehidupan manusia semuanya. Dan sesungguhnya, telah datang kepada mereka Rasul-rasul Kami dengan membawa keterangan yang nyata; kemudian sesungguhnya kebanyakan dari mereka sesudah itu, menjadi orang yang melampaui batas di muka bumi.

### PENGAJARAN AYAT

1. Umat Islam dilarang membunuh sesama manusia
2. Nyawa manusia perlu dihargai dengan tidak melakukan sebarang bentuk kezaliman dan kekerasan
3. Keselamatan hidup seseorang manusia perlu dijaga dengan sebaik-baiknya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah Ayat 2

يَتَأْكِلُهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا لَا تُحِلُّوْ شَعَبَرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا أَهْمَدَ وَلَا أَمْيَنَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنْ رَبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا حَلَّلُمُ فَاصْطَادُوا وَلَا يَجْرِي مِنْكُمْ شَنَاعًا فَوْمٌ أَنْ صَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَنْ تَعْتَدُوا وَتَعَاوِنُوا عَلَى الْبَرِّ وَالنَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوِنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُوْنَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٢٤

Maksudnya:

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya).

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَقْرَفُوا وَادْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَالَّفَ بَيْنَ  
قُوَّيْكُمْ فَاصْبَحُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْرَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ  
كُلُّمَا ءَايَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah SWT (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenangkan nikmat Allah SWT kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah SWT menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah SWT itu orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah SWT selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah SWT menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.

#### PENGAJARAN AYAT

1. Allah SWT memerintah umat Islam supaya bersatu padu
2. Perpecahan dikalangan umat Islam amatlah dilarang keras dalam Islam
3. Kekuatan umat Islam terletak kepada pegangan mereka terhadap ajaran Islam

#### Hadis-Hadis Yang Menggalakkan Umat Islam Bersatu Dalam Menolong Satu Sama Lain

Hadis Rasulullah SAW

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَافُطِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضُوٌّ تَدَاعَى  
لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهْرِ وَالْحُمَّى

Maksudnya:

Perumpamaan orang-orang mukmin itu dalam berkasih sayang dan kasih mengasihi dan berlemah lembut adalah seumpama satu badan apabila satu anggota badan sakit seluruh badan akan menanggungnya dengan berjaga malam dan menderita sakit.

Hadis Riwayat Muslim

Hadis Rasulullah SAW

إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْغَزَوَ أَوْ قَلَ طَعَامٌ عِيَالُهُمْ بِالْمَدِينَةِ جَمَعُوهَا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي ثَوْبٍ  
وَاحِدٍ ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِنَاءٍ وَاحِدٍ بِالسُّوَيْةِ فَهُمْ مِنْيَ وَأَنَا مِنْهُمْ

Maksudnya:

Sesungguhnya kaum ass'ariyyin, apabila mereka terlibat dengan perang atau kekurangan makanan keluarga mereka di madinah, lalu mereka himpukan dalam satu kain, dan mereka bahagikan dalam satu bekas dengan sama rata, maka mereka daripada kalanganku, maka aku daripada kalangan mereka.

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim

Hadis Rasulullah SAW

"ابْغُونِي ضُعَفَاءَكُمْ فَإِنَّمَا تُرْزَقُونَ وَتُنَصَّرُونَ بِضُعْفَائِكُمْ". قَالَ أَبُو عِيسَى  
هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Maksudnya:

Carilah aku di kalangan orang yang lemah di kalangan kamu, kerana sesungguhnya kamu akan diberi rezeki dan pertolongan dengan sebab adanya orang yang lemah di kalangan kamu. Kata Abu Isa Hadis ini hasan Sohih.

Hadis Riwayat at-Tarmidzi

## Dalil al-Quran Dan al-Hadis Yang Mengandungi Tanggungjawab Umat Islam Terhadap Anak Yatim

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah Ayat 83

وَإِذَا أَخَذَنَا مِيقَاتَ بَنِي إِسْرَئِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى  
وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاطُوا الزَّكَوَةَ ثُمَّ تَوَلَّتُمُ إِلَّا  
قِيلَالًا مِنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُعْرِضُونَ



Maksudnya:

Dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah SWT, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu-bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang miskin dan katakanlah kepada sesama perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat. Kemudian kamu berpaling (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

﴿ وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا ﴾  
٣٦

Maksudnya:

Dan sembahlah Allah SWT dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa, dan kaum kerabat dan anak-anak yatim, dan orang miskin, dan jiran tetangga yang dekat, dan jiran tetangga yang jauh, dan rakan sejawat, dan orang musafir yang terlantar, dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah SWT tidak suka orang yang sombang dan membanggakan diri.

## Bagaimanakah Umat Islam Boleh Menunjukkan Sokongan Kepada Mereka Yang Dijangkiti Dan Terjejas HIV/AIDS?

### Memahami HIV/AIDS

1. Memahami fakta tentang HIV/AIDS, misalnya jangkitan, pencegahan dan rawatan.
2. Berhati-hati dengan tanggapan, rasa takut dan prejudis anda tentang HIV/AIDS dan cuba untuk tidak membiarkan kejahilan atau ketakutan menghalang anda daripada membantu ODHA yang memerlukan bantuan.
3. Cuba menyelami dengan perasaan ODHA dengan mengaitkannya dengan pengalaman kesakitan, kemurungan, renjatan/rasa terkejut dan kesedihan yang anda pernah alami.
4. Selalulah berdoa untuk ODHA dan keluarga mereka agar mereka diberi kekuatan untuk menghadapi kesukaran yang diakibatkan oleh HIV/AIDS.

### Mengekalkan Kerahsiaan Dan Mewujudkan Kepercayaan

1. Rahsiakan status HIV individu dan maklumat peribadinya, kecuali dibenarkan penyebarannya oleh individu tersebut. Komitmen kerahsiaan sangat penting kerana status HIV seseorang individu boleh mengakibatkan stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi yang teruk, yang membawa kepada kehilangan pekerjaan atau hubungan peribadi yang terjejas
2. Wujudkan kepercayaan dengan menunjukkan kasih sayang dan mengambil berat terhadap ODHA dengan ikhlas. Beri keyakinan kepada mereka untuk memilih cara hidup yang sihat yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam
3. Dengar dan beri perhatian penuh kepada individu berkenaan, dan cuba fahami apa yang dikongsi dan dirasainya. Biarkan individu tersebut bercakap tanpa gangguan. Tanya soalan untuk lebih memahami perasaannya
4. Bercakap benar tentang situasi yang dialami orang itu, contohnya berkenaan masalah hubungan dan isu kewangan, untuk membantu individu menangani secara realistik masalah-masalah hidup yang dihadapi oleh mereka

### **Memberi Harapan Dan Sokongan Emosi**

1. Bercakap tentang orang "yang hidup dengan HIV" dan bukannya "menderita disebabkan AIDS". Ini membantu mengurangkan keimbangan dan memberikan mereka lebih harapan untuk masa hadapan
2. Bantu mereka untuk menumpukan perhatian pada masa depan yang diingini oleh mereka dan semakan kesedaran bahawa walaupun mereka hidup dengan HIV, mereka masih boleh menjalani kehidupan yang panjang dan sihat.
3. Layani mereka sebagaimana anda melayani orang lain
4. Lakukan perkara yang mudah seperti memegang tangan mereka atau meletakkan tangan anda di atas bahu mereka. Ini amat bererti kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS terutama sekali jika orang lain enggan menyentuh mereka. Ia juga menunjukkan kepada orang lain bahawa menyentuh seseorang yang mempunyai HIV adalah selamat.
5. Didik orang lain yang anda boleh melakukan semua perkara berikut dengan selamat bersama seseorang yang HIV positif tanpa risiko dijangkiti HIV – menyentuh, memeluk, berkongsi tandas, pergi kerja atau sekolah bersama, berkongsi makanan dan minuman, bersin, batuk

### **Berikan Sokongan Praktikal**

1. Perkenalkan beberapa perkara mudah dan praktikal yang mereka boleh lakukan untuk memastikan yang mereka kekal sihat dan hidup lebih lama, seperti amalan pemakanan sihat dan senaman yang kerap
2. Dapatkan maklumat tentang khidmat sokongan yang ada di tempat anda, seperti khidmat perubatan dan khidmat nasihat, nombor telefon 'hotline' HIV/AIDS ataupun kumpulan sokongan untuk bertemu dengan orang lain yang hidup dengan HIV
3. Membantu memulihkan silaturrahim orang yang hidup dengan HIV/AIDS dengan menggalakkan individu itu menyambung semula mana-mana hubungan keluarga yang terputus ataupun memujuk orang lain supaya berbaik semula dengan mereka. ODHA lazimnya disingkirkan atau dijauhi oleh keluarga atau masyarakat mereka, atau mereka mungkin mengasingkan diri mereka sendiri kerana mereka tertekan ataupun bimbangkan tindak balas orang lain kepada penyakit mereka.
4. Sekiranya ahli keluarga anda dijangkiti AIDS, sila rujuk ke hospital dan sebaik-baiknya cuba jaga mereka di rumah.

### **Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel**

1. Berikan penyampaian maklumat yang berkaitan
2. Bahagikan peserta kepada kumpulan 5-8 orang dan minta mereka rancang sebuah agensi atau pusat berdasarkan Islam yang boleh menyediakan sokongan bantu kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka.
3. Maklumkan kepada para peserta yang agensi atau pusat itu harus mempunyai nama, matlamat dan objektif. Minta para peserta menyenaraikan faedah yang agensi atau pusat sedemikian mungkin boleh berikan kepada masyarakat.
4. Minta setiap kumpulan membentangkan idea mereka. Ucapkan tahniah bagi setiap idea dan tonjolkan faedah pusat itu kepada kumpulan yang lain. Cuba cadangkan idea baru jika ia akan membantu memperbaiki idea yang telah dicadangkan.

# MODUL 5

## STIGMA (PRASANGKA BURUK) & DISKRIMINASI

### **MODUL 5 - STIGMA (PRASANGKA BURUK) & DISKRIMINASI**

---

#### Tujuan

Modul ini bertujuan membincangkan isu berkaitan stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi yang dihadapi oleh orang yang hidup dengan HIV/AIDS. Ini dilakukan melalui aktiviti yang memberi fokus kepada peningkatan tahap kepekaan para peserta kepada isu sedemikian. Aktiviti yang disediakan juga menggalakkan penggunaan bahasa ( sila lihat m/s berikutnya Bahasa HIV/AIDS) yang sesuai apabila bercakap dengan orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka, dan menekankan proses penilaian tanggapan peribadi terhadap HIV/AIDS, untuk memberi peluang kepada peserta menangani perasaan dan prejidis mereka sendiri.

Tajuk ini juga mengandungi prinsip Islam tentang stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi, dan aktiviti yang membolehkan peserta mengaitkan prinsip tersebut kepada senario yang berdasarkan contoh sebenar.

Umumnya tajuk stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi lebih wajar dibincangkan selepas, atau bersama dengan Modul 1: HIV/AIDS : Pengetahuan Asas kerana seseorang itu perlu memahami terlebih dahulu apa itu HIV/AIDS untuk mengatasi kebimbangan mereka sebelum mereka boleh memahami kepentingan mengatasi isu stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi yang menyelubungi HIV/AIDS.

## TAJUK 1 : BAHASA HIV/AIDS

### Objektif

Menghuraikan bahasa yang sesuai untuk HIV/AIDS dan tujuan penggunaan bahasa tersebut.

### Perkara Utama

Menggunakan bahasa yang sesuai dan berasas dengan orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka menunjukkan perasaan hormat dan kepekaan, yang membantu memelihara maruah manusia, sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam.

### Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Sila rujuk halaman berikutnya (Petikan Ayat Dari surah al-Balad & surah lain-lain ) sebagai muqaddimah kepada perbincangan yang selanjutnya.
2. Sila rujuk halaman seterusnya (Bahasa HIV/AIDS) dan jelaskan kepada peserta bahawa penggunaan bahasa yang betul untuk HIV/AIDS adalah langkah pertama ke arah memahami HIV dan kesannya ke atas badan manusia. Ia juga menunjukkan rasa hormat dan kepekaan , sensitiviti serta keperihatinan terhadap keluarga dan orang yang dijangkiti HIV/AIDS. Bahasa yang digunakan juga dapat memelihara maruah orang yang hidup dengan HIV/AIDS, yang juga merupakan tanggungjawab bersama antara satu sama lain. Ini dijelaskan dalam hadis berikut:

Hadis Rasulullah SAW:

إِنَّمَا كُنْتَ وَأَتَيْتَ السَّيِّدَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحَّهَا وَخَالَقُ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Maksudnya:

Bertakwalah kamu kepada ALLAH SWT dimana saja kamu berada, ikutilah keburukan dengan kebaikan nescaya ia memadamkannya , dan bergaulah dengan manusia dengan akhlak yang baik.

Hadis Riwayat at-Tarmidzi

### Bahasa HIV/AIDS

#### ISTILAH YANG SERING DIGUNAPAKAI DALAM BAHASA HIV/AIDS

##### 1. Bukan aids, tetapi AIDS (Dari Segi Penulisan):

AIDS bukanlah perkataan, tetapi merupakan singkatan yang bermaksud perkataan yang dibentuk daripada huruf awal, yang bermaksud ACQUIRED IMMUNE DEFICIENCY SYNDROME (SINDROM KURANG DAYA TAHAN PENYAKIT)

##### 2. Bukan virus AIDS, tetapi HIV:

HIV ialah virus dan AIDS ialah sindrom penyakit. Sindrom ialah sekumpulan tanda dan gejala yang menunjukkan seseorang mempunyai suatu keadaan atau penyakit. AIDS bukanlah PENYEBAB tetapi HASIL/AKIBAT jangkitan HIV.

### **3. Bukan Pembawa AIDS, tetapi HIV positif:**

Istilah "Pembawa AIDS" yang bermaksud yang anda boleh mendapat AIDS menerusi perhubungan seks adalah tidak benar. Ia juga bermaksud yang penyebab jangkitan adalah AIDS dan bukannya HIV. Ini juga tidak benar. HIV positif bermaksud yang anda dijangkiti HIV, dan ini adalah istilah sesuai untuk digunakan.

### **4. Bukan mangsa AIDS, tetapi Orang yang Hidup Dengan HIV atau AIDS:**

Orang yang mempunyai HIV atau AIDS tidak suka dilabel sebagai "mangsa". Ia bermaksud yang mereka tidak berkuasa atau ditemewaskan oleh penyakit. PLWHA adalah istilah yang memberi lebih maruah, harapan dan kekuatan kepada orang yang mencari kekuatan untuk menghadapi penyakit yang sukar.

### **5. Bukan penderita atau pesakit AIDS, tetapi Orang yang Hidup dengan HIV atau AIDS:**

Orang yang hidup dengan HIV atau AIDS tidak sakit sepanjang masa. Tentu sekali ada ketikanya mereka akan menjadi pesakit, tetapi istilah ini bermaksud tidak berdaya dan tidak membantu memberi kekuatan kepada ODHA untuk merasa lebih baik tentang diri mereka sendiri. Ia juga memperkecil hakikat yang ODHA mampu menjalani kehidupan normal, memanjangkan jangka hayat mereka dan memperbaiki kualiti kehidupan mereka dengan rawatan yang betul dan bantuan sosial.

### **6. Bukan ujian AIDS, tetapi Ujian Antibodi HIV:**

Tidak ada satu ujian pun yang boleh menentukan sama ada seseorang mempunyai AIDS ataupun tidak, memandangkan AIDS adalah sindrom bagi pelbagai keadaan dan penyakit. Anda tidak diuji untuk AIDS tetapi diuji untuk jangkitan HIV; ataupun lebih tepat lagi untuk antibodi terhadap HIV. Jika antibodi dihasilkan sebagai tindak balas kepada jangkitan, orang itu adalah HIV positif.

### **7. Bukan Kumpulan Berisiko Tinggi, tetapi Kelakuan Berisiko Tinggi:**

Anda dijangkiti HIV bukan disebabkan SIAPA ANDA tetapi apa yang anda BUAT. Jika anda terlibat dalam kelakuan berisiko tinggi yang akan mendedahkan anda kepada HIV, anda boleh dijangkiti walau siapa sekalipun anda, sama ada miskin ataupun kaya, lelaki atau wanita, pelacur atau suri rumah.

### **8. Istilah Pekerja Seks atau Pelacur**

Istilah pekerja seks sering digunakan diperangkat antarabangsa bagi menggantikan perkataan pelacur. Para peserta digalakkan menggunakan istilah Pekerja Seks ketika menyampaikan seruan dakwah kepada kumpulan sasar. Tetapi tetap perlu kita tegaskan bahawa istilah "Pekerjaan yang baik adalah satu ibadah".

## **TAJUK 2 : TANGGAPAN RISIKO JANGKITAN HIV**

### **Objektif**

Menjelaskan sebab jangkitan HIV/AIDS iaitu akibat daripada apa yang anda lakukan, dan bukannya siapa anda.

### **Perkara Utama**

Sesiapa sahaja mempunyai risiko mendapat jangkitan HIV.

Jangkitan HIV berpunca dari aktiviti dan perlakuan yang berisiko seperti melakukan hubungan seks (pasangan yang sah) dan perkongsian jarum suntikan dengan mereka yang telah dijangkiti.

HIV bukan berpunca dari aktiviti pelacuran dan penagihan dadah semata-mata, malah boleh dijangkiti oleh sesiapa sahaja.

## Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Minta peserta senaraikan bagaimana HIV boleh dijangkiti. Senaraikan respons mereka di atas papan tulis.
2. Minta peserta senaraikan orang-orang yang berkemungkinan dijangkiti HIV. Seperti maklumat berikut: jantina, usia dan pekerjaan mereka.
3. Terangkan kepada peserta bahawa jawapannya adalah kelakuan dan bukan golongan tertentu sahaja. Walaupun masyarakat mengamalkan stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi, HIV boleh dijangkiti oleh sesiapa sahaja tanpa mengenal agama, kaum, jantina, status atau usia.

### TAJUK 3 : MENILAI TANGGAPAN PERIBADI TERHADAP HIV/AIDS

## Objektif

Memahami perasaan, sikap dan tanggapan untuk menghapuskan stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi.

## Perkara Utama

Adalah amat penting memahami niat untuk melibatkan diri dengan aktiviti kebaikan berkaitan HIV/AIDS, supaya niat tersebut selari dengan prinsip Islam iaitu sayang menyayangi, berkasihan, berprihatin dan tolong-menolong antara satu sama lain.

## Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Beritahu peserta yang mereka akan terlibat dalam aktiviti yang memerlukan pandangan mereka terhadap kenyataan-kenyataan (Soalan Untuk Penilaian Tanggapan Peribadi) pada halaman seterusnya dibacakan kepada mereka, aktiviti ini mencerminkan tanggapan, sikap atau tanggapan peribadi terhadap HIV/AIDS.
2. Beri penekanan pentingnya untuk menghormati pandangan masing-masing.
3. Minta peserta mengangkat tangan jika mereka bersetuju dengan kenyataan yang dibacakan. (Jelaskan kepada peserta supaya mengangkat tangan mereka serta-merta tanpa berfikir panjang, atau berlengah-lengah untuk memberi jawapan. Latih respons peserta sebelum mulakan aktiviti dengan beberapa soalan ringkas sebagai contoh : Siapa suka makan durian?)
4. Setelah membaca semua soalan, rumus dan bincangkan setiap respon peserta. Bincangkan pentingnya menilai tanggapan, sikap dan peranan untuk menghapuskan stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi.

## Soalan Untuk Penilaian Tanggapan Peribadi Terhadap HIV/AIDS

1. HIV/AIDS merupakan balasan yang setimpal bagi dosa-dosa yang mereka lakukan dan mereka sepatutnya dibiar merana kerana itu adalah ketentuan Allah SWT.
2. Tidak ramai daripada remaja Islam zaman sekarang yang berzina
3. Pencegahan HIV/AIDS bukan tanggungjawab orang Islam
4. Melawat seseorang yang hidup dengan HIV/AIDS yang sakit adalah dikira sebagai amal jariah yang amat besar pahalanya dalam Islam
5. Perasaan putus asa atau kata-kata yang memutuskan harapan seseorang adalah sesuatu yang berdosa dalam Islam kerana Allah SWT Maha Pengampun dan Maha Pengasih
6. Jika saya menolong orang yang hidup dengan HIV/AIDS saya bimbang bahawa masyarakat akan memandang serong terhadap saya sebagai pemimpin Islam

7. Baitulmal / Pusat Zakat boleh menyediakan dana untuk pengubatan orang yang hidup dengan HIV/AIDS supaya mereka tidak putus harapan untuk meneruskan kehidupan mereka
8. Kasih sayang dan bantu-membantu antara para mukmin dalam Islam hanyalah antara mereka yang melawat ke masjid dan tidak melakukan dosa-dosa yang besar
9. Seorang isteri yang hanya melakukan hubungan seks dengan suaminya tidak akan mendapat HIV
10. Orang yang sudah sampai ke tahap AIDS tidak mempunyai harapan lagi untuk hidup dan orang Islam tidak sepatutnya membuang masa untuk mengambil kira tentang mereka
11. Orang-orang yang kita kasih dan kenal seperti anak, jiran dan kawan tidak akan mendapat HIV/AIDS kerana mereka bukan pengguna dadah atau pelacur

## TAJUK 4 : PANDANGAN ISLAM BERHUBUNG STIGMA (PRASANGKA BURUK) & DISKRIMINASI

### Objektif

1. Menghuraikan maksud stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi
2. Menghuraikan kesan buruk stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi ke atas masyarakat
3. Menghuraikan perspektif Islam berhubung stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi

### Perkara Utama

1. Apakah stigma (prasangka buruk)
2. Apakah diskriminasi
3. Kenapa stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi berlaku
4. Bentuk-bentuk diskriminasi
5. Apakah yang boleh kita lakukan
6. Apakah pandangan Islam terhadap stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi

### Apakah Stigma (Prasangka Buruk)?

- Stigma (prasangka buruk) jangan pandang hina, keji terhadap individu dan kumpulan tertentu dalam masyarakat
- Ia menyebabkan sesetengah golongan merasa hina dan malu sementara golongan yang lain merasa mereka lebih sempurna atau takut kepada golongan tertentu

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat Ayat 11

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخِرُ قومٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَىٰ أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا  
يَنْهَا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنْبِرُوا بِالْأَلْقَبِ ۖ يَعْلَمُ اللَّهُمَّ أَلْفَسُوقُ بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَّعْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ۝

Maksudnya:

*Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak merendah-rendahkan puak yang lain, mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula kaum wanita ke atas kaum wanita yang lain, mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri; dan jangan kamu panggil-memanggil antara satu sama lain dengan gelaran yang buruk. Amatlah buruknya sebutan nama fasik sesudah ia beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka lah orang yang zalim.*

## APAKAH DISKRIMINASI?

Diskriminasi berlaku apabila seseorang menerima layanan yang berbeza dan tidak adil

### Apakah Bentuk-Bentuk Ketidaksamaan Diskriminasi?

#### *Contohnya*

Tidak mahu makan bersama orang yang hidup dengan HIV/AIDS, diberhentikan penyewaan rumah oleh pemilik rumah, pemulauan oleh keluarga dan kawan, tidak mahu menguruskan mayat orang yang hidup dengan HIV/AIDS

#### *Contohnya*

Sijil kematian yang mengatakan punca kematian dari AIDS, ujian antibodi HIV yang perlu diambil sebelum pekerjaan ditawarkan

#### *Contohnya*

Apabila diminta berjumpa atau berbual dengan orang yang hidup dengan HIV/AIDS, reaksi adalah 'tidak mahu' diikuti oleh alasan 'kita tidak boleh membuat apa-apa untuk mendolong mereka' ataupun 'mereka mencari bala ke atas diri mereka sendiri jadi kami tidak mahu masuk campur'

### Apakah Bentuk-Bentuk Diskriminasi?

#### *Contohnya*

Kemasukan universiti, pengasingan di sekolah dan hospital, ujian antibodi HIV yang mandatori. Kanak-kanak dimana ahli keluarganya adalah HIV positif menerima gangguan oleh kawan atau cikgu di sekolah.

### Rasional Stigma (Prasangka Buruk) Dan Diskriminasi Membawa Kemudharatan Kepada Masyarakat?

- Disebabkan jangkitan HIV dan penyakit AIDS ini sering dikaitkan dengan tingkah laku, ia selalu menjadi bahan berlakunya stigma (prasangka buruk)
- Individu yang dijangkiti HIV sering menerima stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi seperti dibuang kerja tanpa alasan, disingkir dari keluarga dan yang paling kejam adalah dibunuhi tanpa sebab.
- Dengan berlakunya stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi, ia akan menyumbang kepada halangan yang besar dalam menangani wabak ini. Ia seterusnya menghalang pihak berwajib untuk mengambil tindakan yang sewajarnya serta menyebabkan individu takut untuk tampil membuat ujian pengesahan antibodi HIV
- Mereka yang dijangkiti HIV ini pula akan takut untuk berkongsi maklumat tentang dirinya yang telah dijangkiti HIV dan ini akan menyumbang kepada penularan penyakit dan menyebabkan epidemik lebih teruk daripada keadaan sebenar.
- Walaupun dengan rawatan ARV, namun ia mungkin tidak dapat dicapai kerana stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi. Individu tersebut akan takut untuk tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan.
- Usaha untuk melaksanakan program Pencegahan yang berkesan akan menjadi lebih sukar oleh kerana usaha penyedaran tidak akan menerima sokongan mereka yang menganggap bahawa HIV/AIDS adalah virus yang hanya dihadapi oleh sesetengah golongan masyarakat
- Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi membawa kepada kesan psikologi yang amat ketara di mana orang yang hidup dengan HIV/AIDS merasa malu, tidak bermaya dan putus asa

## Apakah Yang Boleh Kita Lakukan?

**BERHENTILAH MEMANDANG RENDAH KEPADA SESEORANG  
BERILAH PERTOLONGAN DAN HARAPAN**

Firman Allah SWT dalam Surah Yusof Ayat 87

وَلَا تَأْنِسُوا مِنْ رَّوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْنِسُ مِنْ رَّوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya:

Dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat pertolongan Allah SWT .sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah SWT itu melainkan kaum yang kafir.

## Apakah Pandangan Islam Terhadap Stigma (Prasangka Buruk) Dan Diskriminasi?

Dalam Islam, stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV/AIDS adalah SALAH

Tuntutan keadilan yang terkandung dalam undang-undang Syariah berdasarkan penghormatan yang perlu diberikan sesama insan tanpa mengira bangsa atau agama

Umat yang adil dalam Islam adalah umat yang senantiasa memperjuang dan mengekalkan penghormatan kepada saudaranya untuk kebaikan yang sejagat, dan bukannya yang hanya memihak kepada sesebuah golongan yang tertentu

Ini jelas terkandung di dalam al-Quran di mana

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat Ayat 13

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذِكْرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَبَإِلَٰءِ تَعَارُفٍ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَقَكُمْ إِنَّ اللَّهَ

﴿١٣﴾  
**عَلِمُ خَيْرٍ**

Maksudnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah SWT ialah orang Yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah SWT Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi adalah pelanggaran hak asasi manusia bukan sahaja untuk orang yang hidup dengan HIV/AIDS tetapi juga keluarga mereka. Allah SWT juga telah menyuruh supaya hambanya menjadi penolong antara satu sama lain.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah Ayat 71

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ بَعْضٌ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُفْسِدُونَ  
الصَّلَاةَ وَيَقُولُونَ الرَّغْوَةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهُ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّدُهُمْ هُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ  
٦١

Maksudnya:

Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat baik, dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta ta'at kepada Allah SWT dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

Allah SWT melarang sikap takbur dan meninggi diri .

Firman Allah SWT dalam Surah Luqman Ayat 18

وَلَا تُصْعِرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْنَاطِ فَخُورٍ  
١٨

Maksudnya:

Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sompong; sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sompong takbur, lagi membanggakan diri.

Firman Allah SWT Surah an-Nisa' Ayat 36

إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا كَفُورًا  
٣٦

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT tidak suka orang yang sompong dan membanggakan diri.

Allah SWT juga telah melarang dengan keras umat Islam mengamalkan stigma (prasangka buruk) seperti di dalam:

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat Ayat 12

وَلَا بَحَسِّوْا وَلَا يَنْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا أَيْحَبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهُتُمُوهُ وَانْقُوا أَلَّهُ إِنَّ اللَّهَ  
تَوَابٌ رَّجِيمٌ  
١٢

Maksudnya:

Dan janganlah kamu mencari kesalahan orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah kamu suka makan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah SWT; sesungguhnya Allah SWT Penerima taubat, lagi Maha Mengasihi.

Menudung jari dan merendahkan martabat orang juga adalah salah di sisi Islam.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat Ayat 11

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخِرُ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا إِنْسَانٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَى أَنْ يَكُونَ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا  
لَمْ يَزِدُ أَنفُسُكُمْ وَلَا تَنَابِرُوا بِالْأَلْقَبِ يَتَسَاءَلُ الْفَسُوقُ بَعْدَ أَلْإِيمَنِ وَمَنْ لَمْ يَتَبَّعْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak merendah-rendahkan puak yang lain, mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula kaum wanita ke atas kaum wanita yang lain, mungkin puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri; dan jangan kamu panggil-memanggil antara satu sama lain dengan gelaran yang buruk. Amatlah buruknya sebutan nama fasik sesudah ia beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka lah orang yang zalim.

Al-Quran mengandungi surah-surah yang senantiasa memberikan harapan dan membuka luas pintu taubat untuk manusia membaiki diri sendiri.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 135 dan 136

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَنِحْسَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَعْفُرُ الذُّنُوبَ إِلَّا  
اللَّهُ وَلَمْ يُصْرِرُ عَلَى مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾ أُولَئِكَ جَرَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّنْ رَّبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ  
حَتَّمِهَا الْأَنْهَارُ خَلِيلُكُمْ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ الْعَمَلِينَ ﴿١٣٦﴾

Maksudnya:

Dan juga orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka ingat kepada Allah SWT lalu memohon ampun akan dosa mereka dan tiada yang mengampunkan dosa melainkan Allah SWT, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji mereka itu, sedangkan mereka mengetahui. Mereka itu balasannya ialah keampunan dari Tuhan mereka, dan Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itulah sebaik-baik balasan bagi orang yang beramal.

Kekurangan atau kelemahan seorang mukmin menjadi kelemahan seluruh umat Islam.

Hadis Rasulullah SAW

الْمُؤْمِنُ مِرْآةُ الْمُؤْمِنِ

Maksudnya:

Seorang mukmin adalah cermin untuk seorang mukmin yang lain

Hadis Riwayat Abu Daud

Hadis Rasulullah SAW:

أَنَّ امْرَأَةً بَعِيْدًا رَأَتْ كَلْبًا فِي يَوْمٍ حَارٌ يُطِيفُ بِئْرٍ قَدْ أَذْلَعَ لِسَانَهُ مِنَ الْعَطَشِ فَنَزَعَتْ لَهُ بِمُوْقِهَا فَغَفَرَ لَهَا

Maksudnya:

Sesungguhnya seorang wanita pelacur melihat seekor anjing sedang mengelilingi sebuah telaga pada hari yang sangat panas. Anjing itu berusaha menjelaskan lidahnya kerana kehausan. Beliau kemudian menggunakan kasutnya yang dibuat dari kulit iaitu khuf untuk mengambil air telaga tersebut sehingga anjing tadi dapat minum. Oleh kerana perbuatannya itu, dosa wanita tersebut diampunkan.

Hadis Riwayat Muslim

Hadis Rasulullah SAW:

قَالَ رَجُلٌ لَا تَصَدَّقَنَ اللَّيْلَةَ بِصَدَقَةٍ فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا فِي يَدِ زَانِيَةٍ فَاصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ تُصْدِقُ الْلَّيْلَةَ عَلَى زَانِيَةٍ قَالَ اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى زَانِيَةٍ لَا تَصَدَّقَنَ بِصَدَقَةٍ فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا فِي يَدِ غَنِيٍّ فَاصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ تُصْدِقُ عَلَى غَنِيٍّ قَالَ اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى غَنِيٍّ لَا تَصَدَّقَنَ بِصَدَقَةٍ فَخَرَجَ بِصَدَقَتِهِ فَوَضَعَهَا فِي يَدِ سَارِقٍ فَاصْبَحُوا يَتَحَدَّثُونَ تُصْدِقُ عَلَى سَارِقٍ فَقَالَ اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ عَلَى زَانِيَةٍ وَعَلَى غَنِيٍّ وَعَلَى سَارِقٍ فَأَتَيَ فَقِيلَ لَهُ أَمَّا صَدَقَتْكَ فَقَدْ قُبِلَتْ أَمَّا الزَّانِيَةُ فَعَلَّمَهَا تَسْتَعِفُ بِهَا عَنْ زِنَاهَا وَلَعَلَّ الْغَنِيَ يَعْتَبِرُ فَيَنْفَقُ مِمَّا أَعْطَاهُ اللَّهُ وَلَعَلَّ السَّارِقَ يَسْتَعِفُ بِهَا عَنْ سِرْقَتِهِ

Maksudnya:

Seorang lelaki berkata: Aku akan memberikan sedekah pada malam ini. Lalu dia keluar membawa sedekahnya dan meletakkannya di tangan seorang perempuan yang berzina iaitu pelacur. Keesokannya orang ramai mula memperkatakan mengenai perempuan tersebut yang telah diberikan sedekah pada malam tadi. Lelaki itu berkata: Wahai Tuhan! Hanya buatMu segala puji-pujian! Sedekahku telah aku berikan kepada wanita yang berzina. Aku akan bersedekah lagi, lalu dia keluar membawa sedekahnya dan meletakkannya di tangan orang kaya. Keesokan harinya orang ramai mula memperkatakan mengenai seorang kaya yang telah diberikan sedekah. Lelaki itu berkata: Wahai Tuhan! Hanya buatMu segala puji-pujian. Sedekahku telah aku berikan kepada seorang yang kaya. Aku akan bersedekah lagi, lantas dia keluar dengan membawa sedekah dan meletakkannya di tangan seorang pencuri. Esoknya orang ramai mulai bercakap-cakap mengenai seorang pencuri telah diberikan sedekah. Dia berkata: Wahai Tuhan! Hanya buatMu segala puji-pujian! Sedekahku telah aku berikan kepada seorang perempuan zina, pada orang kaya dan pada pencuri. Lalu dia didatangi seseorang dan dikatakan kepadanya: Sedekahmu benar-benar telah diterima. Boleh jadi perempuan zina itu berhenti dari berzina kerana sedekahmu. Orang kaya itu pula dapat mengambil pengajaran dan mahu membela jakan sebahagian dari harta yang telah dianugerahkan oleh Allah SWT kepadanya dan mungkin juga pencuri itu akan berhenti dari mencuri kerana sedekahmu itu!

Hadis Riwayat Muslim

Hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ مِنْ أَحَبِّكُمْ إِلَيَّ وَأَقْرَبِكُمْ مِنِّي مَجَلسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا، وَإِنَّ أَبْعَضَكُمْ إِلَيَّ وَأَبْعَدَكُمْ مِنِّي مَجَلسًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ الشَّرَّارُونَ وَالْمُتَشَدِّقُونَ وَالْمُتَفَهِّمُونَ.

Maksudnya:

Sesiapa di antara kamu yang kasih kepadaku yang paling hampir kepadaku pada Hari Pembalasan ialah orang yang mempunyai akhlak yang baik dan bersopan santun. Sesiapa di antara kamu yang aku tidak suka akan diajukan daripadaku pada Hari Kiamat adalah mereka yang bersifat kasar dan bongkak.

Hadis Riwayat al-Tarmidzi

## Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Beri penyampaian kepada peserta berkenaan stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi yang terkandung pada halaman yang berkaitan tajuk 4.
2. Beritahu peserta yang sebuah sesi Maklumbalas akan diadakan untuk membincang stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi dari sudut Islam. Tuliskan pandangan berikut di atas papan tulis “Stigma (prasangka buruk) dan Diskriminasi dalam HIV/AIDS adalah salah dari segi Islam”
3. Minta peserta membentuk kumpulan-kumpulan kecil. Minta setiap kumpulan membincangkan ayat al-Quran atau hadis yang terkandung dalam penyampaian, atau mana-mana ayat al-Quran atau hadis lain yang berkaitan dengan isu stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi. Minta mereka melantik seorang ketua kumpulan untuk membuat penyampaian mengenai pandangan kumpulan tersebut.
4. Minta setiap ketua kumpulan menyampaikan pandangan kumpulannya kepada peserta yang lain. Setelah tamat semua penyampaian, bentukkan sebuah lagi perbincangan berdasarkan pandangan yang telah diberikan, terutamanya jika ada pendapat yang berbeza.

## TAJUK 5 : KES KAJIAN STIGMA (PRASANGKA BURUK) & DISKRIMINASI

### Objektif

1. Menghuraikan situasi stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi yang mungkin dihadapi oleh orang yang hidup dengan HIV/AIDS
2. Menghuraikan tindak balas yang sesuai dan berlandaskan prinsip-prinsip Islam kepada situasi stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi

### Perkara Utama

1. Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi dihadapi oleh semua yang dijangkiti atau terjejas oleh HIV/AIDS
2. Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi sepatutnya dilihat dari sudut Islam untuk membimbing kelakuan dan respons orang Islam kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka

## Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Minta peserta berpecah kepada 4 kumpulan.
2. Edarkan semua kes-kes kajian yang terdapat pada halaman seterusnya kepada kumpulan. minta kumpulan membincangkan 1 kes sahaja seperti yang dicadangkan.
3. Beritahu peserta bahawa semua kes kajian adalah berdasarkan pengalaman sebenar orang yang hidup dengan HIV/AIDS.
4. Minta peserta membincang jawapan kepada soalan-soalan perbincangan yang disediakan dalam kes kajian. Edarkan juga Surah Ali Imran, Ayat 159 dan minta peserta menggunakan ayat tersebut sebagai panduan bagi jawapan mereka. Bacakan ayat tersebut kepada peserta sebelum mengedarkannya.
5. Minta kumpulan-kumpulan tersebut melantik ketua kumpulan untuk melaporkan jawapan mereka kepada semua peserta yang lain.
6. Bincangkan jawapan mereka untuk mendapat persetujuan atau konsensus kepada isu-isu yang timbul di setiap kes kajian.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 159

فِيمَا رَحْمَةٌ مِّنَ اللَّهِ لَنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًا عَلَيْهِ الْقُلُبُ لَا نَفْضُوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ  
وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَئْمَرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ 159

Maksudnya:

Maka dengan sebab rahmat dari Allah SWT, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka, dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Maka apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah SWT, sesungguhnya Allah SWT mengasihi orang yang bertawakal kepada-Nya.

## KES KAJIAN 1

Penduduk di sebuah kampung sedang sibuk membuat persiapan untuk perkahwinan anak perempuan penghulu. Kaum wanita sedang sibuk membantu di dapur, memotong dan mericih ramuan untuk kenduri dan kaum lelaki pula sibuk menyiapkan pelamin di dalam rumah Penghulu. Semua orang di kampung itu mengetahui Aminah dan Latifah adalah anak-anak perempuan Pak Seman yang pernah bekerja di Kuala Lumpur, dan kini kembali ke kampung selepas dijangkiti oleh HIV. Sungguhpun tidak ada sesiapa yang benar-benar faham tentang HIV, mereka maklum yang ia adalah penyakit yang merbahaya. Aminah dan Latifah datang ke rumah Penghulu untuk menawarkan bantuan kepada kaum wanita di dapur. Wanita-wanita itu tidak membenarkan mereka masuk ke dalam rumah, tetapi Aminah dan Latifah memujuk mereka dan memberitahu bahawa HIV tidak boleh disebarluaskan dengan memasak bersama dan mereka ingin membantu kerena mereka adalah kawan Siti, anak perempuan Penghulu. Walau bagaimanapun, ketika mereka memotong bawang, Aminah secara tidak sengaja terpotong jarinya sendiri dengan pisau dan berdarah. Wanita yang lain meminta Aminah dan Latifah meninggalkan dapur dengan segera. Mereka juga memberitahu Aminah dan Latifah supaya tidak memasuki rumah itu semasa upacara akad nikah kerana mereka akan membawa kemudarat kepada pengantin perempuan, memandangkan pengantin perempuan berdarah manis.

### **SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Sekiranya anda berada di dalam situasi Aminah dan Latifah apakah perasaan anda? Jelaskan sebanyak mungkin berhubung perasaan dan emosi yang boleh dikemukakan oleh kumpulan anda.
2. Bincangkan masalah atau isu-isu yang anda boleh lihat di dalam kes kajian ini. Kemukakan senarai masalah atau isu-isu yang boleh dikenalpasti.
3. Berpandukan kepada ajaran Islam dan konsep kemanusiaan, bagaimanakah masalah atau isu-isu tersebut ini seharusnya ditangani?

### **KES KAJIAN 2**

Abu dan isterinya Rokiah tinggal di sebuah kampung nelayan. Mereka telah menetap di kampung itu selama 40 tahun. Abu adalah seorang nelayan yang turun ke laut setiap hari. Abu juga seorang penagih dadah, dan mendapat bekalan secara tetap daripada nelayan lain yang ditemuiinya semasa berada di laut. Abu menjadi seorang penagih kerana dia bergantung pada dadah untuk meneruskan kehidupannya yang susah. Dia sering berkongsi jarum dengan nelayan lain. Suatu hari Abu pengsan sebelum dia mengambil sarapan pagi dan dikejarkan ke hospital. Selepas melakukan beberapa ujian doktor mendapati yang dia HIV positif. Doktor berbincang dengan Rokiah dan dia bersetuju untuk menjalani ujian HIV. Rokiah mendapati yang dia juga HIV positif. Doktor mengiringi mereka ke rumah ketua kampung dan menjelaskan bagaimana HIV disebarluaskan serta menyakinkan Ketua Kampung bahawa Abu dan Rokiah tidak boleh menyebarkan virus itu hanya dengan hidup bersama dengan semua orang di kampung itu; selain itu mereka memerlukan sokongan dan bantuan penduduk kampung itu untuk meneruskan kehidupan mereka. Ketua kampung mengadakan suatu perjumpaan pada malam itu untuk mendapatkan pandangan orang lain. Walaupun cara-cara jangkitan HIV telah dijelaskan kepada penduduk lain, mereka semua bertegas bahawa Abu dan Rokiah mesti meninggalkan kampung itu. Kaum lelaki kampung itu bimbang dan merasakan bahawa tidak ada sesiapa yang harus tinggal di kampung itu jika mereka mempunyai HIV. Atas kehendak Ketua Kampung dan orang lelaki di kampung itu, Abu dan Rokiah diarah meninggalkan kampung itu untuk hidup bersendirian.

### **SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Kemukakan perasaan dan reaksi sekiranya anda berada di dalam situasi yang dilalui oleh Rokiah dan Abu.
2. Bincangkan masalah atau isu-isu yang anda lihat didalam kajian kes ini. Kemukakan senarai masalah atau isu-isu yang boleh dikenalpasti.
3. Berpandukan kepada ajaran Islam dan konsep kemanusiaan, bagaimanakah masalah atau isu-isu tersebut ini seharusnya ditangani?

## KES KAJIAN 3

Zaharah tinggal bersama suaminya dan dua anak lelaki mereka di sebuah pekan. Suaminya mempunyai perniagaan di Thailand dan pergi ke sana sebulan sekali. Zaharah menyedari bahawa sejak kebelakangan ini kesihatan suaminya semakin terjejas, dan dia menelan banyak pil setiap hari. Apabila dia bertanya suaminya tentang kesihatannya, dia hanya menjawab yang dia terpaksa memakan vitamin untuk menambah tenaga dan menghadapi tekanan kerjanya. Setahun kemudian suaminya meninggal dunia, dan menurut doktor kematianya disebabkan oleh AIDS. Zaharah terkejut lalu menjalani ujian antibody HIV dan mendapati yang dia juga HIV positif. Anak-anak beliau juga HIV positif. Tidak lama kemudian masyarakat di sekeliling mengetahui tentang status seluruh keluarga itu. Memandangkan suaminya meninggalkan sejumlah besar hutang, oleh kerana duit simpanan digunakan untuk membeli ubat HIV, Zaharah tidak mampu untuk membuat pembayaran rumahnya dan dihalau keluar. Zaharah tidak mempunyai tempat untuk dituju kecuali masjid di kampung itu. Dia tinggal di suatu sudut masjid bersama anak-anaknya. Ahli masjid membernarkan dia tinggal di masjid tetapi enggan mempunyai sebarang sentuhan fizikal dengannya. Mereka membaling makanan kepadanya di dalam beg plastik, dan sering merenjis kloroks di atas lantai masjid untuk membersihkan kawasan itu. Zaharah dan kedua-dua anak lelakinya meninggal dunia disebabkan AIDS tidak lama selepas itu.

### SOALAN UNTUK PERBINCANGAN

1. Kemukakan perasaan dan reaksi sekiranya anda berada didalam situasi yang dilalui oleh Zaharah.
2. Bincangkan apakah yang masalah atau isu-isu yang anda lihat di dalam kajian kes ini. Kemukakan senarai masalah atau isu-isu yang boleh dikenalpasti.
3. Berpandukan kepada ajaran Islam dan konsep kemanusiaan, bagaimanakah masalah atau isu-isu tersebut ini seharusnya ditangani?

## KES KAJIAN 4

Ali seorang budak lelaki berumur 8 tahun. Dia juga HIV positif. Ali dijangkiti HIV menerusi ibunya, yang telah dijangkiti oleh suaminya. Semua orang di sekelilingnya maklum akan kematian bapa Ali disebabkan AIDS. Apabila Ali pergi ke sekolah dia diejek oleh kawan-kawannya yang memanggilnya Anak Iblis dan Syaitan (AIDS). Kanak-kanak lain juga menjauhkan diri daripadanya kerana ibu bapa mereka memberitahu yang mereka akan dijangkiti HIV sekiranya mereka bermain dengannya. Akibatnya Ali bersendirian di sekolah tanpa kawan. Malah kanak-kanak lain pernah menghalang Ali daripada menggunakan tandas sekolah kerana mereka takut akan dijangkiti sehingga Ali terpaksa membuang air kecil di longkang sekolah, dan selepas itu dia diejek dan ditertawakan oleh semua orang. Itu adalah suatu episod yang memalukan dan sukar untuk dihadapi. Ali menjadi seorang budak pendiam dan sering bersendirian selepas itu, kerana dia ingin menjauhkan dirinya daripada orang lain.

Ustaz Hamzah di sekolah itu memerhatikan semua perkara ini dan berusaha untuk bersahabat dengan Ali. Dia menghabiskan masa bersama Ali selepas sekolah, bermain dengannya di padang sekolah dan mengajarnya membaca al-Quran. Ustaz Hamzah mengajar Ali yang Allah SWT Mengasihi semua orang, sekalipun jika mereka dijangkiti HIV. Dia juga memberitahu Ali supaya berdoa kepada Allah SWT apabila dia merasa sunyi dan sedih kerana Allah SWT Sahabat Abadi kepada manusia, sekalipun semua orang lain tidak mempedulikannya. Dia menggalakkan Ali memaafkan kanak-kanak lain kerana tidak berbuat baik kepadanya. Apabila kawan-kawan Ali melihat Ustaz Hamzah mengambil berat tentang Ali, mereka mula bertanya kepada Ustaz mengapa dia begitu mengambil berat tentang Ali dan sama ada dia tidak takut dijangkiti HIV. Ustaz menjelaskan kepada kanak-kanak itu bahawa mereka tidak akan dijangkiti HIV hanya dengan menjadi kawan Ali ataupun menunjukkan kasih sayang dan menghormatinya. Ustaz juga menjelaskan yang Allah SWT mengajar manusia supaya mengasihi satu sama lain, terutama ketika dalam kesusaahan dan menghadapi tekanan. Kanak-kanak menjadi keliru kerana ibu bapa mereka memberitahu mereka perkara yang berbeza tentang Ali dan mengingatkan mereka supaya menjauhkan diri daripadanya.

### **SOALAN UNTUK PERBINCANGAN**

1. Kemukakan perasaan dan reaksi sekiranya anda berada didalam situasi yang dilalui oleh Ali.
2. Apakah agaknya akan terjadi kepada Ali sekiranya Ustaz Hamzah tidak bercampur tangan?
3. Bincangkan apakah yang masalah atau isu-isu yang anda lihat di dalam kajian kes ini. Kemukakan senarai masalah atau isu-isu yang boleh dikenalpasti.
4. Berpandukan kepada ajaran Islam dan konsep kemanusiaan, bagaimanakah masalah atau isu-isu tersebut ini seharusnya ditangani?

### **TAJUK 6 : MENYELESAIKAN MASALAH**

## **Objektif**

Menghuraikan pengalaman Stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi menurut perspektif orang yang hidup dengan HIV/AIDS

### **Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel**

---

1. Jemput orang yang hidup dengan HIV/AIDS sebagai peserta aktiviti ini. Kenalkan mereka dan minta mereka duduk di hadapan peserta.
2. Minta 3 sukarela dari peserta, dan minta mereka duduk bertentang dengan orang yang hidup dengan HIV/AIDS.
3. Minta orang yang hidup dengan HIV/AIDS mengambil giliran untuk bercerita kepada peserta yang duduk di hadapannya mengenai stigma(prasangka buruk) dan diskriminasi yang dia pernah atau kini mengalami. Minta semua peserta yang lain mendengar dengan teliti.
4. Setelah semua orang yang hidup dengan HIV/AIDS selesai bercakap, minta kedua-dua peserta dan orang yang hidup dengan HIV/AIDS mendengar pembacaan ayat Quran.
5. Minta seorang daripada peserta yang duduk bertentang dengan orang yang hidup dengan HIV/AIDS untuk memberinya nasihat berdasarkan prinsip dan pengajaran ayat-ayat dan hadis yang telah diberikan kepada situasi stigma(prasangka buruk) dan diskriminasi yang telah dikongsi oleh orang yang hidup dengan HIV/AIDS.
6. Setelah peserta selesai bercakap, minta cadangan tambahan dari peserta yang lain mengenai prinsip dan pengajaran Islam yang boleh diguna pakai dalam konteks perbincangan. Ulangi proses ini dengan kedua peserta yang lain.
7. Minta ketiga-tiga peserta mengucapkan terima kasih kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS untuk berkongsi ceritanya dengan semua peserta, dan beri pengiktirafan kepada kesanggupannya untuk menyertai sesi ini untuk menolong para peserta memahami isu stigma(prasangka buruk) dan diskriminasi dengan lebih mendalam lagi.

Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar Ayat 53

﴿ قُلْ يَعْبَادُ إِلَّا دِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا نَقْنُطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ ﴾

الرَّحِيمُ  
٨٣

Maksudnya:

Katakanlah: Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah SWT, kerana sesungguhnya Allah SWT mengampunkan segala dosa; Sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

Firman Allah SWT dalam Surah Yusof Ayat 87

يَبْنَىٰ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْتِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ

الْكَفِرُونَ  
٨٧

Maksudnya:

Wahai anak-anakku! Pergilah dan intipilah khabar berita mengenai Yusuf dan saudaranya Binyamin, dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah SWT. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah SWT itu melainkan kaum yang kafir.

# MODUL 6

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UMAT ISLAM DI DALAM MEMERANGI HIV/AIDS

### **MODUL 6 - TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UMAT ISLAM MEMERANGI HIV/AIDS**

#### Tujuan

Modul ini bertujuan menyediakan maklumat tentang tindakbalas umat Islam di seluruh dunia kepada penyakit HIV/AIDS termasuk Malaysia. Modul ini juga memberikan cadangan tentang tugas dan tanggungjawab setiap Muslim dalam menangani wabak HIV/AIDS, dan menjadikan masjid sebagai salah satu pusat penyebaran maklumat dan kesedaran tentang HIV/AIDS.

#### **TAJUK 1 : TINDAK BALAS DUNIA ISLAM TERHADAP HIV/AIDS**

#### Objektif

1. Menghuraikan usaha yang dijalankan oleh umat Islam di negara lain untuk menyekat penyebaran HIV/AIDS

#### Perkara Utama

1. Contoh tindak balas daripada pemimpin Islam di Uganda, Afrika Selatan, Singapura dan Indonesia
2. Tindak balas umat Islam secara global
3. Tindak balas umat Islam di Malaysia

## **UGANDA Projek Pendidikan Dan Pencegahan AIDS Keluarga Melalui Imam**

- Dimulakan oleh Persatuan Perubatan Islam Uganda (IMAU) pada 1992
- Dikenal pasti oleh Joint United Nations Programme on HIV/AIDS atau UNAIDS sebagai salah satu Amalan Terbaik untuk pencegahan, sokong bantu dan pengurangan kesan HIV/AIDS kepada masyarakat
- IMAU terdiri daripada golongan profesional kesihatan Islam dan matlamat utama mereka adalah untuk meningkatkan pemberian perkhidmatan kesihatan dengan menggunakan panduan Allah SWT
- IMAU bekerjasama rapat dengan masyarakat Islam untuk memerangi HIV/AIDS, dengan menggunakan kedua-dua pendekatan sains dan Islam:

**Pendidikan Masyarakat Mengenai Maklumat Sains Mengenai Pencegahan AIDS Dan Sokong Bantu & Pendidikan Mengenai Ajaran Islam Yang Mencegah Jangkitan HIV Serta Yang Memberi Sokongan Kepada Mereka Yang Dijangkiti, Atau Yang Terjejas Oleh AIDS Seperti Ahli Keluarga Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS**

## **Jihad Terhadap HIV/AIDS**

- Pemimpin Islam di Uganda diletakkan di bawah satu badan pusat yang dikenali sebagai Majlis Tertinggi Uganda
- Apabila HIV/AIDS mula merebak di kalangan masyarakat Islam, pemimpin tertinggi Islam di Uganda, Mufti Uganda, mengisyiharkan JIHAD terhadap HIV/AIDS, atau JIHAD Nafs pada 1989
- JIHAD Nafs adalah perjuangan untuk mengawal jiwa untuk mencegah HIV/AIDS dan memberikan kasih sayang, penjagaan dan sokongan kepada mereka yang dijangkiti dan terjejas
- Sistem berpusat di Uganda menjadi kelebihan besar dalam mengatur suatu tindak balas umat Islam di peringkat kebangsaan
- Pemimpin Muslim menggunakan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh ikutan terbaik dan mengingatkan masyarakat Islam supaya melibatkan diri dalam JIHAD Nafs yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW
- Jihad terhadap HIV/AIDS disampaikan kepada masyarakat Muslim daripada Mufti tertinggi kepada Kadi Daerah, Syeikh dan Imam Daerah.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'la Ayat 9:



Maksudnya :

Oleh itu berilah peringatan (kepada manusia dengan ajaran Al-Qur'an), kalau peringatan itu berguna.

## Imam Dan Masyarakat

---

- IMAU melatih 850 Imam, 6800 pembantu Imam yang berjumpa dengan 100,000 keluarga
- Seorang Imam Uganda, Sheikh Bukenya dilatih oleh IMAU untuk belajar cara menangani HIV/AIDS bersama pembantunya, yang juga terdiri daripada mereka yang dijangkiti HIV/ AIDS
- Selepas latihan itu, Sheikh Bukenya mula memimpin masyarakatnya dalam mengatasi HIV/AIDS
- Masyarakat amat menghargai usaha yang dilakukan oleh Imam Bukenya dan pembantu-pembantunya
- Masyarakat sering merujuk dan menemui mereka tentang isu-isu berhubung HIV/AIDS
- Mereka diberi kepercayaan yang tinggi oleh ahli masyarakat mereka dan sesi yang dianjurkan oleh Imam sering dihadiri oleh masyarakat dalam bilangan yang besar
- Imam dan pembantunya diundang untuk mengajar masyarakat di masjid dan gereja yang berdekatan tentang isu berkaitan HIV/AIDS
- Pengaruh mereka menjangkau masyarakat Islam dan membantu menggambarkan imej baik mengenai Islam di Uganda dan di seluruh dunia

## Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Sheikh Bukenya

---

- Mendidik masyarakatnya tentang HIV/AIDS semasa khutbah Jumaat, majlis perkahwinan, kematian dan perjumpaan masyarakat
- Menggalakkan sukarelawan mendidik keluarga-keluarga tentang HIV/AIDS
- Membuat lawatan rumah ke rumah untuk memberi bantuan kepada keluarga
- Menziarahi orang sakit di kawasan berhampiran dan menggerakkan sumber tempatan untuk membantu mereka, termasuk orang bukan Muslim
- Menziarahi dan membantu keluarga yang terdiri daripada janda dan anak yatim
- Membantu anak yatim dalam pelajaran mereka
- Membantu dalam menyediakan penjagaan perubatan kepada masyarakatnya
- Menyembahyangkan jenazah serta mendoakan mereka, dan bersympati dengan kehilangan ahli keluarga mereka
- Menghimpunkan pemuda di masjid selepas sembahyang dan menggalakkan mereka mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan mereka untuk mencegah HIV/AIDS
- Ikut serta dalam aktiviti di sekolah dengan mengajar pelajar tentang pencegahan HIV/AIDS melalui muzik dan drama

## Fakta

---

- UNAIDS telah melaporkan bahawa kadar jangkitan HIV bagi orang dewasa di Uganda telah menurun daripada 8.3% dalam 1999 kepada 5% dalam 2002
- Penurunan ini adalah sesuatu yang sukar untuk dicapai, terutamanya dalam benua Africa, di mana kadar jangkitan HIV di negara-negara lain terus meningkat dengan tinggi

“IMAU telah berjaya menerapkan nilai-nilai dan kebijaksanaan Islam dengan maklumat perubatan saintifik tentang HIV/AIDS. Disebabkan kerja cemerlang mereka, IMAU telah dipilih oleh UNAIDS untuk didokumentasi sebagai contoh tindakan terbaik. Ini adalah penghormatan terbesar bagi IMAU, komuniti Islam dan Uganda”

Omwony-Ojwok  
Ketua Pengarah, Suruhanjaya AIDS Uganda  
Petikan daripada UNAIDS Best Practice Collection

## **AFRIKA SELATAN**

### **Program HIV/AIDS dan Islam**

- Program HIV/AIDS dan Islam adalah suatu usaha sama yang melibatkan 3 pihak iaitu Jamiat-ul-Ulama, Islamic Careline dan Pertubuhan Perubatan Islam Afrika Selatan
- Program tersebut menggunakan ajaran Islam untuk mendidik masyarakat mengenai HIV/AIDS dan menganjurkan belas kasihan dan penjagaan bagi orang yang hidup dengan HIV/AIDS
- Resolusi yang diterima pakai semasa sebuah Perundingan Pemimpin Islam Kebangsaan pada 2002 termasuk:
- Bekerja dengan ikhlas untuk Allah SWT semata-mata
- Membekalkan motivasi and kekuatan rohaniah kepada golongan sukarelawan, belia dan ahli masyarakat yang terlibat dalam usaha sokong bantu melalui individu-individu contoh (role model)
- Menunjukkan sikap tidak menghukum dan tidak mengamalkan stigma(prasangka buruk) kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS
- Menyediakan sokong bantu bagi anak yatim

## **INDONESIA**

### **Nahdatul Ulama (NU)**

- NU mendirikan sebuah masjid yang dikenali sebagai Al-Fatah di Bangunsari, Surabaya, yang terkenal dengan kegiatan tidak bermoral
- Ustaz Khoiron Shuib dan isterinya menguruskan Masjid Al-Fatah dan menyediakan perkhidmatan agama kepada pelacur di Bangunsari, termasuk pendidikan tentang HIV/AIDS
- Dia juga menggalakkan orang yang hidup dengan HIV/AIDS melawat masjid itu dan solat dengan masyarakat Muslim lain, untuk menawarkan sokongan moral dan mengurangkan stigma (prasangka buruk) terhadap mereka
- Ustaz Khoiron menekankan unsur belas kasihan dan kesabaran dalam membantu orang yang hidup dengan HIV/AIDS
- Dia dan isterinya membantu dalam Pencegahan HIV/AIDS dengan mengajar tentang nilai dan gaya hidup Islam dan memberikan harapan kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS untuk kembali ke pangkal jalan dan membaiki diri
- Pelacur bersolat dan berdoa bersama-sama keluarganya
- Latihan kemahiran juga diberikan kepada pelacur itu sebagai pilihan keluar daripada gaya hidup mereka, memandangkan 90% wanita di Bangunsari menjadi pelacur akibat keadaan

## **SINGAPURA**

### **Anak Melayu Islam Melawan Penyakit Unik HIV/AIDS (AMPUH)**

- Melalui sistem ini, bilangan pelacur di Bangunsari telah berkurangan daripada 3000 pada 1980-an kepada 675 pada 2003
- AMPUH adalah sebuah kumpulan sukarelawan Melayu/Muslim di bawah naungan badan bukan kerajaan yang dikenali sebagai Action for AIDS (AFA)
- Ia ditubuhkan untuk menangani bilangan orang Melayu yang dijangkiti dengan HIV atau yang menderita akibat HIV/AIDS yang semakin meningkat
- Matlamat utama AMPUH adalah untuk:
- Meningkatkan kesedaran tentang HIV/AIDS di kalangan masyarakat Melayu/Muslim
- Menggalakkan penyertaan aktif masyarakat Melayu/Muslim dalam pendidikan dan kesedaran tentang HIV/AIDS
- Menggerakkan sokongan masyarakat untuk orang Melayu/Muslim yang hidup dengan HIV/AIDS

#### **FALSAFAH:**

MENANGANI HIV/AIDS MELALUI  
PENYELIDIKAN, PERGABUNGAN, PENDIDIKAN & SOKONGAN

## **MALAYSIA**

### **Persidangan Islam & HIV/AIDS**

---

- Satu usahasama Majlis AIDS Malaysia dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membina kefahaman dan kesedaran dengan masyarakat orang Islam berkenaan HIV/AIDS
- Persidangan selama 3 hari di Kuala Lumpur, 25 – 27 Mei 1999
- 50 peserta yang terdiri daripada para Mufti, Ahli Majlis Fatwa, Pegawai Kanan JAKIM, Cendekiawan Islam, wakil bidang kesihatan dan badan bukan kerajaan yang berkenaan
- Satu Resolusi telah dibentuk berdasarkan prinsip-prinsip berikut :
  1. Penerimaan bahawa HIV/AIDS telah berkembang dan menimbulkan kesan-kesan negatif dalam semua aspek kehidupan dan kini berada di tahap kritis di Malaysia
  2. Penyedaran bahawa kaedah rohaniah dapat membantu menangani HIV/AIDS
  3. Pengakuan bahawa kita perlu bersikap kemanusiaan, berkasih sayang dan bersabar dalam semua aspek kehidupan, dan kita perlu berdoa untuk meminta keampunan bagi mereka yang terjejas dengan HIV/AIDS
  4. Ulama dan pemimpin Islam hendaklah mengenalpasti masalah pencegahan, pendidikan, pengawalan, perawatan dan sokong bantu dan lain-lain isu berkaitan dengan HIV/AIDS.

Isu-Isu Utama Yang Dibincang: **PENDIDIKAN  
SOKONG BANTU  
KELUARGA**

#### **Pendidikan**

---

- Oleh kerana HIV/AIDS belum ada penawar dan ubatnya manakala hanya pendidikan sahaja merupakan cara yang berkesan untuk mencegah penularan HIV/AIDS
- Setiap warganegara mesti diberikan maklumat yang tepat dan komprehensif (menyeluruh) tentang HIV/AIDS
- Pemimpin masyarakat Islam perlu diberi pengetahuan mengenai HIV/AIDS supaya mereka boleh menjadi pendidik masyarakat
- Dua cara jangkitan di Malaysia adalah:
  1. Perhubungan seks antara pasangan yang dijangkiti HIV/AIDS atau yang tidak diketahui status HIV/AIDStya
  2. Berkongsi jarum suntikan semasa menyuntik Dadah dengan penagih dadah yang positif HIV/AIDS
- Pendidikan seks menurut pandangan Islam perlu diberikan kepada semua peringkat usia. Jika salah seorang daripada suami/isteri dijangkiti HIV/AIDS, maka hendaklah mengikuti langkah-langkah seperti berikut:
  1. JANGAN melakukan perhubungan seks, jika TIDAK, gunakanlah kondom bagi mencegah HIV/AIDS.
  2. Pasangan yang ingin mendapatkan zuriat, perlu mendapatkan khidmat nasihat dari pakar perubatan.
  3. Mereka yang HIV positif, perlulah mendapatkan rawatan segera dari pakar perubatan
  4. Pastikan anda tidak dijangkiti, dan jika dijangkiti, janganlah sebarkan kepada orang lain.
  5. Setia, berpengetahuan dan beriltizam untuk tidak merebakkan kepada pasangan.
- **PERINGATAN**  
Zina, Liwat, Lisbian.... adalah Dosa Besar dan boleh menyebabkan jangkitan HIV/AIDS.

## Sokong Bantu

- Agensi Pengurusan Hal Ehwal Islam Kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) perlu memainkan peranan dalam memberi sokongan rohaniah, moral, sosial dan kewangan untuk membantu mereka yang terdedah dan terlibat dengan HIV/AIDS
  1. Individu yang belum dijangkiti, terdedah, terlibat dan menerima kesan akibat HIV/AIDS
  2. Ahli keluarga dan masyarakat (komuniti)
  3. Di tempat kerja
  4. Di sekolah dan pusat pengajian tinggi
  5. Di hospital-hospital
  6. Pusat Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Pusat Pembangunan Sosial (PPS) di Jabatan Agama Islam Negeri

## Keluarga

- Sebelum memberikan sebarang keputusan tentang isu-isu sosial, pandangan dan cadangan mereka yang terlibat dan terjejas perlu diambil kira
- Islam menekankan kepentingan dan kekuatan sesebuah keluarga
- Suami dan isteri perlu saling bertanggungjawab, hormati-menghormati serta melindungi satu sama lain dan bukannya menyembunyi perkara yang memudharatkan
- Kursus pra-perkahwinan perlu menekankan pendidikan tentang HIV/AIDS. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu yang terdedah kepada kelakuan berisiko tinggi supaya mendapatkan kaunseling sebelum mengambil sebarang ujian darah
- Seorang isteri perlukan hak untuk menolak persetubuhan dengan suaminya jika beliau percaya bahawa suaminya telah terlibat dalam kelakuan berisiko tinggi

## MALAYSIA Projek Islam dan HIV/AIDS

### Matlamat

Untuk memberi maklumat, kemahiran dan motivasi kepada pemimpin Islam di Malaysia mengenai HIV/AIDS, melalui kursus latihan yang berdasarkan ajaran Islam, supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam meningkatkan tahap kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan HIV/AIDS dan sokong bantu kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka

### Enam (6) Objektif

1. Menjelaskan kesan HIV/AIDS dalam asepek sosial and ekonomi ke atas rakyat Malaysia
2. Menerangkan dasar kerajaan Malaysia dalam menangani HIV/AIDS
3. Menerangkan prinsip Islam dalam konteks pencegahan dan kawalan, dan sokong bantu kepada orang-orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka
4. Menerangkan prinsip Islam dalam memerangi stigma (prasangka buruk), diskriminasi
5. Menjelaskan peranan dan tanggungjawab pemimpin Islam dalam pencegahan HIV/AIDS, dan sokong bantu / jagaan terhadap mereka yang hidup dengan HIV/AIDS
6. Mencadangkan pelan tindakan bagi merealisasikan peranan pemimpin Islam dalam menengani masalah HIV/AIDS di Malaysia

## **PERINGKAT SERANTAU**

**Bengkel Pertama HIV/AIDS untuk Pemimpin Islam di Rantau ASEAN Jakarta 30 Nov.-3 Dec. 1998**

### **Deklerasi Bengkel Jakarta**

1. Pelaksanaan pendekatan Islam dalam menghadapi HIV/AIDS dikalangan orang Islam di rantau ASEAN perlu ditingkatkan
2. Perlunya peningkatan kerjasama di antara Pemimpin Agama dan kerajaan dalam menangani HIV/AIDS rantau ASEAN
3. Penglibatan Pemimpin Islam bersama kerajaan dalam kempen pencegahan HIV/AIDS
4. Mengututarakan Prinsip-princip Islam yang berikut:
  - a. Mendedahkan meraka yang dijangkiti HIV secara sengaja adalah salah dari segi undang-undang
  - b. Perkahwinan di antara orang yang hidup dengan HIV/AIDS dibenarkan
  - c. Perkahwinan di antara individu yang HIV-Positif dan bukan positif tidak diharamkan tetapi adalah lebih baik jika ia dapat dielakkan
  - d. Perceraian kerana jangkitan HIV atau AIDS dibenarkan
  - e. Warga Islam yang meninggal dunia kerana AIDS perlu dikebumikan secara Islam
  - f. Orang yang hidup dengan HIV/AIDS perlu dijaga dan diberi sokongan oleh keluarga mereka dan masyarakat setempat

## **PERINGKAT SERANTAU**

**Bengkel Kedua HIV/AIDS dan Pemimpin Islam Rantau ASEAN Jakarta 28-31 Julai 2000**

Deklarasi Bengkel Kedua HIV AIDS dan Pemimpin Islam:

Prinsip	Pemimpin Islam tanggungjawab, untuk memupuk penyertaan dan kerjasama semua lapisan masyarakat dalam usaha menangani gejala HIV AIDS
Misi	Meningkatkan tahap kesedaran masyarakat umum mengenai isu-isu berkenaan HIV/AIDS Menguatkan kerjasama semua lapisan masyarakat dalam aktiviti pencegahan HIV/AIDS dan membela hak mereka yang hidup dengan HIV AIDS
Strategi	Melibatkan Pemimpin Islam dalam semua aktiviti HIV/AIDS yang relevan dengan prinsip Islam khasnya dalam aspek pencegahan HIV/AIDS Meningkatkan keupayaan pemimpin Islam bagi pencegahan HIV/AIDS Meningkatkan integrasi aktiviti pencegahan HIV/AIDS Menguatkan usaha sama di peringkat kebangsaan, serantau dan sedunia
Program	Pelaksanaan aktiviti pencegahan HIV/AIDS, gaya hidup sihat, dan kehidupan tanpa dadah

**PERINGKAT  
GLOBAL**

**Konsultasi Pertama  
Pemimpin Islam  
Antarabangsa  
Menangani HIV/AIDS  
Kampala, Uganda  
pada 1- 4 November  
2001 oleh IMAU**

- Dihadiri oleh 86 peserta yang mewakili 21 negara
- Tema Persidangan: Strategi untuk meningkat dan memperluas tindak balas masyarakat Islam antarabangsa terhadap HIV/AIDS
- Matlamat: untuk mencapai penglibatan yang lebih besar dan koordinasi yang lebih berkesan di kalangan masyarakat Islam dalam usaha mencegah dan mengawal HIV/AIDS di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
- Membuat Resolusi untuk menggalakkan pendekatan Islam dalam usaha menentang HIV/AIDS
- Delegasi Malaysia seramai 9 orang diketuai oleh Pengarah Eksekutif Majlis AIDS Malaysia
- Bersetuju mengadakan Konsultasi Ke-2 di Kuala Lumpur, Malaysia

**Resolusi  
Konsultasi  
Pertama  
Pemimpin Islam  
Antarabangsa  
Menangani HIV/  
AIDS**

- Untuk berpegang kepada 5 komponen asas bagi pendekatan Islam untuk pencegahan dan sokong bantu bagi HIV/AIDS yang merangkumi:
  1. Penggunaan petikan daripada al-Quran dan Hadis
  2. Penyaluran usaha melalui Imam dan Masjid
  3. Memberikan masyarakat bantuan teknikal dan logistik
  4. Bekerjasama dengan badan yang bersekutu untuk menggerakkan sumber
  5. Mengelakkan tanggungjawab kepada masyarakat
- Mengamalkan kaedah perbincangan interaktif yang teratur seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT dalam melatih dan mendidik masyarakat masing-masing
- Berusaha mencapai kesempurnaan iman, niat dan usaha
- Berusaha untuk menanamkan rasa tanggungjawab dan kebertanggungjawaban di kalangan anak-anak dan belia
- Berusaha untuk menghapuskan sikap buruk berikut yang berkaitan dengan HIV/AIDS di semua peringkat dalam masyarakat:
  1. Kejahilan
  2. Tidak peduli
  3. Stigma (prasangka buruk)
  4. Tidak bertanggungjawab
  5. Kacau-bilau
  6. Kemiskinan

## **Konsultasi Antarabangsa Kedua Pemimpin Islam Menangani HIV/AIDS**

Kuala Lumpur; pada 19-23 Mei 2003 oleh JAKIM, KKM, dan Majlis AIDS Malaysia

---

- Dihadiri oleh 187 peserta yang mewakili 27 buah negara
- **Tema Persidangan:** Ummah Yang Penyayang: Menukar Respons
- **Matlamat:** Untuk memula, menyokong dan menguat respons Pemimpin Islam terhadap HIV/AIDS
- **Keputusan:** pembentukan sebuah Panel Ulama Antarabangsa untuk meneliti laporan perundingan dan mengeluarkan sebuah Pelan Tindakan untuk umat Islam bergerak ke hadapan pada peringkat global
- Lima sesi plenari telah berlangsung:
  1. Memelihara Harga Diri Manusia
  2. Bolehkah Pendidikan Islam Mengurangkan Vulnerabiliti?
  3. Adakah Islam mempunyai pandangan terhadap pengurangan Kemudharatan?
  4. Seks sebagai Anugerah daripada Allah SWT
  5. Peranan Pemimpin Islam
- Panel Ulama Antarabangsa terdiri daripada:
  1. Mufti Uganda, Sheikh Shaaban Ramadhan Mubajje
  2. Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Dato' Mohd Shahir Abdullah
  3. Ketua Kadhi Kenya, Sheikh Hammad Kassim
  4. Wakil Majlis Islam Kebangsaan Cote D'Ivoire, Imam Cisse Djiguiba
  5. Wakil Majlis Ulama Indonesia, Dr Roenizor Roesin
  6. Wakil Masjid Harlem, New York, Imam Tabib Abdul Rashid

## **Muzakarah Ulama MABIMS 2009**

Kuala Lumpur, Hotel Seri Pacifik, pada 2009 oleh JAKIM

---

- Dihadiri oleh 290 peserta dari Malaysia, Brunei, Indonesia dan Singapura serta wakil dari Thailand dan Filipine
- Tajuk Kertas Kerja : "Epidemik HIV/ AIDS, Peranan Ulama Bersama Kita Penyelesaiannya"

## **Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel**

1. Buat pembentangan kepada peserta berdasarkan maklumat yang disediakan, dan edarkan salinan pembentangan tersebut kepada peserta.
2. Minta para peserta bahagi kepada dua kumpulan.
3. Minta setiap kumpulan memberi perhatian kepada maklumat di dalam kertas pembentangan berkenaan contoh usaha umat Islam di negara Uganda.
4. Minta kumpulan tersebut mengenalpasti dan menyenaraikan sebab-sebab dan punca kejayaan umat Islam di Uganda, yang berjaya menyekat kadar pertumbuhan jangkitan HIV, justeru memaparkan imej umat Islam yang prihatin yang menjadi teladan kepada seluruh dunia.
5. Minta setiap kumpulan membentangkan senarai mereka kepada kumpulan lain. Catatkan senarai tersebut di atas papan putih ataupun carta selak.
6. Daripada senarai yang dicadangkan, minta setiap kumpulan mengenalpasti 5 ciri utama yang diperlukan oleh umat Islam untuk membendung gejala HIV/AIDS dengan berkesan, berdasarkan sifat-sifat yang terkandung dalam ayat-ayat Quran dan hadis yang dicadangkan.
7. Catatkan senarai setiap kumpulan di atas papan putih ataupun carta selak.
8. Cadangkan juga ciri-ciri tersebut:

## TAJUK 2 : PERANAN MASJID DAN PEMIMPIN ISLAM

### Objektif

1. Menghuraikan peranan pemimpin Islam dalam menangani HIV/AIDS
2. Menghuraikan peranan masjid dalam meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai HIV/AIDS
3. Masjid sebagai pusat penyebaran maklumat HIV/AIDS
4. Membentras dan memerangi gejala HIV/AIDS diperingkat akar umbi.
5. Menjadi penghubung dan penyelaras keperluan kewangan dan sosial antara Orang Yang Hidup Dengan HIV dengan pihak Baitulmal/Zakat.
6. Pihak Masjid menubuhkan tabung khas untuk HIV/AIDS

### Perkara Utama

1. Respons orang Islam di Malaysia kepada HIV/AIDS
2. Perspektif Islam tentang penyakit dan kesakitan seperti HIV/AIDS
3. Tanggungjawab seorang Muslim untuk membantu masyarakat dan mereka yang memerlukan bantuan
4. Peranan orang Islam dan pemimpin Islam dalam menangani HIV/AIDS
5. Peranan masjid menangani HIV/AIDS

### Orang Islam Harus Melihat Penyakit Dan Penderitaan Pesakit HIV/AIDS Sebagai Ujian Allah SWT

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah Ayat 155 dan 156

وَلَنَبْلُونَكُمْ شَيْءٌ مِّنَ الْحُجُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الْصَّابِرِينَ ﴿١٥٥﴾  
الَّذِينَ إِذَا أَصَبْتُهُمْ مُّصِيبَةً قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَجِعونَ ﴿١٥٦﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar. Orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah SWT dan kepada-Nyalah kami kembali.

### PENGAJARAN AYAT

1. Manusia akan diberi ujian oleh Allah SWT dalam bentuk ketakutan, kelaparan, kekurangan harta.
2. Orang yang sabar akan diberi ganjaran oleh Allah SWT.
3. Setiap bala yang menimpa manusia perlu diterima dengan penuh redha dan berusaha mengatasinya.
4. Orang Islam perlu melihat bahawa penyakit itu adalah sebagai ujian dari Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiya' Ayat 83 dan 84

﴿ وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَقِ مَسْفِيَ الظُّرُورِ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ﴾٨٣  
﴿ مَا يِدِهِ مِنْ صُرُّ وَأَتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةٌ مِنْ عِنْدِنَا وَذِكْرَى لِلْعَيْدِينَ ﴾٨٤

Maksudnya:

Dan Nabi Ayub, ketika ia berdoa kepada Tuhananya: Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, dan Engkaulah yang Maha Penyayang di antara para penyayang. Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menimpanya, serta kami kurniakan kepadanya keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan bagi orang yang taat kepada Kami.

### PENGAJARAN AYAT

1. Umat Islam diuji oleh Allah SWT dengan berbagai bentuk ujian.
2. Segala musibah dan penderitaan yang dialami hendaklah ditempuh dengan penuh kesabaran.
3. Orang yang sabar menghadapi ujian akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT .

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut Ayat 2-3

﴿ أَحَسِبَ النَّاسُ أَنَّ يُتَرَكُوا أَنْ يَقُولُوا إِنَّا وَمَنْ كُنَّا وَهُمْ لَا يُفَتَّنُونَ ﴾٢١  
﴿ وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ ﴾٢٢

Maksudnya:

Patutkah manusia menyangka Bahawa mereka akan dibiarkan Dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan). Dan Demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang Yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian Yang demikian), nyata apa Yang diketahui Allah tentang orang-orang Yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa Yang diketahuiNya tentang orang-orang Yang berdusta.

Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar Ayat 53

﴿ قُلْ يَعْبَادِي الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ لَا تَنْقَنِطُوا مِنْ رَحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَعْفُرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴾٥٣

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Wahai hamba-hambaKu Yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana Sesungguhnya Allah mengampunkan Segala dosa; Sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

Hadis Rasulullah SAW

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَا مِنْ مُصِيَّةٍ يُصَابُ بِهَا الْمُسْلِمُ إِلَّا كُفُرٌ بِهَا عَنْهُ حَتَّى الشَّوَّكَةَ يُشَاقُّهَا "

Maksudnya:

Darijada Aisyah r.a katanya: bahwa Rasulullah SAW bersabda: Tidak ada malapetaka yang menimpa orang Islam melainkan Allah SWT menghapuskan dosanya walaupun tusukan duri yang menimpanya.

Hadis Riwayat Muslim

Hadis Rasulullah SAW

كُلُّ أَبْنَ آدَمَ خَطَّاءُونَ وَخَيْرُ الْخَطَّائِينَ التَّوَّابُونَ

Maksudnya:

Setiap anak adam ada melakukan kesalahan, dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan itu adalah mereka yang bertaubat (kepada Allah S.W.T.).

## Tanggungjawab Seorang Muslim Untuk Menyumbang Kepada Kebajikan Masyarakat

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah Ayat 177

﴿ لَيْسَ الْبَرُّ أَنْ تُولِّوْ وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَسْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبَرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَئِكَةَ وَالْكِتَبِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَاقِ الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ دَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ وَأَبْنَ السَّيِّلِ وَالسَّاَلِيلِنَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاقَ الْزَّكُوَةَ وَالْمُؤْمِنُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ أَبْلَيْكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُنَّقُونَ ﴾

Maksudnya:

Bukanlah suatu kebajikan itu kamu menghadapkan muka ke Timur dan Barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah SWT, dan hari akhirat, segala malaikat, segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang musafir, orang yang meminta-minta, orang yang memerdekakan hamba abdi; orang mendirikan sembahyang, serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka berjanji orang yang sabar dalam masa kesemutan, dan kesakitan, dan dalam peperangan. Mereka itulah orang yang benar; dan mereka itulah juga orang yang bertakwa.

## PENGAJARAN AYAT

1. Umat Islam dituntut supaya menghulurkan bantuan kepada orang yang ditimpakan kesusahan dan penderitaan
2. Islam amat mementingkan aspek kebaikan terhadap orang yang berada dalam kesulitan dan kesengsaraan
3. Orang yang suka menghulurkan bantuan kepada orang lain digolongkan dalam golongan orang yang bertakwa kepada Allah SWT

Hadis Rasulullah SAW

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya:

Tidak sempurna iman seseorang daripada kamu sehingga ia mengasihi saudaranya sepetimana ia mengasihi dirinya sendiri

Hadis Riwayat Muslim

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 135–136

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَنِحْشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفِرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَعْفُرُ  
الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصْرُوْ عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٣٥﴾ أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِّنْ  
رَبِّهِمْ وَجَنَّتُ تَجَرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَلِيلِينَ فِيهَا وَنِعْمَ أَجْرُ الْعَدِيلِينَ ﴿١٣٦﴾

Maksudnya:

Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka - dan sememangnya tidak ada Yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah -, dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji Yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).

Firman Allah SWT dalam Surah Fussilat Ayat 34

وَلَا سَتُوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ أَدْفَعُ بِالْقِيَمَاتِ فَإِذَا الَّذِي هِيَ أَحَسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَانَ  
وَلِيٌ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

Maksudnya:

Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan Yang baik dan perbuatan Yang jahat. Tolaklah (kejahatan Yang ditujukan kepadamu) Dengan cara Yang lebih baik; apabila Engkau berlaku demikian maka orang Yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, Dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib.

## Tanggungjawab Seorang Muslim Untuk Memberi Bantuan Kepada Manusia Yang Memerlukannya

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maun Ayat 1 hingga 7

أَرْءَيْتَ اللَّهَ يُكَذِّبُ بِاللِّيَّابِينَ ﴿١﴾ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتَامَةَ وَلَا يُحُصُّ عَلَىٰ طَعَامِ  
الْمِسْكِينِ ﴿٢﴾ فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّيْنَ ﴿٣﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنِ الصَّلَاةِ سَاهُوْنَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُوْنَ  
وَيَمْنَعُوْنَ الْمَاعُوْنَ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Tahukah engkau akan orang yang mendustakan ugama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim. Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. Maka kecelakaan besar bagi orang yang Sembahyang. (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya. (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (dalam ibadat dan bawaannya). Dan orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya).

### PENGAJARAN AYAT

Umat Islam perlu senantiasa berdoa agar mereka ingat kepada tanggungjawab terhadap golongan masyarakat yang memerlukan bantuan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Insan Ayat 9

٩ إِنَّمَا تُطْعَمُكُمْ لِوَجْهِ اللَّهِ لَا نُرِيدُ مِنْكُمْ جَزَاءً وَلَا شُكُورًا

Maksudnya:

Sesungguhnya kami memberi makan kepadamu kerana Allah semata-mata. Kami tidak menghendaki sebarang balasan darimu atau ucapan terima kasih.

### PENGAJARAN AYAT

Umat Islam disuruh membuat kebajikan kepada manusia semata-mata kerana cinta kita terhadap Allah SWT, tanpa mengharapkan apa-apa balasan daripada manusia yang lain

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 92

٩٢ لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُفِقُوا مِمَّا تَحْبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ عَلِيهِمْ

Maksudnya:

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai kebajikan (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah SWT mengetahuinya.

### PENGAJARAN AYAT

1. Umat Islam dituntut membelanjakan hartanya kearah kebaikan dan kebajikan.
2. Sifat prihatin terhadap golongan yang berada dalam kesusahan adalah antara sifat yang mulia disisi Allah SWT yang perlu dihayati oleh setiap orang Islam.
3. Segala bentuk bantuan yang dihulurkan akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.

## Ganjaran Dan Pahala Bagi Mereka Yang Menolong Orang Yang Memerlukan Bantuan

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hadid Ayat 18

إِنَّ الْمُصَدِّقِينَ وَالْمُصَدِّقَاتِ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَعَّفُ لَهُمْ وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ  
١٨

Maksudnya:

Sesungguhnya orang lelaki dan orang perempuan yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah SWT dengan pinjaman yang baik, akan digandakan balasannya, dan mereka pula akan beroleh pahala yang mulia.

### PENGAJARAN AYAT

1. Umat Islam dituntut supaya bersedekah dengan penuh keikhlasan.
2. Segala sedekah atau bantuan yang diberikan akan mendapat ganjaran daripada Allah SWT.
3. Umat Islam digalakkan berlumba-lumba menghulurkan bantuan atau derma kepada orang lain.

Hadis Rasulullah SAW

مَنْ غَاثَ مَلْهُوقًا آتَاهُ اللَّهُ لَهُ ثَلَاثًا وَسَبْعِينَ مَغْفِرَةً وَاحِدَةً فِيهَا صِلَاحٌ أَمْرُهُ آلِهٖ ،  
وَثَنَتَانِ وَسَبْعُونَ لَهُ دَرَجَاتٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

Sesiapa yang memberi pertolongan kepada orang yang sedang menderita, Allah akan mengampunkan 73 kesalahannya. Salah satu daripadanya akan diberi kemudahan urusan dalam hidupnya di dunia, manakala 72 lagi akan diberi pada Hari Akhirat nanti.

Hadis Riwayat at-Tirmizi

Hadis Rasulullah SAW

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ، لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ،  
وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُرْبَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبَاتِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا سَرَّهُ  
اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya:

Seorang Islam yang mempunyai seorang saudara Islam, dia tidak boleh melakukan kesalahan terhadapnya. Sesiapa yang memenuhi keperluan saudaranya nescaya Allah SWT akan memenuhi segala keperluannya. Sesiapa menghapuskan kesusahan saudaranya, nescaya Allah SWT akan menghapuskan satu kesusahan daripada kesukarannya pada Hari Pembalasan. Sesiapa yang menyembunyikan keaibana seseorang Islam, Allah SWT akan menyembunyikan keaibannya pada Hari Pembalasan.

Hadis Riwayat al-Bukhari

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ra'd Ayat 11

لَهُ مُعَقِّبَتُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَفْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا  
بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰٰ ۝ ۱۱

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

### PENGAJARAN AYAT

1. Umat Islam diperintah supaya mengubah nasib diri mereka daripada situasi yang kurang baik kepada situasi yang lebih baik
2. Bagi mereka yang ditimpa berbagai penyakit termasuk HIV/AIDS hendaklah berusaha sedaya upaya untuk mengatasinya
3. Segala musibah yang menimpa umat Islam adalah satu daripada ujian Allah SWT kepada umatnya untuk menilai tahap keimanan mereka

## TAJUK 3 : AKTIVITI BENGKEL

### AKTIVITI NO 1

1. Minta para peserta menu buhkan dua kumpulan, di mana setiap kumpulan kecil mewakili golongan yang berikut:
  - Pemimpin Masyarakat Islam
  - Orang Islam Yang Hidup Dengan HIV/AIDS
2. Minta setiap kumpulan tuliskan 5 permintaan atau harapan yang mereka inginkan daripada kumpulan kecil yang lain.
3. Minta setiap kumpulan mengemukakan permintaan mereka, dan minta kumpulan yang lain memutuskan sama ada mereka boleh memenuhi permintaan itu. Jika boleh, minta mereka terangkan bagaimana mereka akan cuba melakukannya. Jika mana-mana kumpulan tidak dapat memenuhi permintaan kumpulan lain, minta mereka menyediakan alasan mengapa mereka tidak boleh berbuat demikian. Berikan masa selama 10 minit bagi setiap kumpulan kecil.
4. Minta setiap kumpulan menyediakan cadangan bagaimana harapan mereka boleh dipenuhi.
5. Selepas 30 minit, minta setiap kumpulan mengemukakan permintaan mereka kepada semua peserta, dan beritahu samada permintaan mereka dikabul atau tidak. Jika tidak, minta mereka beritahu sebab-sebab mengapa permintaan itu serta cadangan bagaimana permintaan tersebut boleh diterima.

## **AKTIVITI NO 2 (10 MINIT)**

1. Minta semua peserta membahagi kepada kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri daripada tiga ahli. Setiap ahli kumpulan mempunyai watak yang perlu dimainkan.
2. Seorang menjadi Pegawai Agama, seorang menjadi klien (Pelacur) dan seorang lagi menjadi Pemerhati.
3. Jelaskan kepada kesemua peserta tentang peranan mereka masing-masing. Setiap senario perlu dibincangkan dalam masa 10 minit.
4. Selepas perbincangan berakhir, minta semua kumpulan menjalankan sesi maklumbalas sesama sendiri selama 10 minit. Pertama, minta semua peserta yang berlakon sebagai pemerhati memberi komen di dalam kumpulannya sendiri, iaitu sama ada Pegawai Agama telah menunjukkan sikap yang diperlukan dalam proses menolong.
5. Seterusnya, minta semua peserta yang berlakon sebagai pelacur untuk memberi maklumbalas kepada kumpulan mereka sama ada mereka benar-benar rasa dibantu atau diterima oleh Pegawai Agama dalam permainan watak ini. Minta peserta tersebut memberitahu ahli yang memainkan peranan sebagai Pegawai Agama bagaimana ia boleh meningkatkan sumbangan mereka kepada masyarakat sebagai seorang Muslim yang bertanggungjawab.
6. Setelah kedua-dua senario selesai dilakukan, minta kesemua peserta berkumpul. Cuba dapatkan maklumbalas mengenai perasaan peserta yang memainkan peranan sebagai Pegawai Agama, dari segi kesulitan yang mereka alui dalam menangani isu-isu yang dikemukakan dan langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan sumbangan mereka kepada masyarakat sebagai seorang Muslim yang bertanggungjawab.
7. Tujuan aktiviti ini adalah untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang mengutamakan sikap tidak menghukum, menerima, tidak prejudis, menyayangi, mengampuni dan menghormati. Kesemua sikap ini memang mudah dilafazkan tetapi amat sukar untuk dipraktikkan.

### **Peranan 1: Pegawai Agama**

Anda merupakan seorang Pegawai Agama, dan telah didatangi oleh seorang janda yang bekerja sebagai seorang pelacur.

### **Peranan 3: Pemerhati**

Tugas anda hanya memerhati. Perhatikan samada Pegawai Agama dapat menunjukkan sifat dan sikap yang diperlukan untuk menolong klien tersebut.

### **Peranan 2: Klien**

Anda seorang janda dan pelacur. Anda telah melakukan pekerjaan ini agak lama untuk menampung keluarga anda yang besar dan miskin. Anda telah diperintahkan supaya pergi berjumpa dengan Pegawai Agama, diatas perbuatan anda melacurkan diri. Anda telah puas mencuba untuk mendapatkan pekerjaan yang halal tetapi gagal. Tambahan pula gaji yang diberikan terlalu kecil untuk membolehkan anda menampung ahli-ahli keluarga yang ramai dan miskin. Anda akan meneruskan pekerjaan ini selagi anda tidak mendapat pekerjaan yang lain dan setimpal dengan pendapatan yang anda terima sebagai seorang pelacur.

## **AKTIVITI NO 3 (10 minit)**

Tukarkan watak-watak anda. Watak pemerhati bertukar menjadi Pegawai Agama, dan Pegawai Agama memainkan watak klien. Klien pula menjadi pemerhati. Dalam senario yang berikut, lakukan watak-watak seperti di bawah:

### **Peranan 1: Pegawai Agama**

Anda merupakan seorang Pegawai Agama dan telah didatangi oleh seorang Mak Nyah.

### **Peranan 2: Klien**

Anda merupakan seorang Mak Nyah dan telah diperintah oleh untuk berjumpa dengan Pegawai Agama kerana ditangkap berpakaian dan menyamar sebagai seorang wanita. Walaupun pada zahirnya anda seorang lelaki tetapi jiwa raga anda adalah seratus peratus seorang wanita. Anda telah cuba pelbagai cara untuk menukar kelakuan anda seperti lelaki tetapi senantiasa berakhir kepada kegagalan.

### **Peranan 3: Pemerhati**

Tugas anda hanya memerhati. Adakah Pegawai Agama dapat menunjukkan sifat dan sikap yang diperlukan untuk menolong klien tersebut.

## TAJUK 4 : SOALAN YANG SERING DITANYA BERHUBUNG ISLAM DAN HIV/AIDS

### Adakah HIV Suatu Ancaman Kepada Masyarakat Islam?

HIV meninggalkan kesan ke atas setiap negara di dunia ini, termasuk negara Islam. United Nations Joint Programme on AIDS (UNAIDS) menganggarkan yang sejak bermulanya pandemik HIV global, kira-kira 42 juta orang telah dijangkiti HIV. Walaupun kebanyakkan negara Islam mendakwa yang mereka tidak merasai kesan akibat HIV, ia adalah tidak benar. Jangkitan HIV telah dilaporkan di setiap negara Islam. Menurut UNAIDS, terdapat kira-kira 390,000 orang yang dijangkiti HIV di Afrika Utara dan Timur Tengah. Sesiapa sahaja boleh dijangkiti HIV, termasuk orang Islam.

### Adakah Umat Islam Memerlukan Pendidikan HIV Dan AIDS?

Maklumat tepat berhubung HIV dan AIDS dapat membantu mengawal penyebaran penyakit ini dalam masyarakat kita. Ia juga mengurangkan kebimbangan dan diskriminasi terhadap individu yang positif HIV. Maklumat juga dapat membantu kita menangkis sebarang mitos berhubung penyakit ini. Hakikatnya HIV boleh menjangkiti sesiapa sahaja yang terlibat dalam kelakuan berisiko tinggi.

### Apakah Pandangan Islam Berhubung Kesihatan Dan Nyawa Manusia?

Islam amat menghargai nyawa manusia. Ia dianggap sebagai anugerah daripada Allah SWT. Menurut pandangan Islam, orang Islam tidak harus merasakan yang ia adalah nyawa mereka dan mereka berhak melakukan apa sahaja dengannya. Sebaliknya, Allah SWT telah mengamanahkan nyawa kepada manusia. Orang Islam harus menjaga nyawa mereka. Badan yang sihat adalah kurniaan Allah SWT dan setiap individu adalah pemegang amanahnya. Oleh itu orang Islam percaya bahawa kita tidak mempunyai hak untuk menyalah guna atau mendera badan kita.

Hadis Rasulullah SAW

مَا سُئِلَ اللَّهُ شَيْئاً أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ أَنْ يُسَأَلَ الْعَافِيَةُ

Maksudnya:

Tidak ada doa yang lebih disukai Allah SWT selain permohonan untuk kesihatan yang baik.

Hadis Riwayat at-Tirmizi

Oleh itu, orang Islam harus mengelak sebarang tindakan yang mungkin memudaratkan kesihatan fizikal dan mental.

Maqasid Al-Syariah

Terdiri daripada 5 prinsip:

1. Menjaga Agama
2. Menjaga Nyawa
3. Menjaga Akal
4. Menjaga Keturunan
5. Menjaga Harta

## Adakah Konsep Kesopanan Dalam Islam Membenarkan Kita Berbincang Tentang Persetubuhan?

Perbincangan tentang HIV/AIDS melibatkan perbincangan berhubung soal persetubuhan dan soalan-soalan intim. Islam sentiasa menggalakkan perbincangan berhubung perkara yang membantu kita menjaga nyawa dan kesihatan. Kesopanan dalam Islam tidak bererti yang umat Islam tidak boleh berbincang berhubung soal persetubuhan dengan syarat perbincangan tersebut dilakukan dengan penuh kesopanan, etika dan adab yang tinggi. Lelaki dan wanita Islam tidak pernah berasa malu untuk bertanya kepada Rasulullah SAW tentang soal persetubuhan.

Hadis Rasulullah SAW

نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَمْنَهُنَّ الْحَيَاةَ أَنْ يَفْقَهُنَّ فِي الدِّينِ

Maksudnya:

Keberkatan ke atas wanita Ansar. Mereka tidak malu untuk mencari ilmu berhubung agama mereka.

Hadis Riwayat al-Bukhari & Muslim

Al-Quran dan al-Hadis telah berulang kali menekankan pentingnya mencari ilmu.

Firman Allah SWT dalam Surah az-Zumar Ayat 9

أَمَّنْ هُوَ قَنِيتُ إِنَّهُ أَلِيلٌ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذِرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي  
الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَنْذَكِرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ٩

Maksudnya:

Apakah orang yang taat beribadat diwaktu malam dengan sujud dan berdiri, ia takutkan azab hari akhirat serta mengharapkan rahmat TuhanYa, sama dengan orang musyrik? Katakanlah: Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang dapat mengambil peringatan hanyalah orang yang berakal sempurna

Firman Allah SWT dalam Surah Fathir Ayat 28

وَمِنَ النَّاسِ وَالدَّوَابَّ وَالْأَنْعَمَ مُخْلِفُ الْوَنْدَهُ كَذَلِكَ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ  
أَعْلَمُؤْمِنٌ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ غَفُورٌ ٢٨

Maksudnya:

Dan demikian pula di antara manusia dan binatang-binatang Yang melata serta binatang-binatang ternak, ada Yang berlainan jenis dan warnanya? sebenarnya Yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah) Allah dari kalangan hamba-hambaNya hanyalah orang-orang Yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Pengampun.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiaa' Ayat 7

٧ ﴿ وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ إِلَّا رِجَالًا نُوحِي إِلَيْهِمْ فَسَلَوْا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ۚ ۷﴾

Maksudnya:

Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad) melainkan orang-orang lelaki Yang Kami wahyukan kepada mereka (bukan malaikat); maka Bertayalah kamu kepada AhluzZikri" jika kamu tidak mengetahui.

Hanya melalui pengetahuan sahaja umat Islam boleh mendekati Allah SWT, mengagumi ciptaan-Nya dan menghargai peraturan yang telah ditetapkan dalam Kitab Suci al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah SAW serta para sahabatnya.

Oleh itu, setiap pasangan suami isteri tidak harus malu atau segan untuk membincangkan atau mendapatkan khidmat nasihat mengenai hubungan kelamin yang selamat.

## Apakah Sikap Yang Harus Ditunjukkan Orang Islam Terhadap Orang Yang Hidup Dengan HIV/AIDS?

Perbincangan tentang HIV/AIDS melibatkan perbincangan berhubung soal persetubuhan dan soalan-soalan intim. Islam sentiasa menggalakkan perbincangan berhubung perkara yang membantu kita menjaga nyawa dan kesihatan. Kesopanan dalam Islam tidak bererti yang umat Islam tidak boleh berbincang berhubung soal persetubuhan dengan syarat perbincangan tersebut dilakukan dengan penuh kesopanan, etika dan adab yang tinggi. Lelaki dan wanita Islam tidak pernah berasa malu untuk bertanya kepada Rasulullah SAW tentang soal persetubuhan.

Firman Allah SWT dalam Surah Yunus Ayat 57

٥٧ ﴿ يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِمَنِ اتَّقَىٰ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ۗ ۵۷﴾

Maksudnya:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepadamu pengajaran dari Tuhanmu, dan penawar bagi penyakit yang ada di dalam dadamu, dan petunjuk, serta rahmat bagi orang yang beriman.

Sesiapa sahaja yang HIV positif harus diberi perhatian, sokong bantu dan kasih sayang supaya orang itu boleh hidup dan mati dengan mulia. Membiarkan seseorang itu menderita berdasarkan pertimbangan peribadi adalah perbuatan yang keji dan bertentangan dengan semangat rahmah serta persaudaraan Islam. Tindakan negatif seperti menyisih, membenci dan membulu orang yang hidup dengan HIV/AIDS bererti menafikan mereka peluang untuk bertaubat dan menjadi seorang yang lebih baik. Ini jelas bertentangan dengan ajaran al-Quran yang memberikan harapan paling tinggi kepada orang berdosa yang bertaubat untuk kembali kepada Allah SWT. Tugas kita ialah menjadi pembantu kepada satu sama lain untuk mencapai keredhaan Allah SWT, bukan menjadi pembantu iblis dalam usahanya untuk memusnahkan anak Adam dengan mendorongnya untuk menutup pintu taubatnya sendiri. Setiap orang mempunyai hak untuk dihormati, kemuliaan dan persamaan .

Firman Allah SWT. dalam Surah al-Isra' Ayat 70

﴿ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِنْ أُطْبَىٰتِ وَفَضَّلَاتِهِمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴾  
70

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan kenderaan di darat dan di laut; dan Kami berikan rezeki kepada mereka dari yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.

### Adakah HIV/AIDS Suatu Hukuman Daripada Allah SWT Ke Atas HambaNya Yang Berdosa?

Pendapat umum sabahagian umat Islam biasanya sangat keras dan tidak menunjukkan simpati terhadap orang yang hidup dengan HIV/AIDS. Sesetengah pihak mungkin merasakan yang mereka berdosa dan sewajarnya mendapat penyakit dan penderitaan serta harus dibiarkan menderita. Pihak lain mungkin merasakan yang orang yang hidup dengan HIV/AIDS harus disingkir, disisih dan dipulau daripada masyarakat Islam.

Masyarakat tidak berhak menghina dan mencela orang yang hidup dengan HIV/AIDS kerana Allah SWT yang berhak untuk mengadili dan menghukum umatnya yang berdosa.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' Ayat 54

﴿ رَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِكُمْ إِن يَشَاءُ رَحْمَمُكُمْ أَوْ إِن يَشَاءُ يُعَذِّبُكُمْ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ وَكِيلًا ﴾  
54

Maksudnya:

Tuhan kamu lebih mengetahui akan keadaanmu; jika la kehendaki, la akan memberi rahmat kepada kamu; atau jika la kehendaki, la akan menyeka kamu. Dan Kami tidak mengutusmu kepada mereka sebagai wakil yang menguasai urusan mereka.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hajj Ayat 49

﴿ قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّمَا أَنَا لَكُمْ نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴾  
49

Maksudnya:

Katakanlah: Wahai sekalian manusia, aku tidak lain hanyalah seorang Rasul pemberi amaran yang jelas kepada kamu.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah Ayat 105

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسِيرِي اللَّهُ عَمَلَكُ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَرِّدُوكُ إِلَى عَذَابِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ  
فَيُنَتَّكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ١٥

Maksudnya:

Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan.

Ayat ini menunjukkan yang Allah SWT telah mengutuskan RasulNya untuk menyampaikan amaran yang jelas, tetapi Baginda tidak berhak memaksa mereka atau mengadili mereka, atau menghukum mereka, kerana kesemua ini adalah hak Allah SWT. Manusia tidak harus sama sekali merasakan yang beliau lebih bijak daripada Allah SWT kerana para Rasul sekalipun tidak diutuskan untuk menetapkan atau menentukan urusan manusia; sebaliknya mereka hanya diutus untuk menyampaikan ajaran Allah SWT

Perlu juga untuk diingat bahawa Allah SWT bukan mementingkan keadilan dan hukuman sahaja, tetapi juga rahmat dan keampunanNya lebih diutamakan.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ra'd Ayat 6

وَيَسْتَعْجِلُونَكَ بِالسَّيِّئَةِ قَبْلَ الْحَسَنَةِ وَقَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِمُ الْمُثْلَثُ وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو  
مَغْفِرَةٍ لِلنَّاسِ عَلَى ظُلْمِهِمْ وَإِنَّ رَبَّكَ لَشَدِيدُ الْعِقَابِ ٦

Maksudnya :

Dan mereka meminta kepadamu disegerakan kedatangan azab sebelum mereka memohon kebaikan; padahal sesungguhnya telah berlaku contoh-contoh azab sebelum mereka. Dan sesungguhnya Tuhanmu Amat melimpah keampunan-Nya bagi manusia terhadap kezaliman mereka, dan sesungguhnya Tuhanmu juga Amatlah keras balasan azab-Nya.

Hadis Rasulullah SAW

مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ

Maksudnya:

Sesiapa yang tiada sifat belas kasihan nescaya dia tidak dikasihi.

Hadis Riwayat al-Bukhari

Sebaliknya Allah SWT memerintahkan supaya kita tabah dan sabar dalam usaha kita untuk berbuat baik kepada orang lain.

Firman Allah SWT dalam Surah Yunus Ayat 109

١٩ وَأَتَيْتُ مَا يُوَحَّى إِلَيْكَ وَأَصْبَرْتَ حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ وَهُوَ خَيْرُ الْحَكَمِينَ

Maksudnya:

Dan turutlah apa yang diwahikan kepadamu serta bersabarlah (dalam perjuangan mengembangkan Islam) sehingga Allah SWT menghukum (di antaramu dengan golongan yang ingkar, dan memberi kepadamu kemenangan yang telah dijanjikan) kerana Dialah sebaik-baik Hakim.

## TAJUK 5 : DOA-DOA DARIPADA AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

Firman Allah SWT dalam Surah al-Fatiyah Ayat 1-7

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ١ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٢ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ٣ مَلِكُ يَوْمِ الدِّينِ  
إِلَيْكَ تَبَعُّدُ وَإِلَيْكَ نَسْتَعِنُ ٤ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ٥ صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ عَلَيْهِمْ عَزْيْزٌ  
الْمَغْصُوبُ عَلَيْهِمْ وَلَا أَضْرَابَ لَيْلَانَ

Maksudnya:

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji tertentu bagi Allah SWT, Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam. Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat). Engkau lah sahaja yang kami sembah, dan kepada Engkau lah sahaja kami memohon pertolongan. Tunjuklah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan jalan orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula jalan orang yang sesat.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hasyr Ayat 10

وَالَّذِينَ جَاءُوْ مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُوْنَ رَبَّنَا أَعْفِرْنَا وَإِلَخْرَنَا أَلَّذِينَ سَبَقُوْنَا<sup>١٠</sup>  
بِالْإِيمَنِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غَلَّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami rasa dengki terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! sesungguhnya Engkau Amat Melimpah Belas Kasihan dan Rahmat-Mu.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf Ayat 23

٢٣ قَالَ رَبُّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya:

Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami, kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami dari orang-orang yang rugi.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiya' Ayat 87

وَدَا الْمُؤْنِ إِذْ ذَهَبَ مُغَضِّبًا فَظَنَّ أَنَّ لَنْ نَقِيرَ عَلَيْهِ فَكَادَ فِي الظُّلْمَتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا  
أَنَّ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ٨٧

Maksudnya:

Tiada Tuhan yang dapat menolong melainkan Engkau! Maha Suci Engkau Sesungguhnya aku adalah dari orang yang menganiaya diri sendiri.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Mu'minun Ayat 97-98

وَقُلْ رَبِّ أَعُوذُ بِكَ مِنْ هَمَزَتِ الشَّيَّاطِينِ ١٧ وَأَعُوذُ بِكَ رَبِّ أَنْ يَحْضُرُونَ ١٨

Maksudnya:

Wahai Tuhanku, aku berlindung kepada-Mu dari hasutan Syaitan-syaitan. Dan aku berlindung kepada-Mu, wahai Tuhanku, supaya Syaitan-syaitan itu tidak menghampiriku.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anbiya' Ayat 83

وَأَيُوبَكَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَفِي مَسَّنِ الْضُّرِّ وَأَنَّ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ ٨٣

Maksudnya:

Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, dan Engkau yang Maha Penyayang di antara para penyayang.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 8

رَبَّنَا لَا تُرِغِّ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ ٨

Maksudnya:

Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau memesangkan hati kami sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami, dan kurniakanlah kepada kami limpah rahmat dari sisi-Mu; sesungguhnya Engkau jualah Tuhan yang melimpah-limpah pemberian-Nya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf Ayat 126

وَمَا نَنْقِمُ مِنَّا إِلَّا أَنْءَمَنَا إِنَّا يَأْتِيَنَا رَبَّنَا لَمَّا جَاءَنَا أَفْرَغَ عَلَيْنَا صَبْرًا وَتَوَفَّنَا مُسْلِمِينَ ١٢٦

Maksudnya:

Wahai Tuhan kami, limpahkanlah kesabaran kepada kami, dan matikanlah kami dalam keadaan Islam (berserah bulat-bulat kepada-Mu).

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahqaf Ayat 15

وَوَصَّيْنَا إِلَيْا نَسَنَ بِوَلَدِيهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمْلُهُ وَفَصَلُهُ ثَلَاثُونَ  
شَهْرًا حَقًّا إِذَا بَلَغَ أَسْدَدُهُ وَبَلَغَ أَرْبَعِينَ سَنَةً قَالَ رَبِّ أَوْرُوزْعَنِي أَنَّ أَشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ  
عَلَيَّ وَعَلَى فَلِدَيَّ وَأَنَّ أَعْمَلَ صَلِحًا تَرْضِيهِ وَأَصْلِحَ لِي فِي ذُرِّيَّتِي إِنِّي بُشِّرْتُ إِلَيْكَ وَإِنِّي مِنَ  
**الْمُسَلِّمِينَ** ١٥

Maksudnya:

Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya bersyukur akan nikmat-Mu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal salih yang Engkau redhai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang Islam yang tunduk patuh kepadamu.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 147

وَمَا كَانَ قَوْلَهُمْ إِلَّا أَنَّ قَالُوا رَبَّنَا أَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَإِسْرَافَنَا فِي أَمْرِنَا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا وَأَصْرَنَا عَلَى  
**الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ** ١٤٧

Maksudnya:

Wahai Tuhan kami! Ampunkanlah dosa-dosa kami dan perbuatan kami yang melampau-lampau dalam urusan kami, dan teguhkanlah tapak perdirian kami (dalam perjuangan); dan tolonglah kami mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am Ayat 162

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ٦٢

Maksudnya:

Katakanlah: sesungguhnya ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah SWT tuhan yanh memelihara dan mentadbir sekalian alam.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Taubah Ayat 51

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَسْتَوْكِلَ كُلُّ الْمُؤْمِنُونَ ٥١

Maksudnya:

Katakanlah: Tidak sekali-kali akan menimpa Kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah SWT bagi kami. Dialah Pelindung kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah SWT jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah Ayat 201

وَمِنْهُمْ مَنْ يَقُولُ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠﴾

Maksudnya:

Wahai Tuhan kami; berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Kahfi Ayat 10

إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيْئَةً لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Wahai tuhan kami! kurniakanlah kami rahmat dari sisimu, dan berilah kemudahan-kemudahan serta pimpinan kepada kami untuk keselamatan agama kami.

Firman Allah SWT dalam Surah Ibrahim Ayat 40

رَبِّ أَجْعَلِنِي مُقِيمَ الْصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَبَّعَ دُعَائِهِ ﴿٤٠﴾

Maksudnya:

Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang, dan zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doaku.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah Ayat 286

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ تَسْيِنَا أَوْ أَحْطَكَنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتُهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَأَغْفِرْنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Maksudnya:

Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana yang telah engkau bebankan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kami, dan ampunkanlah kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; maka tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Saaffaat Ayat 180

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ﴿١٨٠﴾

Maksudnya:

Maha Suci Tuhanmu, Tuhan yang mempunyai keagungan dari apa yang mereka katakan!

## As-Sunnah:

Hadis Rasulullah SAW:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَيْرَ هَذَا الْيَوْمِ، وَخَيْرَ مَا بَعْدُهُ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ هَذَا الْيَوْمِ وَشَرِّ مَا بَعْدُهُ

Maksudnya:

Wahai Tuhanmu, aku pohon dariMu kebaikan hari ini, dan kebaikan hari mendatang. Dan aku berlindung dengan Engkau dari kejahatan hari ini dan kejahatan hari mendatang.

Hadis Riwayat Muslim

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya:

Dengan nama Allah SWT yang tidak mudarat dengan namanya segala sesuatu yang di bumi dan di langit. Dan Dia Maha mendengar lagi Maha Mengetahui.

Hadis Riwayat at-Tarmizi

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِي دِينِي وَدُنْيَايِ، وَأَهْلِي وَمَالِي، اللَّهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَاتِي، وَآمِنْ رَوْعَاتِي، اللَّهُمَّ احْفَظْنِي مِنْ بَيْنِ يَدَيِّ وَمِنْ خَلْفِي وَعَنْ يَمِينِي وَعَنْ شِمَالِي وَمِنْ فَوْقِي وَأَعُوذُ بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْنَىَ مِنْ تَحْتِي

Maksudnya:

Wahai Tuhanmu, aku pohon dariMu kefaianat di dunia dan di akhirat. Wahai Tuhanmu, aku pohon dariMu keampunan dan kesejahteraan dalam agama dan duniaku, keluargaku dan hartaku. Wahai Tuhanmu, tutupilah auratku dan amankarlah ketakutanku. Wahai Tuhanmu, peliharalahku dari hadapanku, dari sebelah kananku, dari sebelah kiriku, dari pihak atasku, dan aku berlindung dengan kebesaranMu dari aku diperlakukan oleh bawahku.

Hadis Riwayat Muslim

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ وَتَحْوُلِ عَافِيَّتِكَ وَفُجَاءَةِ (بَغْتَةِ) نِقْمَتِكَ وَجَمِيعِ سَخْطِكَ

Maksudnya:

Wahai Tuhanku, aku berlindung denganMu daripada kelenyapan nikmatMu, beralih keafiatanMu (daripada ku), kejutan kesengsaraan dan seluruh kemurkaanMu.

Hadis Riwayat Muslim

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي، وَأَصْلِحْ لِي دُنْيَايِي الَّتِي فِيهَا مَعَاشِيٌّ وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِيٌّ، وَاجْعَلْ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ، وَاجْعَلْ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ

Maksudnya:

Wahai Tuhanku, perbaikanlah bagiku agamaku yang ia merupakan pelindung urusanku. Perbaikilah bagiku duniku yang di dalamnya kehidupanku. Perbaikilah bagiku akhiratku yang padanya tempat kembaliku. Jadikanlah kehidupan ini suatu pertambahan bagiku dalam setiap kebajikan. Jadikanlah kematian itu suatu kerehatan bagiku dari setiap kejahatan.

Hadis Riwayat Muslim

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ طِبِّ الْقُلُوبِ وَدَوَائِهَا وَعَافِيَّةِ الْأَبْدَانِ وَشَفَائِهَا، وَنُورِ الْأَبْصَارِ وَضِيَائِهَا وَعَلَى آئِلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ

Maksudnya:

Wahai Tuhanku, rahmatilah ke atas Muhammad, penawar hati, penyembuh jiwa, penyihat tubuh, pengubat badan, penyuluhan mata hati dan sinarnya. Dan ke atas keluarganya dan para sahabatnya, serta Engkau berkati dan Engkau taburkan salam.

Hadis Rasulullah SAW

كَادَ الْفَقْرُ أَنْ يَكُونَ كُفْرًا

Maksudnya:

Hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufturan.

Hadis Riwayat at-Tobrani

Justeru itu saya beranggapan bahawa tanggungjawab menangani isu HIV/AIDS ini adalah tanggungjawab 'AMAR MAKRUF NAHI MUNKAR yang tidak boleh diabaikan para pemimpin agama, kerana gejala-gejala yang di bawa bersama oleh penyakit ini memberi impak yang buruk kepada kehidupan umat Islam itu sendiri.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran Ayat 104

وَلَئِنْ كُنْتُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٤﴾

Maksudnya:

Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan, dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah. Dan mereka yang demikian ialah orang yang berjaya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah Ayat 155 hingga 157:

وَنَبْلُوْنَكُمْ يَشَاءُ مِنَ الْخُوفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الْعَصَرِيْنَ ﴿١٥٥﴾ الَّذِينَ إِذَا أَصَبَّتْهُمْ مُصِّبَّةً قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِحُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهَمَّدُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya:

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar. Orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami kepunyaan Allah SWT dan kepada-Nyalah kami kembali. Mereka itulah orang yang dilimpahi dengan kebaikan dari Tuhan mereka serta rahmat-Nya; dan mereka itulah orang yang dapat petunjuk hidayah-Nya.

# MODUL 7

## PENGURUSAN JENAZAH

### MODUL 7 - PENGURUSAN JENAZAH

---

#### Tujuan

Modul ini bertujuan memberikan maklumat kesihatan yang tepat kepada para peserta dan menjelaskan prinsip Islam berhubung pengurusan jenazah untuk orang meninggal disebabkan AIDS.

#### TAJUK : 1 PROSEDUR BAGI PENGURUSAN JENAZAH PESAKIT AIDS

#### Objektif

Menjelaskan proses pengurusan jenazah bagi orang yang meninggal dunia disebabkan AIDS

#### Perkara Utama

Memandikan jenazah pesakit AIDS mengikut 'Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam dari Aspek Kesihatan' yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan

#### Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

1. Edarkan 'Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam dari Aspek Kesihatan' dan ulaskan perkara penting berhubung bagaimana memandikan jenazah orang yang meninggal disebakan AIDS.
2. Galakkan para peserta bertanya soalan berkaitan prosedur.

## Objektif

- Menjelaskan prinsip Islam yang diguna pakai untuk pengurusan jenazah orang yang meninggal dunia disebabkan AIDS.
- Menghuraikan peranan dan tugas orang Islam sebelum, semasa dan selepas kematian seseorang yang telah hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka.

## Perkara Utama

- Orang Islam bertanggungjawab ke atas saudara sel-slam ketika kematian sebagai sebahagian fardhu kifayah
- Orang Islam juga harus memberikan bantuan kepada orang yang hampir meninggal dunia disebabkan AIDS dan ahli keluarganya sebelum, ketika dan selepas kematian

### Aktiviti No 1 Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

- Bacakan kepada peserta ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan
- Buat tiga turus pada papan putih, dan kepada setiap satunya berikan tajuk Sebelum, Ketika dan Selepas Kematian
- Tanyakan kepada peserta apa yang mereka boleh lakukan untuk orang yang hidup dengan HIV/AIDS dan keluarga mereka dalam setiap keadaan, dan senaraikan cadangan mereka di atas papan putih atau carta selak. Berikan beberapa contoh yang berkaitan
- Edarkan maklumat yang disediakan pada mukasurat berikutnya sebagai kertas sebaran selepas selesai melaksanakan aktiviti ini.

### Aktiviti No 2 Yang Dicadangkan Untuk Bengkel

- Minta peserta berpecah kepada kumpulan kecil.
- Edarkan kajian kes pada mukasurat berikutnya kepada kumpulan-kumpulan tersebut. Terangkan kepada peserta bahawa kes-kes itu berdasarkan kepada pengalaman yang sebenar.
- Minta peserta gunakan prinsip Islam yang dibincangkan dalam Aktiviti no 1 sebagai panduan bagi mencadangkan jalan penyelesaian bagi masalah-masalah yang dipaparkan dalam kes-kes tersebut.
- Minta cadangan untuk menyediakan Peraturan Perlakuan atau Tingkah Laku sebagai panduan untuk digunakan oleh orang Islam apabila berlaku kematian seseorang Islam disebabkan AIDS.
- Dapatkan maklum balas daripada setiap kumpulan dan bincangkan maklum balas yang mereka berikan.

### Hadis Yang Berkaitan Dengan Pengurusan Jenazah

Hadis Rasulullah SAW

**حَقُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ خَمْسٌ: رَدُّ السَّلَامِ، وَعِيَادَةُ الْمَرِيضِ، وَاتِّبَاعُ الْجَنَائِرِ، وَإِجَابَةُ الدَّعْوَةِ، وَتَشْمِيمُتُ الْعَاطِسِ .**

Maksudnya:

Hak seorang Muslim terhadap sesama Muslim ada lima perkara – menjawab salam, melawat orang sakit, menghantar jenazah, menghadiri undangan dan mendoakan orang bersin jika mengucap Alhamdulillah dengan ucapan Yarhamukallah.

Hadis Riwayat al-Bukhari

Hadis Rasulullah SAW

"مَنِ اتَّبَعَ جَنَازَةً مُسْلِمٍ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، وَكَانَ مَعَهُ حَتَّى يُصَلَّى عَلَيْهَا، وَيَفْرُغَ مِنْ دَفْنِهَا، فَإِنَّهُ يَرْجِعُ مِنَ الْأَجْرِ بِقِيرَاطَيْنِ، كُلُّ قِيرَاطٍ مِثْلُ أَحَدٍ، وَمَنْ صَلَّى عَلَيْهَا ثُمَّ رَجَعَ قَبْلَ أَنْ تُدْفَنَ فَإِنَّهُ يَرْجِعُ بِقِيرَاطٍ".

Maksudnya:

Barangsiapa menghantarkan jenazah seorang muslim dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran pahala, dia berada bersama jenazah hingga ia disembahyangkan hingga dikebumikannya, maka baginya pahala dua qirat dan setiap qirat itu besarnya macam gunung Uhud, jika dia hanya menyembahyangkannya sahaja, kemudian dia pulang sebelum jenazah dikebumikan, maka baginya pahala satu qirat.

Hadis Riwayat al-Bukhari.

## Sebelum Kematian

- Melawat orang yang hidup dengan HIV/AIDS di rumah perlindungan atau di hospital untuk memberi kata-kata perangsang dan harapan

Hadis Rasulullah SAW

الْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ

Maksudnya:

Setiap kalimah yang baik itu adalah sedekah

Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim

- Memulihkan silaturrahim orang yang hidup dengan HIV/AIDS dengan keluarganya jika dia telah tersisih atau dipulaukan
- Membantu menguruskan hutang piutang orang yang hidup dengan HIV/AIDS
- Membantu dalam pengurusan keluarga orang yang hidup dengan HIV/AIDS, terutamanya jika dia akan meninggalkan anak yatim atau janda yang memerlukan bantuan kewangan dan sokongan moral untuk meneruskan kehidupan
- Membantu orang yang hidup dengan HIV/AIDS memenuhi hajatnya untuk meminta maaf daripada sesiapa yang dia ingin pohon kemaafan sebelum meninggal dunia
- Membantu orang yang hidup dengan HIV/AIDS beristighfar dan bersedia untuk ke alam barzakh

## Semasa Kematian

- Upacara pengkebumian adalah Fardu Kifayah bagi orang Islam
- Ini bermaksud bahawa jika tiada seorang daripada masyarakat Islam yang menguruskan jenazah setelah berlakunya kematian orang Islam di kalangan mereka, maka seluruh masyarakat itu akan memikul beban dosa kerana gagal menunaikan tuntutan fardu kifayah. Islam sama sekali tidak mengamalkan diskriminasi umatnya, samada semasa hidup atau mati
- Selepas orang yang hidup dengan HIV/AIDS menghemus nafasnya yang terakhir, cara menguruskan jenazahnya berpandukan kepada 'Garis Panduan Pengurusan Jenazah Islam dari Aspek Kesihatan'
- Yang pentingnya, HIV tidak akan hidup lama setelah orang yang hidup dengan HIV/AIDS meninggal. HIV amat lemah di luar badan dan akan musnah dengan cepat – ia hanya boleh hidup dan membiak di dalam tubuh yang hidup

## Selepas Kematian

- Selepas kematian, keluarga orang yang hidup dengan HIV/AIDS kemungkinan merana disebabkan keperitan seperti stigma(prasangka buruk) dan diskriminasi oleh masyarakat, beban hutang perubatan orang yang hidup dengan HIV/AIDS ataupun kerana mereka telah dijangkiti HIV daripada orang yang hidup dengan HIV/AIDS.
- Kerja sokong bantu amat diperlukan oleh mereka, dan pemimpin Islam boleh memainkan peranan besar untuk memberi penawar dan harapan untuk meneruskan kehidupan,

Firman Allah SWT dalam Surah al-Ra'd Ayat 28

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا يَذِكُّرُ اللَّهُ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ  
٢٨

Maksudnya :

laitu orang yang beriman dan tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketauhilah! Dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Qasas Ayat 77

وَابْتَغِ فِيمَا إِنْتَ كَـ أَنَّ اللَّهَ الْدَّارُ الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنْ كَـ مَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الفَسَادَ  
فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ  
٧٧

Maksudnya:

Dan tuntutlah Dengan harta kekayaan Yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah Engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatnya Yang melimpah-limpah); dan janganlah Engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang Yang berbuat kerosakan.

## TAJUK 3 : KAJIAN KES

### Kajian Kes 1

Mamat ialah seorang budak lelaki berumur 12 tahun. Bapa Mamat meninggal dunia disebabkan AIDS. Sebelum kematianya, dia menguruskan sebuah kedai runcit di sebuah pekan kecil dan dijangkiti HIV menerusi hubungan luar nikah dengan seorang wanita yang HIV positif. Apabila bapa Mamat meninggal dunia, semua orang dalam pekan itu mengetahui tentang hubungan sulitnya dan mengetahui juga yang dia meninggal dunia disebabkan AIDS. Ketika bapanya sedang nazak, ibunya sudahpun menggunakan semua wang simpanan bapanya untuk membeli ubat yang boleh memanjangkan hayat bapanya. Apabila bapa Mamat meninggal dunia, tidak ada sesiapa dari masjid tempatan ataupun ahli masyarakat itu yang mahu memandikan jenazahnya atau menguruskan pengebumian dan mendoakannya kerana mereka terlalu takut dijangkiti HIV. Mamat terpaksa menolong ibunya memandikan, membaca Yassin dan mengebumikan ayahnya.

Mamat tidak faham mengapa tidak ada sesiapa yang ingin membantu mengebumikan bapanya, dan mengalami tekanan emosi yang hebat dan juga merasa terasing. Apabila Mamat kesekolah pada minggu yang berikutnya, semua kawannya mengejeknya dan mempersendakan bapanya kerana mereka tahu yang dia meninggal dunia disebabkan AIDS. Salah seorang daripada mereka, Zulkifli, telah berjumpa Mamat dan memberitahunya bagaimana dan mengapa bapanya meninggal dunia. Zulkifli berkata tiada siapa mahu mengebumikan bapanya kerana bapanya adalah kawan Syaitan dan sesiapa yang menanam bapanya akan dirasuk. Kawannya juga memberitahu semua orang supaya menjauahkan diri daripada Mamat kerana dia membantu mengebumikan ayahnya dan sesiapa yang bermain dengannya juga akan dirasuk.

## Kajian Kes 2

Tajuddin ialah anak seorang imam dari sebuah kampung. Dia juga seorang mak nyah. Dia dibuang oleh keluarganya yang tidak dapat menerima seorang mak nyah sebagai mak nyah. Untuk menyara hidupnya, Tajuddin menjalankan perniagaan mendandan rambut dan menguruskan sebuah salun kecantikan di bandar. Beliau hanya mendapat sokongan emosi daripada mak nyah yang lain, dan mereka hidup bersama dalam sebuah komuniti.

Tajuddin menjadi murung dan mula mengambil dadah secara suntikan. Tidak lama kemudian dia di jangkiti HIV kerana berkongsi jarum yang dicemari HIV. Apabila penyakitnya tenat disebabkan AIDS, kawan-kawannya memberitahu bapa Tajuddin tentang keadaan Tajuddin dan memintanya melawat Tajuddin untuk kali terakhir. Bapa Tajuddin enggan menziarahinya.

Apabila Tajuddin meninggal dunia tidak lama selepas itu, kawan-kawannya sekali lagi memaklumkan bapanya dan memintanya menguruskan pengebumian jenazah Tajuddin. Sekali lagi bapanya menolak. Pengebumian diuruskan oleh golongan mak nyah itu sahaja, kerana tidak ada orang lain ingin memandikan ataupun menyembahyangkan jenazah Tajuddin.

### Syor Dan Cadangan

1. Meningkatkan kesedaran dan mengurangkan stigma (prasangka buruk) dan diskriminasi kepada arwah dan keluarga.
2. Memberi penerangan kepada pengendali pengurusan jenazah.
3. Memastikan pengurusan jenazah dilaksanakan dengan cara yang terbaik.

# MODUL 8

## PELAN TINDAKAN

### **MODUL 8 - PELAN TINDAKAN**

---

#### Tujuan

Modul ini bertujuan membekalkan kerangka bagi pelan tindakan menangani gejala HIV/AIDS yang perlu dilakukan dilaksanakan selepas bengkel latihan.

#### Objektif

1. Membuat deklarasi tentang komitmen untuk membendung jangkitan HIV di Malaysia
2. Menyampaikan sebuah pelan tindakan untuk menangani isu yang berkaitan dengan HIV/AIDS

#### **Aktiviti Yang Dicadangkan Untuk Bengkel**

---

1. Minta peserta mengambil sedikit masa untuk memikir cara-cara mereka boleh memainkan
2. peranan dalam membendung wabak HIV/AIDS di Malaysia.
3. Berikan peserta contoh-contoh Pelan Tindakan Peribadi / kumpulan
4. Minta peserta berpecah kepada kumpulan-kumpulan kecil. Minta setiap peserta menulis sebuah Pelan Tindakan Peribadi dengan sebanyak mungkin cara-cara yang mampu dilaksanakan sebagai individu. Minta setiap peserta berkongsi Pelan tersebut dengan ahli kumpulan yang lain.
5. Seterusnya, minta peserta mengambil sedikit masa untuk memikir dan memilih satu isu HIV/AIDS yang mereka ingin menangani, pada tahap profesional.
6. Berikan peserta sekeping kertas dan minta mereka menulis isu yang dipilih dan komitment mereka untuk menangani isu tersebut. Beritahu peserta yang mereka akan membacakan komitment mereka kepada semua peserta yang lain dalam kumpulan mereka.
7. Minta peserta bacakan komitment mereka. Sebarkan lembaran kerangka Pelan Tindakan yang dilampirkan dan minta semua kumpulan membincangkannya. Beritahu peserta yang Pelan Tindakan Profesional tidak perlu
8. Mengandungi cadangan yang besar atau yang susah untuk dicapai, tetapi cadangan yang mampu dilaksanakan oleh peserta itu sendiri.
9. Minta peserta berkongsi pelan tindakan mereka dengan peserta yang lain dalam kumpulan mereka.
10. Minta semua peserta berkumpul bersama semula, dan minta peserta berkongsi pelan tindakan peribadi dan profesional mereka kepada semua peserta yang lain secara sukarela.
11. Tuliskan intipati bagi setiap pelan tersebut di atas papan tulis. Ucapkan tahniah kepada setiap peserta yang menyumbang.

## **Contoh-Contoh Aktiviti Peribadi**

---

1. Bercakap dengan isteri atau anak-anak anda mengenai HIV/AIDS
2. Membaca rencana/maklumat mengenai HIV/AIDS setiap minggu
3. Mengajak sekumpulan remaja ke masjid untuk berbincang mengenai HIV/AIDS sebulan sekali
4. Menghadiri ceramah/majlis berhubung isu-isu HIV/AIDS setiap 3-6 bulan
5. Membuat salinan maklumat yang terdapat dalam modul-modul dan mempamerkan maklumat itu di masjid, pejabat atau di sekolah anak anda
6. Bercakap mengenai HIV/AIDS semasa khutbah Jumaat
7. Mengajak pegawai dari Kementerian Kesihatan untuk memberi ceramah mengenai HIV/AIDS kepada jemaah masjid
8. Melawat ke wad-wad di hospital yang menjaga pesakit HIV/AIDS dan menolong orang yang nazak dengan AIDS untuk bertenang dalam menghadapi maut
9. Memberi makanan kepada pengguna dadah di jalanan untuk menghampiri mereka dengan dakwah.
10. Memberi kelas pengajian agama kepada pelacur atau mak nyah.

## **Soalan Bimbingan Merangka Sebuah Pelan Tindakan Menangani HIV/AIDS**

---

1. Apakah isu HIV/AIDS yang ingin anda menangani?

---

2. Apakah matlamat anda berkenaan isu tersebut?

---

3. Kepada kelompok masyarakat yang manakah patut anda memberi fokus untuk menangani isu ini, jika perlu?

---

4. Adakah anda melakukan apa-apa buat masa sekarang untuk menangani isu ini?

---

5. Kalau ya, adakah ia berkesan?

---

6. Jika tidak, (untuk soalan 5), apakah cara lain yang boleh digunakan?

---

7. Jika tidak, (untuk soalan 4), apakah yang anda patut lakukan sekarang?

---

8. Apakah jenis sokongan yang anda perlukan untuk mencapai matlamat anda? Jika kos atau peruntukan menjadi masalah, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan dengan percuma atau kos yang minima?

---

## Pelan Tindakan

### Intisari:

- Ia merupakan hasil perbincangan ketua-ketua masyarakat bagaimana mengatasi isu atau masaalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat.
- Perlu fokus kepada kumpulan sasaran yang dimaksudkan.
- Berasaskan kemampuan diperingkat individu dan jabatan berkenaan.
- Sebaik-baiknya ia mampu dilaksanakan secara berdikari tanpa bergantong kepada orang lain.

### Aktiviti yang disarankan perlu menjelaskan:

- Bagaimana ia hendak dilaksanakan,
- Siapa yang bertanggung jawab,
- Bila hendak dimulakan,
- Tempoh masa perlaksanaan dan
- Berapa kali hendak dilaksanakan.

## CONTOH 1

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Plan Tindakan		
		Aktiviti dan bagaimana dilaksanakan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/masa perlaksanaan
Tidak tahu AIDS/HIV	Ahli Qariah Masjid	Perbincangan dan taklimat	Imam	Setiap hari
Keluarga Pesakit Terbiar	Ibu tunggal dan keluarga	Ziarah, bantuan dan kaunseling	Imam dan AJK masjid	Setiap minggu
Tidak tahu HIV/AIDS dan amalkan seks bebas dan menagih dadah	Para belia/ remaja/ pengambil dadah	Ceramah, kem remaja/belia.	PIBG dan Imam	Setiap 4 bulan
Masyarakat tidak tahu bahaya AIDS/HIV	Anggota masyarakat	Ceramah, kem perubatan, khutbah nikah, khutbah jumaat	Jakim dan Imam Sukarelawan	Setiap 6 bulan
Rakan/keluarga tidak tahu bahaya HIV/AIDS	Kawan-kawan ODHA	Ceramah dan pameran	Ketua Masyarakat/ Agama	Setiap 3 bulan
Ketiadaan tempat berlindong	Mangsa AIDS cth: Ibu tunggal & anak-anak	Wujudkan tempat berlindong di kampong/bandar	Imam dan sukarelawan	1 tahun
Pesakit HIV terbiar	Penghidap HIV/AIDS	Ziarah dan kaunseling	Imam dan sukarelawan	Setiap minggu

## CONTOH 2

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Aktiviti dan bagaimana dilaksanankan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/masa perlaksanaan
Tiada tempat perlindungan yang khusus bagi ODHA,	ODHA	Mewujudkan rumah persinggahan dikampung yang boleh menempatkan orang-orang tua dan atau ODHA.	Imam /Ketua Kampung/ Peg Kebajikan. Baitulmal	1 tahun
Mangsa dari kalangan Ibu tunggal dan anak-anak yatim tiada tempat perlindungan.	Ibu tunggal dan anak yatim. yg menghidapi AIDS	Mewujudkan rumah persinggahan ibu tunggal dinegeri yang boleh menempatkan orang-orang ibu tunggal. Integrasi dengan NGO setempat.	Imam/NGO Pegawai Kebajikan Masyarakat/ BAITULMAL	1 tahun Segera mungkin
Remaja terlibat dengan gejala berisiko tinggi	Remaja berisiko tinggi	Aturkan aktiviti sihat untuk remaja bersukan secara Islam dalam bentuk khemah ibadat, perniagaan,	Imam/ Jabatan Belia Negeri, MAIS	
Remaja tiada maklumat mengenai bahaya aktiviti berisiko tinggi	Remaja disekolah menengah	Ceramah dan taklimat di semua sekolah sekitar mesjid berkenaan	Imam, PIBG	Sekurang-kurangnya satu taklimat / sekolah

## CONTOH 3

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Aktiviti dan bagaimana dilaksanankan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/ masa perlaksanaan
Penagih dadah tidak peka tentang bahaya penagihan dadah seperti HIV/AIDS	Penagih dadah remaja	1.Taklimat tentang AIDS/HIV dan bagaimana boleh dielakkan. 2.Taklimat tentang peluang kehidupan yang lebih cerah bagi remaja yang berjaya dalam pelajaran dan mempunyai kemahiran.	Pegawai Kesihatan./ NGO/ Pegawai Agama	Bulan Julai dan setiap 4 bulan sekali
Keluarga penagih dadah hidup terbiar seperti tempat pembuangan sampah	Keluarga penagih dadah	Memohon Pejabat Kebajikan Negeri untuk mewujudkan rumah-rumah murah untuk kumpulan tertentu. Bergotong royong untuk bina rumah	Kebajikan Masyarakat/ NGO/Baitulmal Pemimpin masyarakat.	Dalam masa 6 bulan – 1 tahun.

#### CONTOH 4

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Aktiviti dan bagaimana dilaksanankan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/masa perlaksanaan
Dadah	Golongan Remaja	-Sukan dan Penerangan -Motivasi	Ketua Kampung, Imam, AJK Masjid, AADK, Polis	Mingguan
HIV/AIDS	Penagih/ Pesakit AIDS /Keluarga	Penerangan / Masjid/ Dewan Balai Raya	Fasilitator Kesihatan	Bulanan
Ponteng sekolah	Pelajar dan Keluarga Yang Bermasalah	Lawatan Sambil Belajar dan Kaunseling	PIBG, Guru, Ibu Bapa Dan AJK masjid	Berkala 4 kali setahun
Sosial	Remaja dan Keluarga yang berisiko tinggi	Rakan Masjid / Khidmat Sosial Sukan/ Penerangan / Forum Perdana	AJK Masjid, Polis, AADK, Kebajikan Masyarakat JKM	Berkala 4 kali setahun
Mat Rempit	Remaja dan Pelajar Yang Bermasa-lah	Konvoi Berkhemah	Persatuan Belia, AADK, Polis, Guru, AJK Masjid	Berkala 4 kali setahun

#### CONTOH 5

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Aktiviti dan bagaimana dilaksanankan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/ masa perlaksanaan
Penyalahgunaan Dadah	Masyarakat setempat	Penerangan, Forum,Pameran, Sukan	Imam, AADK, Polis,KKM	2 bulan sekali bermula Julai
Pengedar Dadah		Lapor pada pihak berkuasa		
Disyaki Penagih	Dewasa dan Remaja Remaja	Mendekati Keluarga Yang Terlibat, Kem Remaja, Menjadikan Keluarga Angkat	Majlis Belia 4B, JKM, NGO	Sebulan Sekali
Penghidap HIV	Kanak-Kanak Ibu Tunggal	Kaunseling HIV, Daftar Bilangan Penghidap, Kerjasama AADK, Pertubuhan Masyarakat Prihatin	AJK Masjid, AADK, Berpengaruh Dalam Masyarakat	2 kali sebulan minggu satu dan tiga
Pergaulan Bebas Khalwat	Remaja Kampung dan Pelajar sekolah	Ceramah Umum Di Masjid, Khutbah Khas/ Nikah, Kaunseling bersama keluarga yang terlibat,	Imam, Ibu Bapa, Pihak Sekolah, JHEAIK,	Sebulan Sekali Minggu Keempat
Gay/Homoseks/ Lesbian	Pelajar sekolah dan Remaja	Kaunseling kesedaran, Aktiviti Lasak, Khutbah, Poster.	-JHEAIK -AJK Masjid -Pengawal	2 kali setahun

## CONTOH 6

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Aktiviti dan bagaimana dilaksanankan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/ masa perlaksanaan
Samseng Jalanan	Remaja	Sukan Anjuran Masjid	-Imam dan -AJK Masjid Ahli Kariah	1 Hari 2 Bulan sekali
Pecah Rumah	Belia	-Sukarelawan -Kawalan Keselamatan -Menyediakan Pondok Kawalan	-PPM -Polis -JKK	Setiap Malam
Keruntuhan Rumahtangga	Suami Isteri	-Mengadakan Kempen Kesedaran (Rumahku Syurgaku) -Kursus Rumahtangga Bermasalah -Merujuk Model Sahabat Nabi	Imam Masjid	2 tahun sekali
Ponteng sekolah	Pelajar Yang Bermasalah	-Perkhemahan -Kem Motivasi	-Guru -Pakar Kaunseling/ Motivasi	2 kali setahun
Pergaulan Yang Bebas	Remaja	-Memaksimumkan pendedahan ilmu-ilmu agama dan Pelajaran yang bersesuaian perlu diberi keutamaan -Kursus Keibubapaan	-Ibu Bapa -Guru -Orang Kampung	3 Bulan Sekali

## CONTOH 7

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Aktiviti dan bagaimana dilaksanankan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/ masa perlaksanaan
Penagih Dadah	Ahli Kariah Masjid	-Ceramah Kesihatan -AADK -Majlis AIDS Malaysia -Polis -NGO	-Imam -AJK -Penghulu	3 Bulan
Rempit	Remaja Bermasalah	-Kem Motivasi -NGO	-Imam -Pengawa -Imam	Julai Oktober Disember
Sumbang Mahram	Keluarga	-Pusat Pemulihan -Kaunseling Islam	-Penghulu -Polis	Tindakan Segera
Seks Bebas	Remaja Yang Terlibat, Ahli Kariah Ibu Bapa	Ceramah, Khutbah Jumaat, Khutbah Nikah	-Imam -Ajk -Penghulu Dan Polis	Tindakan segera 2 bulan sekali
Ponteng sekolah	Pelajar bermasalah	-Mesyuarat -PIBG -Polis	-Imam -Penghulu Sekolah	4 Bulan sekali

## CONTOH 8

Isu yang dihadapi	Fokus Utama	Aktiviti dan bagaimana dilaksanankan	Siapa bertanggungjawab	Tempoh/ masa perlaksanaan
Ponteng Sekolah	Remaja/ Pelajar Sekolah	-Kenal Pasti Kumpulan Sasaran -Buat Perjumpaan, -Penerangan, -Kaunseling -Lawatan Rumah Kerumah -Pemantauan -Solat Hajat Setiap Minggu (Aktiviti Tambahan) -Tarbiyah Persekolahan yang betul – peraturan rotan (Aktiviti Tambahan)	-Guru, -Polis -PIBG  -Penggawa -Penghulu -Imam, -Jawatan-kuasa, -AADK -Pihak Agama -Wakil Rakyat	2 Bulan sekali secara Berkala
Ketagihan Dadah	Remaja dan Dewasa			
Lepak / Kurang Berminat pada Agama	Remaja dan Dewasa			
Merokok	Pelajar Sekolah			
Mat Rempit	Remaja Dan Ibu Bapa	-Memperbaiki kempen Anti Merokok (Aktiviti Tambahan)		

## LAMPIRAN

### PANDUAN BAGAIMANA HENDAK MENJALANKAN AKTIVITI

1. Jawatankuasa masjid atau kariah diwujudkan/ diaktifkan satu j/k baru (ad-hoc).
  - Wujudkan kesedaran dikalangan jawatankuasa masjid oleh imam yang telah menghadiri kursus.
  - Memberi penerangan kepada ahli kariah yang lain mengenai aktiviti yang akan dilaksanakan.
  - Penerangan oleh imam kpd ajk tentang aktiviti dan perlaksanaan atau minta bantuan dari jab/majlis/ jakim/MAC yang berkaitan.
2. Ajk merancang bentuk aktiviti yang hendak dilaksanakan samada dalam bentuk;
  - Ceramah,
  - Perbincangan,
  - Dialog,
  - dakwah bil hal ,
  - perjumpaan tertutup dengan keluarga yang terlibat.
3. Mengumpul data dan membuat analisa tentang isu yang akan diambil tindakan dan aktiviti yang hendak dicadangkan. Contoh;
  - Bilangan ibu tunggal yang ada dalam kariah
  - Bilangan penagih dadah
  - Bilangan pesakit HIV
  - Bilangan OKU,
  - Bilangan belia/remaja bermasalah dsb
4. Merancang keperluan kewangan untuk melaksanakan aktiviti;
  - Memohon dari Baitul Mal/ADUN /Ahli Parlimen/JKN/JKKK/MAM/ UNESCO/ tabung masjid
5. Merancangkan aktiviti secara terperinci;
  - Rangka kertas kerja
  - Memilih aktiviti/program mengikut keutamaan
  - Tumpuan kepada kumpulan sasaran
  - Pemilihan tarikh/masa/tempat perlaksanaan
  - Urusetia/fasilitator
  - Peruntukan kewangan
  - Menentukan siapa yang bertanggungjawab
6. Proses pelaksanaan
7. Tindakan susulan dan penambahbaikan
  - Tinjauan kepada kumpulan sasaran dan isu yang berlainan mengikut keutamaan
8. Laporan kepada pihak atasan;
  - JAIN/JAKIM/Majlis Agama/Baitul Mal
  - KKM/JKN
  - ADUN/Ahli Parlimen
  - MAM

## Senarai Pertubuhan NGO Di Malaysia Yang Menyediakan Perkhidmatan Berkait HIV/AIDS

### **Majlis AIDS Malaysia (MAM)**

MAC ialah pertubuhan bukan kerajaan yang menyelaraskan aktiviti pendidikan AIDS , penjagaan serta sokongan untuk penghidap HIV/AIDS oleh 42 gabongan pertubuhan bukan kerajaan (yang disenaraikan di bawah)

No. 12, The Boulevard Shop Office, Jalan 13/48A,  
Off Jalan Sentul, 51000 Kuala Lumpur  
Tel: 03-4045 1033  
Faks: 03-4042 6133  
Laman web: <http://www.mac.org.my>

### **AIDS Action & Research Group, (AARG) Pulau Pinang**

Dianggotai oleh pensyarah dan penyelidik Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Menjalankan kempen kesedaran, seminar/bengkel, kursus latihan, penyelidikan dan kaunseling untuk penduduk di wilayah utara Semenanjung Malaysia.

AIDS Action and Research Group  
Sekolah Sains Sosial, Universiti Sains Malaysia,  
11800 Pulau Pinang  
Tel/Faks: 04-656 5984/5  
E-mel: [aargusm@po.jaring.my](mailto:aargusm@po.jaring.my)  
Laman web: [www.usm.my/social/research/aarg](http://www.usm.my/social/research/aarg)

### **Majlis Peguam**

Majlis Peguam terlibat dalam Jawatankuasa Kecil Undang-undang dan Etika, Majlis AIDS Malaysia, Klinik Bantuan Undang-undang dan memberi khidmat guaman perseorangan dalam isu HIV/AIDS.

Majlis Peguam  
No. 5 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 2691 1366/698/367/512/312  
Faks: 03 – 2691 2439/291 4316  
E-mel: [cateu@po.jaring.my](mailto:cateu@po.jaring.my)  
Laman web: [www.Bar-MAL.com.my\Bar-MAL](http://www.Bar-MAL.com.my\Bar-MAL)

### **Buddhist Missionary Society (BMSM), Malaysia**

Menganjurkan seminar/bengkel HIV/AIDS untuk mengukuhkan kefahaman masyarakat Buddha tentang pandemik HIV AIDS

Buddhist Maha Vihara, 123 Jalan Berhala,  
Off Jalan Tun Sambanthan, 50470 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 2274 1886/03 – 2273 0150  
Faks: 03 – 2274 1245/03 – 2273 3835  
E-mel: [bmsm@po.jaring.my](mailto:bmsm@po.jaring.my)

### **Majlis Belia Malaysia**

Menggalakkan penglibatan golongan muda dalam kerja kemasyarakatan. Maklumat HIV/AIDS disebarluaskan melalui pelbagai aktivitinya.

Majlis Belia Malaysia  
C/o Pusat Belia Antarabangsa, Jalan Tenteram,  
Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 973 2761/63  
Faks: 03 - 973 2759  
E-mel: [mbm@tm.net.my](mailto:mbm@tm.net.my)

### **Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga Malaysia (FFPAM)**

Menyediakan Modul AIDS/STD untuk Pendidikan Kehidupan Berkeluarga. Seminar, ceramah, bengkel, kem belia dan lain-lain aktiviti yang dianjurkannya untuk golongan belia.

Persekutuan Persatuan Perancang Keluarga Malaysia  
81-B Jalan SS-11/5A, 47500 Subang Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 – 5633 7514/516/528  
Faks: 03 - -5634 6638  
E-mel: [ffpam@po.jaring.my](mailto:ffpam@po.jaring.my)  
Laman web: <http://www.ffpam.org.my>

### **Malaysian CARE**

Menyediakan khidmat sokong bantu untuk pengguna dadah melalui program Khidmat Pemulihan Dadah dan Penjara dan juga melalui Drop-In Centre.

#### **Malaysian CARE**

Pusat Kebajikan Good Shepherd, Lot 389 8.8 km Jalan Hulu Kelang, 68000 Ampang Selangor  
Tel: 03 – 4256 8715 (Sekretariat)  
Faks: 03 – 4251 4044  
E-mel: mcare@po.jaring.my  
Laman web: [www.mcare.org.my](http://www.mcare.org.my)  
Drop-In Centre

### **Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA)**

terlibat dalam pendidikan, meningkatkan kesedaran dan kaunseling HIV/AIDS. Menganjurkan kem pembangunan dan pengembaraan remaja bagi membantu menjalani cara hidup sihat.

Persatuan Kesihatan Mental Malaysia  
No. 8 Jalan 4/33, Off Jalan Othman,  
46000 Petaling Jaya, Selangor  
Tel: 03 – 7782 5499/7783 5432  
Faks: 03 - 7783 5432  
E-mel: mmha@tm.net.my  
Laman web: [www.drivenit.com.mmha](http://www.drivenit.com.mmha)

### **Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)**

Mendidik dan menyediakan maklumat terkini kepada komuniti perubatan berhubung perkembangan terkini kajian HIV/AIDS

Persatuan Perubatan Malaysia  
Tingkat 4, Bangunan MMA, 124 Jalan Pahang,  
5300 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 4041 8972/4041 1375/4043 1743  
Faks: 03 – 4041 8187/ 03 – 4043 4444  
E-mel: mma@tm.net.my  
Laman web: [www.mmw.org.my](http://www.mmw.org.my)

### **Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia**

Melakukan aktiviti kesedaran tentang HIV/AIDS di kalangan belia, golongan muda

Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia  
No.32 Jalan Nipah, Off Jalan Ampang,  
55000 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 4257 8122  
Faks: 03 - 4257 9867/ 03 – 4253 3191  
E-mel: mesc@po.jaring.my  
Laman web: <http://www.redcrescent.org.my>

### **National Therapy Centre (NTC) AIDS Service Centre**

Khidmat rawatan alternatif, kaunseling, ceramah dan kursus berhubung HIV/AIDS.

NTC AIDS Service Centre  
17 Jalan Perisa, Happy Garden, 58200 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 7982 0996  
Faks: 03 – 7981 3378  
E-mel: karsim@pc.jaring.my

### **Persatuan Pengasih Malaysia PENGASIH**

mengendalikan program pemulihan dadah / penjagaan harian berdasarkan konsep komuniti terapeutik.

Rumah Pengasih  
3201-A Jalan Syers Off Langgak Tunku, Bukit Tunku,  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 6201 3179  
Faks: 03 – 6201 3013  
E-mel: [www.pengasih.net](http://www.pengasih.net)

### **Persatuan Perubatan Islam Malaysia**

Dianggotai doktor, jururawat, paramedik dan pelajar perubatan Islam, telah menuahkan rumah persinggahan "Rumah Soleha" untuk wanita positif HIV pada Jun 1998.

Persatuan Perubatan Islam Malaysia  
C/o Musa Baby & Child Clinic Sdn Bhd, Damansara Specialist Hospital, Suite G-12A Tingkat Bawah,  
119 Jalan SS20/10, Damansara Utama,  
47400 Petaling Jaya  
Tel/faks: 03 – 7729 3173  
E-mel: abdhaq@pl.jaring.my/jeffrey@mail.hukm.ukm.my  
Laman web: <http://www.ppim.org.my>

### **PT Foundation (Pink Triangle)**

Terlibat dalam kerja Kaunseling, pendidikan HIV/AIDS, sokong-bantu dan kerja Outreach untuk untuk penagih dadah, pelacur dan transkseksual. mempunyai pusat harian (IKHLAS) yang menyediakan maklumat tentang AIDS, penjagaan perubatan asas, perlindungan sementara dan pemakanan.

PT Foundationn, 7C-1 Tingkat 1, Jalan Ipoh Kecil,  
Off Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 4044 4611  
Faks: 03 – 4044 4622  
E-mel: isham@pop7.jaring.my  
E-mel kehidupan positif: plbaru@hotmail.com

**St John Ambulans Malaysia**

Terlibat dalam program endidikan tentang HIV/AIDS.  
St John Ambulan Malaysia  
41 Jalan Shelley, 55100 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 985 1576  
Faks: 03 – 983 8075

**Kuala Lumpur AIDS Support Services (KLASS)**

Menyediakan khidmat sokongan untuk individu dijangkiti dan terjejas HIV/AIDS.  
No. 55 Jalan 3/18C, Taman Mastiara,  
Jalan Ipoh Batu 51/2, 50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 6253 2684 Faks: 03 – 6253 1076

**Tenaganita Sdn. Bhd.**

Pertubuhan pekerja wanita yang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk wanita dan pekerja asing di ladang dan kilang, serta khidmat sokongan untuk pelacur, rumah persinggahan untuk wanita positif HIV dan kaunseling.

Tenaganita Sdn Bhd  
Blok A Tingkat 111, Wisma Yakin, Jalan Masjid India,  
50100 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 2691 3691/81  
Faks: 03 – 2691 3681  
E-mel: tenaganita@advocalist.org

**Pertubuhan Perkhidmatan Komuniti Kasih Sayang, Kuala Lumpur**

42 Tingkat 3, Jalan Penchala, 46050 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03 – 77842211/3  
Faks: 03 - 77843212  
E-mel: helpccs@tm.net.my

**Pertubuhan Wanita dan Kesihatan Kuala Lumpur (WAKE)**

Menguruskan rumah perlindungan untuk wanita dan kanak-kanak yang menghadapi masalah pemberian termasuk penyakit kelamin dan HIV/AIDS.

Pertubuhan Wanita dan Kesihatan Kuala Lumpur  
Tingkat 7, Wisma Kraftangan, Jalan Tun Perak,  
50050 Kuala Lumpur  
Tel: 03 – 2692 6861  
Faks: 03 – 2692 6877

**Pertubuhan Komuniti Intan, Teluk Intan (Intan Dropin Society)**

No. 6A & 7A Tingkat 3 Kompleks Aik-Aik,  
Jalan Mahkota, Peti Surat 243,  
36000 Teluk Intan  
Perak Darul Ridzuan  
Tel: 05 – 621 9032  
Faks: 05 – 621 6162

**Senarai Laman Web Yang Menyediakan Maklumat Berkaitan HIV/AIDS**

1. [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my) untuk Kementerian Kesihatan Malaysia
2. [www.mac.org.my](http://www.mac.org.my) untuk Majlis AIDS Malaysia
3. [www.unaids.org](http://www.unaids.org) untuk Joint United Nations Program on AIDS
4. [www.cdc.org](http://www.cdc.org) untuk Centre for Disease Control, Amerika Syarikat
5. [www.unicef.org](http://www.unicef.org) untuk United Nations Children's Fund
6. [www.ilo.org/public/english/protection/safework/stress](http://www.ilo.org/public/english/protection/safework/stress) untuk Pertubuhan Buruh Antarabangsa
7. [www.oneworld.org/ifi](http://www.oneworld.org/ifi) untuk Department for International Development (DFID)

**Borang Penilaian  
Manual Latihan Islam Dan HIV/AIDS**

**MODUL 1 - 7**

Apakah kebaikan manual ini?

Sila beri penjelasan anda.

---

---

---

Apakah kekurangan manual ini?

Sila beri penjelasan anda.

---

---

---

Apakah yang perlu diperbaiki, ditambah, dikembangkan, atau dikemaskinikan di dalam manual ini?

Sila beri penjelasan.

---

---

---

## GLOSARI Bagi HIV/AIDS

ANTIBODI	Sejenis protein darah yang disintesis oleh sistem imun untuk menyerang bahan/agen yang menyerang yang boleh menyebabkan penyakit dan menjadikannya tidak merbahaya
UJIAN ANTIBODI	Prosedur untuk menentukan kehadiran antibodi tertentu kepada antigen khusus. Ujian antibodi HIV dilakukan untuk menentukan sama ada badan seseorang menghasilkan sebarang antibodi terhadap HIV
ANTIVIRUS	Ubat yang memusnahkan atau merencatkan pertumbuhan atau aktiviti virus. Contohnya, antiretrovirus ialah antivirus yang digunakan untuk melawan HIV
ASIMPTOMATIK	Tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala penyakit sama ada penyakit itu hadir atau tidak
DWISEKSUAL	Seseorang yang tertarik dari segi seks kepada kedua-dua lelaki dan wanita
CECAIR TUBUH	Sebarang cecair yang dihasilkan oleh atau terdapat dalam tubuh manusia, termasuk peluh, air kencing, air mata, susu ibu, cecair vagina, semen dan air liur. Antara cecair tubuh ini, HIV terdapat dalam jumlah yang boleh berjangkit hanya dalam cecair darah, semen, cecair vagina dan susu ibu.
PECAH RAHSIA	Apabila hak kebersendirian seseorang dicabuli, yang mungkin salah di sisi undang-undang atau tidak. Dalam kes HIV/AIDS pecah rahsia berlaku di hospital atau klinik, tetapi seseorang mempunyai hak yang sama untuk perlindungan hak kebersendirian di tempat kerja, sekolah atau dalam polisi insurans.
HUBUNGAN KASUAL	Hubungan dengan orang lain yang dilalui sebagai sebahagian aktiviti harian yang biasa. Dalam hubungan AIDS dan bagaimana ia disebarluaskan, hubungan kasual bererti aktiviti seperti bersentuh, berpeluk, ciuman, berjabat tangan, belajar di sekolah yang sama atau bercakap dengan orang lain
KONDOM	Ia biasanya dinamakan huruf atau getah Perancis. Secara tradisional, kondom ialah sarung yang dibuat daripada getah lateks yang dipakai pada zakar ketika membuat hubungan seks. Baru-baru ini, kondom wanita telah dihasilkan dan dipakai pada vagina. Penggunaan kondom melindungi kedua-dua pasangan daripada bertukar cecair badan dan ini seterusnya melindungi daripada jangkitan penyakit kelamin, termasuk HIV, dan mencegah kehamilan.
BERJANGKIT	Boleh disebarluaskan daripada seorang kepada seorang melalui hubungan kasual.
'DDL'	Akronim untuk didanosine, sejenis agen antiretrovirus untuk HIV/AIDS
DENTAL DAM	Kepingan getah lateks yang diletak meliputi vagina wanita ketika seks oral untuk mencegah mulut pasangannya daripada bersentuh dengan rembesan vaginanya. Dental dam boleh juga diletakkan pada anus seseorang ketika hubungan seks anal.

## GLOSARI Bagi HIV/AIDS

PENDEDAHAN	Merujuk kepada orang yang hidup dengan HIV/AIDS, ia bererti mendedahkan atau memberitahu tentang status HIV/AIDS mereka.
ELISA	Ujian antibodi yang paling kerap digunakan untuk menentukan jika seseorang dijangkiti virus HIV. Ujian ELISA mengesan kehadiran antibody yang dihasilkan untuk melawan HIV
NEGATIF PALSU	Dalam konteks jangkitan HIV, keputusan negatif palsu ialah keputusan salah yang berdasarkannya seseorang yang diuji disahkan tidak dijangkiti HIV sedangkan beliau sebenarnya dijangkiti HIV.
POSITIF PALSU	Dalam konteks jangkitan HIV, keputusan positif palsu ialah keputusan salah yang seseorang yang diuji disahkan dijangkiti HIV sedangkan beliau tidak dijangkiti.
AIDS	Istilah yang digunakan untuk menghuraikan keadaan seseorang yang didapati positif HIV dan yang telah menunjukkan satu atau lebih set penyakit penunjuk yang diiktiraf sebagai gejala atau tanda jangkitan HIV
LIMFOSIT PEMBANTU	Nama lain untuk limfosit CD4+ (sejenis sel darah putih). Ia dinamakan limfosit pembantu kerana ia membantu menyusun bahagian lain sistem imun bagi melawan bahan/mikroorganisma penyerang.
KELAKUAN BERISIKO TINGGI	Istilah yang digunakan untuk menghuraikan sebarang kelakuan yang mendedahkan seseorang kepada bahaya dijangkiti HIV. Ini termasuk hubungan seks, anal, oral dan vagina tanpa penggunaan kondom dan berkongsi jarum untuk menyuntik dadah secara intravena
HIV POSITIF	Istilah yang digunakan untuk menghuraikan seseorang yang darahnya didapati dijangkiti HIV, virus yang menyebabkan AIDS
IMUNOSUPRESI	Keadaan yang sistem imun seseorang telah menjadi lemah ke tahap yang ia tidak lagi berfungsi dengan berkesan.
TEMPOH PENGERAMAN	Tempoh masa antara apabila seseorang dijangkiti HIV dengan apabila tanda atau gejala pertama jangkitan HIV mula muncul.
KAPOSI SARKOMA	Dinamakan juga KS, ia adalah sejenis barah kulit yang biasanya dialami pesakit AIDS. Ia kelihatan sebagai tompokan ungu pada kulit
LIMFOSIT PEMBUNUH	Sel yang terdapat dalam aliran darah yang menyerang dan memusnahkan bahan penyerang.
NODUS LIMFA	Kelenjar yang bersambung dengan sistem limfa, iaitu sistem yang membawa cecair di seluruh badan. Apabila seseorang dijangkiti HIV, kelenjar ini akan menjadi bengkak. Nodus limfa utama terdapat di ketiak, groin dan leher
NONOKSINOL-9	Sejenis bahan kimia yang terdapat dalam sesetengah pelincir dan kondom. Ia membunuh sperma tetapi tidak membantu mencegah penjangkitan HIV

## GLOSARI Bagi HIV/AIDS

JANGKITAN OPORTUNISTIK	Sebarang jangkitan yang menggunakan peluang untuk menyerang badan seseorang yang sistem imunya telah lemah atas pelbagai sebab, seperti jangkitan HIV dan kemoterapi
SEKS ORAL	Aktiviti seks yang mulut atau lidah seseorang bersentuh dengan zakar lelaki, vagina wanita atau anus lelaki/wanita.
ORANG YANG TERJEJAS OLEH HIV/AIDS	Pasangan/sahabat/saudara-mara orang yang hidup dengan HIV/AIDS
ORANG YANG HIDUP DENGAN HIV/AIDS (ODHA)	Orang yang positif HIV/AIDS
PNEUMONIA PNEMOSITIS KARINI	Dinamakan juga PCP, iaitu sejenis jangkitan oportunistik yang menjelaskan paru-paru
KAUNSELING SELEPAS UJIAN PRASANGKA	Kaunseling yang diberikan selepas keputusan Ujian Antibodi HIV telah diketahui. Pendapat praanggap seperti sikap berat sebelah terhadap orang yang hidup dengan HIV/AIDS
KAUNSELING SEBELUM UJIAN	Kaunseling yang diberikan sebelum Ujian Antibodi HIV dilakukan
PROFILAKSIS	Agen yang mencegah pembentukan sesuatu keadaan atau penyakit
SEKS LEBIH SELAMAT	Seks lebih selamat ialah sebarang aktiviti seks yang tidak membenarkan semen atau cecair vagina daripada individu yang dijangkiti masuk ke dalam badan orang lain
SEROPOSITIF	Istilah yang digunakan untuk menghuraikan seseorang yang darahnya didapati positif untuk kehadiran antibodi HIV
SPERMISID	Bahan kimia yang membunuh sperma
STEREOTAIP	Stereotaip ditakrif sebagai gambaran mental standard sesebuah kumpulan dalam komuniti. Ia terdapat dalam semua budaya dan mungkin mempunyai kesan negatif ke atas interaksi sosial. Dalam HIV/AIDS, orang ramai berpendapat bahawa hanya pengguna dadah, pelacur atau orang yang tidak berakhlek dan sebagainya akan dijangkiti.
KIRAAN SEL CD4+	Bacaan bilangan limfosit CD4+ seseorang per/mm3 darah. Kiraan sel CD4+ sering digunakan untuk menentukan peringkat jangkitan HIV
SERIAWAN	Sejenis jangkitan yis yang mungkin berlaku di mulut dan tekan atau vagina, yang menghasilkan salutan keputihan atau bintik atau lelehan vagina. Seriawan mungkin gejala awal bagi jangkitan HIV

## LAMPIRAN -3

### GLOSARI Bagi HIV/AIDS

BOLEH MENULAR	Boleh disebarkan daripada seorang ke seorang melalui kaedah selain hubungan kasual
SEKS TANPA PERLINDUNGAN	Hubungan seks vagina, anal atau oral dengan tidak menggunakan kondom.
PENYAKIT KELAMIN	Nama lain untuk penyebaran yang disebarluaskan melalui seks. Ia adalah sebarang penyakit yang boleh disebarluaskan melalui hubungan seks
WESTERN BLOT	Ujian yang dibuat untuk mengesahkan keputusan ujian ELISA. Ia menguji untuk kehadiran antibodi HIV dalam darah, cecair tubuh atau sampel tisu.
TEMPOH JENDELA ATAU WINDOW PERIOD	Tempoh masa antara apabila seseorang telah dijangkiti HIV dengan apabila badan telah menghasilkan cukup antibodi kepada virus untuk membolehkan ia dikesan melalui ujian darah. Umumnya, tempoh jendela ialah di antara beberapa minggu hingga enam bulan daripada tarikh jangkitan

### PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada individu dan organisasi yang telah menjayakan Manual Islam dan HIV/AIDS :

1. Puan Mehrun Siraj: Pengerusi Kumpulan Kerja Teknikal Manual Islam dan HIV AIDS
2. Dato' Dr Ismail Ibrahim
3. Dato' Alim Panglima Haji Mat Jahya bin Haji Husin
4. Dato' Pirdaus Haji Ismail
5. Dato' Dr. Faisal Hj. Ibrahim
6. Sahibulsamahah Dato' Mufti Johor
7. Mufti Perlis
8. Mufti Perak
9. Mufti P.Pinang
10. Datin Paduka Marina Mahathir: Mantan Presiden Majlis AIDS Malaysia
11. Professor Madya Dr Ismail Baba
12. Ustaz Mahmud Abdul
13. Ustaz Haji Ahmad Ismail
14. Dr Norita Ahmad
15. Majlis AIDS Malaysia
16. UNDP

## RUJUKAN

1. al-Quran al-Karim (<http://www.islam.gov.my/dircportal/quranview.htm>)
2. al-Hadis an-Nabawiah (<http://www.al-eman.com/hadeeth/>), (al-maktabah as-syamilah)
3. Report on the Global HIV/AIDS Epidemic 2002, Joint United Nations Programme on HIV/AIDS (UNAIDS)
4. UNAIDS Best Practice Collection, AIDS Education Through Imams
5. Sexual Health and Health Care: Care and Support for People with HIV/AIDS in Resource-Poor Settings, Department for International Development (DFID)
6. Facilitating sustainable behaviour change, A guidebook for designing HIV programs, Bruce Parnell and Kim Benton
7. Islamic Approach on HIV/AIDS, Report on the First HIV/AIDS ASEAN Regional Workshop of Islamic Religious Leaders, Jakarta, November 30 – December 3 1998, Indonesian Council of Ulama
8. AIDS Update 2002, Gerald J. Stine, An Annual Overview of Acquired Immune Deficiency Syndrome
9. Guidelines on Educating People to Prevent and Control AIDS, written and compiled by the Training Team of the Islamic Medical Association of Uganda
10. Technical Report and Proceedings, 1st International Muslim Leaders Consultation on HIV/AIDS, 1–4 November 2001, Kampala, Uganda
11. Technical Report and Proceedings, Training on HIV/AIDS and Islam for Nigerian Muslim Leaders, Federation of Muslim Women Association of Nigeria, Islamic Medical Association of Uganda, Department for International Development
12. Kementerian Kesihatan Malaysia
13. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
14. Majlis AIDS Malaysia

